

26 Tahun
42 Negara
4 Benua



Grand Central-
42 Street Station



Enter at
Grand Central Station

Bicycles or other property
attached to these railings
be removed and delivered
to the Lost Property Unit
located at 34 St & 8 Av
Tel.# (212) 712-4500/4501



BADRUL HISHAM

MERENTAS AMERIKA

"Mimpi tak kenal
usia dan masa, peluklah
peluang depan mata."

TRAVELOG MR. BACKPACKER

MERENTAS AMERIKA

26 TAHUN | 42 NEGARA | 4 BENUA | HIJRAH

BADRUL HISHAM

Malaysia
2016

Diterbitkan Oleh:
BADRUL HISHAM BIN BURHANUDDIN

No. 4, Jalan Bijaya 4,
Taman Bijaya,
41000 Klang, Selangor



@hisham_kck



hishamstech@gmail.com

Penerbitan © Badrul Hisham
Teks & Gambar © Badrul Hisham
Cetakan Pertama: April 2016

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbit atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semula atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian, tanpa keizinan bertulis daripada **Badrul Hisham Burhanuddin** selaku penerbit dan penulis.

ISBN: 978-967-14090-0-8

Suntingan & Reka Kulit Buku:
Hafiz Latiff (Legasi Oakheart)

Reka Letak:
Norfarahin Athirah (Legasi Oakheart)

Dicetak Oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

BADRUL HISHAM

Lulusan Sarjana Kejuruteraan Mekanikal dari universiti terkemuka di England. Orang pertama di England yang berselfie dan menari ketika majlis graduasi sehingga video menjadi viral di Malaysia. Berasal dari kampung sehingga berjaya ke puncak menara gading. Dengan berprinsipkan hidup ini sangat pendek dan perlu berimpian besar, Hisham berjaya melancong ke 42 negara. Anda tidak percaya?
Ini IG [hisham_kck](#) dan FB Badrul Hisham.

TERIMA KASIH

Dengan menyebut nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, saya panjatkan puji syukur atas kehadirannya, yang telah melimpahkan rahmat, hidayah-Nya sehingga saya dapat merantau lebih 40 negara dalam masa yang singkat dalam misi mencari ilmu, inspirasi dan semangat yang baru.

Kisah hidup saya yang penuh dengan onak dan duri yang sangat tajam. Dirompak di Turki, hampir mati di perairan Florida, hampir lemas di Tasik Oman dan ditangkap polis di Amerika, melihat keajaiban matahari terbit di Austria sehingga mendengar bunyi hantu di kawasan pedalaman Turki.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan dan keluarga yang memberi sokongan padu ketika saya hampir mengaku kalah dalam merantau pusing dunia. Tambahan saya juga ingin berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara yang memberi bantuan kewangan ketika duit poket saya hampir sudah kering.

Terima kasih juga kepada Legasi Oakheart kerana berjaya menjadikan buku ini daripada angan-angan menjadi realiti.

Akhir kata, saya ingin dedikasikan buku ini kepada anak cucu cicit saya pada masa akan datang. Mengejar impian ini sungguh indah kerana memori suka dan duka inilah yang akan kekal sepanjang hayat.


“Impian besar akan membawa kita kepada kehidupan yang lebih indah.”

KANDUNGAN

Musim Sejuk Sheffield, UK	1
Neon New York	17
Air Terjun Syurga Niagara	33
Rumah Presiden White House	50
Hampir Lemas Daytona	65
Disneyland Florida	78
Titik Hujung Amerika Key West	88
Space Shuttle NASA	97
Ditangkap Koboï Texas	109
Hampir Pengan di National Arches	130
Lembah Mati Death Valley	141
Beruang California	154
Ironman Hollywood	164
Main Bola Sepak Rio, Brazil	182



"Aku lagi rela belanja duit untuk merantau melihat dunia daripada beli rumah banglo 10 juta ringgit dan risau rumah kena pecah masuk."



*"Hidup hanya sekali, mengembaralah selagi bernafas untuk melihat keindahan dan menghayati ciptaan-Nya di dunia ini agar kelak tidak akan menyesal."
-Syaiza Dekja*

MUSIM SEJUK SHEFFIELD, UK

FEBRUARI 2012

Kelihatan keputihan salju yang datang menyinggah seminggu yang lalu semakin pudar, keampuhannya juga semakin mencair menjadikan kawasan sekitar bangunan Kejuruteraan Mekanikal kebasahan. Rembesan udara beku menonong meluru masuk ke dalam rongga hidung tiap kali cubaan aku untuk menghirup udara. Mahu sahaja lagaknya aku menahan nafas dek kerana tidak rela hidung mengeras. Bernasib baiklah wahai kau kulit kuning langsung, aku baluti kau dengan dua lapis baju sejuk. Jika tak, ranumlah kau seperti hidung ini. Aku gelak sendirian. Dek kerana ralit mengelamun, aku jatuh tergelincir di tepi jalan. Makanya aku pula yang menyembah salji.

“Hahaha, are you alright mate?” Orang putih tempatan berslang Yorkshire gelak memecahkan suasana sambil membantu aku untuk aku kembali bangun.

Wajahku bertukar menjadi merah padam. Langkah laju kuatur menuju ke kuliah Kejuruteraan Mekanikal merentas West Street yang dipenuhi restoran halal Kurdistan. Tetapi kali ini aku lebih berhati-hati dalam melangkah. Timbunan salji yang masih degil mencair aku elak dan lompat dengan bijaksana. *Feeling* ke kuliah harini bagaikan pengembaraan epik sepanjang perjalanan. Benarlah pesanan orang-orang, pengalaman itu mengajar. Apatah lagi bila ditertawakan sebentar tadi.

Telefon pintar aku menunjukkan kuliah *Mechatronics* diadakan di dalam Gereja St George yang berada betul-betul di hadapan bangunan utama kejuruteraan. Setiap kali aku memasuki pintu gereja tersebut, satu mangkuk yang besar diperbuat daripada besi tembaga sering aku lihat. Mungkin itulah tempat di mana mereka letak *Holy Water* untuk diberikan kepada pengunjung gereja satu ketika dahulu. Kini mangkuk tersebut telah kering dan dibiarkan begitu sahaja. Mengikut sejarah, gereja itu dibina pada tahun 1825 bertemakan seni bina *gothic* dan berketinggian 45m. Kerusi disusun bertingkat-tingkat dan hanya mempunyai satu ruang utama. Kaca jendela pula mempunyai rona yang pelbagai dan udara bersih mampu masuk ke dalam gereja dengan mudah. Pantas ke zaman moden, gereja ini telah dibeli oleh pihak universiti dan ditukarkan daripada tempat keagamaan, menjadi dewan kuliah kejuruteraan yang paling besar di Sheffield, malah di Eropah!

Lantas, aku melangkah masuk ke dalam dewan utama dan terus menuju ke kawasan tengah di mana semua kawan karibku menapak. Kawan karib aku terdiri daripada orang Turki, Bahrain, Pakistan, India, Sri Lanka, British dan juga Romania. Mereka kawan yang sangat *sempoi* sepanjang tempoh aku belajar di UK. Pendek kata, aku berkawan dengan semua orang tak kira latar belakang asalkan berkeperibadian baik. Yang menjadikan dewan kuliah ini lagi pelik, kebanyakan orang Asia yang bermata sepet akan duduk betul-betul di 5 saf hadapan manakala orang putih duduk di barisan yang belakang.

“Good morning. Mechatronics is a multidisciplinary field of engineering that includes a combination of mechanical engineering, electrical engineering and many more.”

Suara nyaring pensyarah keturunan kampung Derbyshire memecahkan gegandang telinga semua pelajar *Mechanical Engineering* di dalam kuliah ini. Lantas memamatkan lamunan aku. Suasana yang riuh-rendah penuh gelak ketawa terus menjadi hening sebaik sahaja pensyarah melontarkan suara. Riak wajah yang riang berubah menjadi serius ketika belajar. Meremang bulu roma aku dibuatnya. Mereka kelihatan seperti disampuk hantu raya. Di sudut hati, aku berasa sangat bangga melihat budaya yang luar biasa ini.

Tanganku ligat mencoret setiap isi penting yang disampaikan oleh pensyarah. Aku cuba menerima setiap informasi yang dimasukkan secara paksa ke dalam telinga, lalu aku paksa lagi supaya otak mencerna. Itu kisah 15 minit yang pertama. Masuk sahaja minit yang seterusnya, secara separuh sedar, fikiran aku mula melelat seperti pohon kacang panjang melelat-lelat berlingkar bila sudah semakin dewasa. Suara mendatar pensyarah menjadi pemangkin kedua untuk aku menghalalkan lagi niat mengembara dalam imaginasi. Ditambah pula dengan suhu yang mencecah paras beku, mengindahkan lagi mata ini untuk terus layu. Lentokan kepala aku semakin seksi, ke kiri, ke kanan ia mengatur tarian. Aku bernasib baik hari ini, kepala tidak menyembah kuat ke atas meja. Dengan wajah yang kosong dan pelukan jemari pada pena semakin lemah, aku gagahi jua sisa-sisa kudrat untuk bertahan 45 minit yang berbaki. Lirik mata yang sayu menatap wajah jam di dinding. Ayuh, kita berjihad!

Pada mulanya otak mekanikal ini rancak berfikir bagaimana orang dahulu membina gereja yang sangat kompleks ini tanpa menggunakan mesin moden. Berapa ramai orang yang terbunuh ketika dalam proses mengangkat batu bagi mimbar gereja ini? Bagaimana kiraan *force* dan *stress* di setiap batu jika mereka tidak ada kalkulator yang

canggih? Zaasss, semua soalan itu mudah aku mencari solusi dengan menggunakan ilmu kejuruteraan yang aku pelajari. Kini aku perlukan sesuatu cabaran yang lagi sukar.

Ini merupakan titik mulanya perkataan Amerika muncul di benak hatiku. Bertubi-tubi soalan mengasak minda. Akhirnya aku akur. Syarahan di depan aku biarkan tanpa rasa bersalah.

‘Besar mana New York?’

‘Dalam layar perak semua bangunan dah musnah di Washington, betul ke?’

‘Cantik ke Disneyland di Amerika?’

‘Perempuan Amerika ini cantik ke atau indah khabar dari rupa?’

‘Dengar cerita koboi berasal dari Texas, rupa sebenar macam mana, adakah mereka masih menunggang kuda sambil menjerit Yeeehaaaa?’

Dan soalan yang terakhir paling maut, ‘Bagaimana aku ingin *backpack* di Amerika dengan duit *sciput* dan tidak ada pengalaman memandu di negara maju?’

Tanpa melengahkan masa, aku terus meminta bantuan sahabat setiaku Encik Google untuk mencari jawapan kepada persoalan yang bermain di fikiran. Walaupun jariku kebas dek kesejukan di dalam gereja ini, aku gagahkan untuk membuka Google Maps terlebih dahulu bagi mendapatkan idea secara *general*, besar mana Amerika yang gah ini. Aku menulis ‘America’ di papan kunci dan Peta

Amerika terpampang besar di seluruh muka *screen* telefon pintar Samsung. Tidak terlintas langsung kesusahan yang aku akan alami di Amerika, yang sering bermain di fikiran ialah 'adventure' yang aku akan nikmati. Melihat tempat baru, pengalaman luar biasa yang akan dirasai, sentuhan air terjun di tengah pedalaman Amerika dan yang paling aku suka ialah bau udara yang unik di setiap negara. Waaaa! Tatkala sering asyik menaip pelbagai kata kunci tentang Amerika di Google, masa bergerak dengan pantas. Ini magis! Aku semakin teruja untuk melihat kota gah New York yang sering dipaparkan di dalam *movie* Amerika. 45 minit berlalu seperti 10 minit. Minda aku segar-bugar seperti baru bangun dari tidur yang lena 10 jam.

"See you next week, the note for this lecture and assignments is in the Mole University Website," kata pensyarah *Mechatronics*.

That's a wrap! Sebaik sahaja aku mendengar kata hikmah tersebut, aku meneruskan misi seterusnya iaitu mencari kawan yang lebih gila dalam bab mengembara untuk menyertai ekspedisi yang sungguh mencabar. Aku lantas pergi berjumpa dengan kawan karib *backpack* aku di barisan hadapan gereja. Nama pemuda tersebut ialah Furkan Kaya berketurunan Turki berwarganegara Britain. Tanpa rasa segan silu aku mengajukan soalan.

"Hey man, how are you doing?"

"I am alright, how about you?"

"I am great as always, dude. Do you want to travel to America within 1 month this summer with a car? If we couldn't rent a cheap car, we go by public transport, last option we go

there by hitch-hike.”

“Sounds good to me bro. Lets buy the ticket.”

Dengan pantas Furkan bersetuju untuk menyertai ekspedisi yang gila ini tapi dengan satu syarat. Pastikan perjalanan ini semurah mungkin. Aku sungguh masak dengan perangai kawan aku ini. Semua benda hendak yang paling murah. Beg, tiket, kasut, dan buku murah. Mungkin itulah rahsia dia yang menjadikan dia berjaya merantau ke pelbagai negara. Mana tidaknya, aku juga berperangai sama iaitu membeli barang yang paling murah. Nasib baik dunia ini tidak dipenuhi dengan barang terpakai, jika tidak aku dan dia pasti menjadi pelanggan setia setiap minggu.

Hati yang penuh bersemangat dibiarkan lagi membara. Aku ponteng kuliah *Management* semata-mata untuk mengekalkan semangat untuk pergi ke Amerika (jangan tiru ya adik-adik). Impian telah dilakar dan kini masuk usaha teguh untuk menjayakan. Alamak! Aku baru tahu untuk masuk ke negara sebesar Amerika ini, aku sebagai orang Malaysia perlu memohon visa di Embassy Amerika yang paling dekat iaitu di London.

‘Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan setiap orang hanya memperolehi apa yang ia niatkan.’
(Hadith riwayat Imam Bukhari dan Muslim)



Visa

Sebulan setelah aku mendapat ilham untuk merantau di Amerika, aku pun mencuba nasib untuk memohon visa

Amerika. Di hadapan komputer berjenama Dell, aku menekan tetikus menuju laman web Kedutaan Amerika London. Pada mulanya aku ingatkan prosesnya sesenang ABC dengan hanya memohon di Internet. Namun setelah aku membaca prosedur, prosesnya sangat rumit sehingga kebiasaan orang akan menyerah kalah terlebih dahulu.

Langkah pertama sudah cukup mencabar. Di laman web Kedutaan Amerika London, mereka bertanyakan berpuluh-puluh soalan yang sangat sensitif. Salah satunya, “Adakah awak pernah terlibat dalam organisasi pengganas?”, “Adakah saudara-mara anda pernah terlibat dalam organisasi pengganas?”, “Adakah awak pernah ditangkap polis atas tuduhan pengganas?” Renik peluh jantan membasahi dahi semasa menjawab soalan tersebut. Tapak tangan dan kaki semakin sejuk dek kerana perasaan seram. Kebanyakan soalan yang diajukan berkaitan dengan pengganas sehingga aku berfikir bahawa Amerika ini terlampau *Islamophobia*. Walaupun aku ini bukan seorang pengganas dan tidak terlibat dengan organisasi pengganas, soalan tersebut mampu menjadikan kita cenderung untuk menjadi pengganas sebab terlalu marah dengan soalan yang diberikan ketika menjawab soalan tersebut. Okay, ini hiperbola! Sila gelak.

Setelah aku sudah menjawab kesemua soalan, aku ulang baca setiap soalan berulang kali untuk pastikan aku tidak meletak jawapan yang salah pada soalan yang maut. Tidak dapat kubayangkan jika kotak ‘Ya’ aku tersilap letak pada soalan “Adakah anda seorang pengganas?” Di benak fikiranku, jika aku terjawab ‘Ya’, pasti keesokan harinya polis dan perisik England akan merempuh pintu rumah aku dengan senjata paling canggih di Broom Hall untuk mencari bukti-bukti pengganas. *Laptop*, kertas dan *hard disk* kepunyaan aku akan dirampas serta-merta. Aku juga akan

digari dan dikepung kepala dengan kain hitam. Dicampak masuk ke dalam kereta dan dibawa entah ke mana-mana. Aku menepuk dahi. Mengelamun lagi! Setelah berulang kali memeriksa jawapan kepada setiap soalan, dengan jari yang terketar, bahkan telinga aku mampu mendengar degupan jantung sendiri, dengan lafaz Bismillah punat 'send' aku klik. Lega, satu azab sudah lepas.

Langkah kedua juga tidak kurang 'thrill'nya. Setiap borang yang dihantar perlu disusuli dengan proses temu duga muka bertemu muka selama 5 hingga 10 minit bergantung kepada keyakinan calon dan setiap jawapan yang diajukan. Pada peringkat ini juga mereka ada kuasa untuk menahan anda jika anda disyaki sebagai seorang pengganas. Tanpa bicara, sekelip mata sahaja aku akan menjadi salah seorang penghuni tetap Guantanamo Bay tanpa bukti yang kukuh, didera dan dipukul untuk memaksa aku mengeluarkan segala informasi. Akta yang dibuat oleh Amerika ini sungguh tidak berperikemanusiaan.

Kembali kepada realiti, penemu duga berkulit putih yang berketurunan Amerika berada di sebalik kaca kalis peluru sedang menilai semua soalan dan jawapan yang aku jawab di laman web tempoh hari. Mukanya agak bengis, pertuturannya sepatah-sepatah menandakan dirinya dalam emosi yang kurang stabil. Kaki dan tanganku pula semakin menggeletar bagaikan ia mahu lari dari melekat dari soket tulang, seisi sel tubuhku kini dalam ketakutan. Aku cuba untuk berdiri kaku di hadapannya dan cuba mempamerkan keberanian yang nyata hanya lakonan semata, sedangkan tanganku berada di atas meja besi merasai kesejukan cuaca musim bunga. Semasa dia sedang asyik membelek kertas informasi diri aku, mulutku secara tidak sengaja menyanyikan lagu secara perlahan untuk menenangkan hati yang sedang

gundah-gulana. Tiba-tiba aku ditengking.

"This is not a singing place. Don't sing!"

Terkaku. Terus mulutku terkatup senyap, lidah keras terasa bertulang dan aku berubah menjadi serius. Garang betul penemu duga ini, lafazku di bawah desibel yang tidak mungkin didengarinya. Beberapa minit kemudian tanpa ada insiden berlaku, dia bertanyakan soalan baru yang lagi pedih.

"Where did you get the money to travel in US?"

Jenuh kepala fikiranku mencari jawapan. Lidah gatal mahu melafaz bahawa wang itu aku perolehi dengan merompak bank, tapi loyar buruk itu pasti akan mendapat padah yang berlipat ganda. Menyanyi tadi pun beliau sudah bengang inikan pula bergurau loyar buruk dengan merompak bank. Aku cuba mencari fail-fail jawapan di dalam *Mind Palace*, terjumpa.

"I save my salary money each month to visit the Mighty US."

Penemu duga itu mengangguk puas hati dengan jawapan aku. Lega.

"Everything seems alright, we will take your passport for a few days and we will sent to you back."

Sejuk sampai ke tulang mendengar permintaan beliau. Aku membisu untuk beberapa ketika sebelum memberi jawapan. Terimbau bahawa pernah satu ketika dahulu Kedutaan Malaysia pernah memberitahu kami, pelajar Malaysia untuk jangan diberikan pasport kepada pihak mana-

mana di luar negara kerana bimbang mereka akan melelong di pasaran gelap dengan harga RM30,000. Jika pasport hilang di luar negara, susahny bukan kepalang kerana aku perlu laporkan kepada polis Scotland Yard terlebih dahulu untuk mendapatkan surat pengesahan daripada mereka. Kemudian baru aku boleh memohon pasport baru. Apa yang aku patut lakukan? Rupa paras aku jika dipandang sekali imbas hampir serupa dengan mat Bangladesh yang menjaja cenderahati di Covent Garden, London. Polis UK pula gemar membuat pemeriksaan mengejut kepada pasport warga asing untuk melihat kesahihan visa mereka. Apalah nasib malang aku ini. Dengan mengambil risiko yang kurang aku pasti pengakhirannya, aku membiarkan pasport aku di Kedutaan Amerika dengan harapan mereka akan menunaikan janji mereka dalam masa beberapa hari. Tanpa identiti yang sah, aku pulang ke Sheffield menaiki kereta api dengan harapan tidak ada polis yang mengesyaki aku sebagai pendatang haram. Mata aku melilau mencari mata-mata yang mencurigakan.

Lima hari berlalu dengan penuh debaran dan tanpa polis mengetuk pintu rumah aku di Sheffield. Jadi bilamana ketukan abang posmen membuatkan aku hampir terkencing di dalam seluar, manakan tidak, ketukannya luar biasa pula kuatnya. Bagaikan mahu merobohkan pintu berona merah pekat rumahku ini. Pintu rumah aku kuak buka, seorang lelaki tempatan sederhana tinggi yang mengenakan seragam posmen terpacak dengan senyuman mekar di bibirnya.

“Is this Badrul Hisham? Can I have your any ID card please?” Dia bertanya dengan nada yang tergesa-gesa.

“Give me a second,” balasku.

Tanpa sedar, aku berlari menuju ke bilik untuk mencari ID universiti yang aku letak di dalam laci kedua meja belajar. Aku genggam erat ID universiti dan berpatah balik ke pintu utama. Setelah meyakini bahawa aku sah si Badrul Hisham, sepucuk surat bertukar tangan. Aku pasti ianya mengandungi pasport kesayangan aku. Tanpa membuang masa, aku mengucapkan terima kasih kepada posmen dan membuka bungkusan. Alhamdulillah, Kedutaan Amerika memberikan 10 tahun visa melancong kepada yang bernama Badrul Hisham. Lalu tumbukan padu aku lepaskan ke udara. Seksa kedua sudah terlerai!



Rekrut

Puas satu bandar Sheffield aku merisik kawan sebangsa untuk bersama ekspedisi ke Amerika, tidak kira lelaki atau perempuan dan tidak kira latar belakang kejuruteraan, biologi, medik atau arkitek. Aku pancing mereka dengan berkata kepada mereka bahawa aku tidak mampu memberikan ganjaran wang tapi aku mampu memberikan janji pengalaman yang berharga sampai bila-bila. Namun setiap cubaan, aku pulang dengan hampa. Kebanyakan kawan aku yang dalam kejuruteraan mekanikal dan kimia enggan menyertai ekspedisi ini dengan alasan mahu kumpul duit untuk belanja kahwin yang cuma satu hari. Yang lain memberi alasan ingin membeli kereta BMW, Mercedes atau Mini untuk dibawa pulang ke Malaysia. Yang lain pula menceritakan mahu bekerja di cuti musim panas untuk rehatkan minda dan bermain *game PS3*.

Atas dasar kecewa tatkala kenalan dan kawan-kawan menolak untuk merasai pengalaman manis pahit

merantau, yang mana suatu ketika nanti akan kamu ceritakan kepada anak, cucu-cicit, sepupu-sepapat dan generasi seterusnya. Setiap hari merantau ada kemanisan sendiri yang akan mengubah hidup diri sendiri secara tidak langsung. Mungkin dengan pengalaman ini kamu akan jadi manusia yang memimpin orang Malaysia ke arah yang lebih baik sepertimana yang dilakukan Imam Syafie ketika satu zaman dahulu mencari ilmu dan ilham ketika merantau. Lantas dengan langkah yang bersahaja, aku pulang walaupun hati remuk dan hampa. Harapanku, semoga pilihan aku untuk merantau ini menjadi inspirasi buat mereka pada masa hadapan.

Hands down. Aku cuci tangan untuk merekrut kawan-kawan kali ini. Dengan takdir Tuhan yang Maha Esa, sahabat karibku yang bernama Elynn Suah yang sedang menuntut di Southampton menghantar satu mesej Facebook yang menghidupkan harapan yang tadinya semakin malap. Bebola kepala kembali bercahaya, semangat kembali membuak. Lagaknya aku seperti budak-budak yang diberi gula-gula, sungguh aku ini spesies mudah terhibur. Elynn memberitahu aku, dia kenal seorang lagi kawan yang mahu pergi ke Amerika dan juga sedang mencari teman. Namanya ialah Badrul Hisyam yang sedang menuntut jurusan Perakaunan dan Kewangan di Cardiff. Wow! Namanya hampir sama seperti aku Badrul Hisham. Yang membezakan ialah cuma aksara Y dan H. Aku tidak tahu yang nama hampir sama kami ini nanti akan mumbuatkan kami hampir terjebak dalam penjara di Texas.

Tiga bulan sebelum merantau, aku dan Furkan membuka laman web *kayak.co.uk* untuk mencari harga tiket yang paling murah. Harga tiket berubah setiap hari berdasarkan trend manusia bergerak dan insiden yang

berlaku di sesuatu tempat. Dua minggu berturut-turut aku mencari harga di laman web tersebut, akhirnya aku terjumpa tiket kapal terbang dari Manchester ke New York dan kemudiannya dari New York ke Brazil dan pulang dari Brazil ke Manchester dengan jumlah RM4000 yang dikendalikan oleh American Airlines. Harga kebiasaan bagi perjalanan sejauh ini ialah lebih daripada RM6000. Entah bagaimana nasib aku bertuah, penjimatan sehingga RM2000.

“Mimpi tak kenal usia dan masa, peluklah peluang depan mata.”

-Aniss Aziz



Jalan menuju ke kuliah tebal dengan salji. Silap langkah akan tergelincir jatuh muka dahulu ke salji.




Taman di sebelah perpustakaan universiti yang penuh dengan salji.

Muadz Nasha. Tipu kalau aku tidak mengaku aku pun sama makan salji yang turun dari langit. Rasa sama seperti ABC, cuma tidak ada perisa.



Snowman yang paling besar dalam Sheffield. Selepas kami buat *snowman*, aku tunggu semua orang pulang dari taman. Tanpa rasa segan silu, aku membuat *flying kick* kepada *snowman* orang lain.



*"Percaya dengan kuasa doa, Allah pasti makbulkan permintaan kita sama ada lambat atau cepat asalkan kita berusaha, berdoa dan tawakal kepada-Nya."
-Syiqqa Syafiqah*

NEON NEW YORK

Amerika, sebuah negara yang menggiurkan, paparan yang indah di kaca layar emas dan perak. Kemegahannya lebih menyerlah dan jasadku bertaut untuk bertandang ke tanah Red Indian ini lebih mendalam apabila menonton filem-filem *superheroes* dari Marvel. Hasrat hati untuk bertemu dan bersua muka dengan Ironman. Tetapi hasrat itu aku diamkan bila mengira-ngira kesukaran yang melampau untuk mencari beliau. Mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy, New York sudah menjadi dugaan yang pertama. Aku melangkah keluar dari kapal terbang Boeing 747 yang membawa aku dari Manchester selama 7 jam. Sebelum mendarat di lapangan terbang ini, aku terbaca artikel di laman sesawang bahawa keselamatan di lapangan terbang ini sangat ketat sehinggakan mereka mempunyai alat untuk mengesan sekecil-kecil partikel radioaktif ataupun bahan letupan. Artikel itu juga menerangkan mereka mempunyai banyak anjing untuk mengesan pelbagai jenis dadah tidak kira *Ice*, *Meth* ataupun ganja.

Aku gundah dan hati semakin keruh dengan kerisauan. Tangan dan kaki berpeluh tatkala melihat mesin keselamatan canggih di dalam lapangan terbang. Aku takut kerana aku pernah tersentuh bahan radioaktif dan bahan letupan di dalam makmal University of Sheffield. Ada kemungkinan sisa radioaktif masih berkeliaran di dalam badan aku dan mesin keselamatan mungkin berjaya mengesan dan salah faham mungkin terjadi. Cuak! Tidak pasti sama ada aku ini terlebih paranoidnya atau semata-mata naif.

Mesin itu berketinggian 2 meter, mirip seperti kapsul gergasi di dalam cerita Star Trek dan berwarna kelabu berserta cermin lutsinar. Sebelum aku melangkah kaki masuk ke dalam mesin kapsul yang mencurigakan itu, aku memastikan poket seluar pendek aku bebas dari besi kunci ataupun syiling yang boleh mencetus salah sangka. Dompot, pasport dan selipar kesayangan Crocs aku buka letak ke dalam *conveyor belt*. Gulp. Air liurku panas meluncur anak tekak, dalam masa yang sama cuba kelihatan bersahaja dan tenang. Peranan sebagai anak jantan aku mainkan sebaik mungkin saat ini.

Aku melangkah masuk dengan kaki kiri dan berdiri tegak seperti tugu di tempat yang mempunyai gambar tapak kaki. Aku mengangkat tangan dan mesin itu berbunyi mekanikal seakan-akan dalam Avengers dan berpusing mengelilingi aku dengan pantas. Sungguh canggih.

Polis di hadapan aku menyuruh aku keluar dari mesin dengan perlahan-lahan. Gelabah aku dibuatnya. Ini kali pertama aku di tanah yang sangat fobia dengan pengganas. Dek kerana terlalu gelabah, suara polis itu sipi-sipi aku dengar mengucapkan terima kasih. Lega hatiku. Perut aku yang sebelum ini kecut kini mengembang seperti semula. Aku bebas dari segala tuduhan. Furkan Kaya juga lepas keselamatan tanpa sebarang masalah yang sukar kerana pasportnya tertera dia warganegara British bukan Turki. Jika aku Pakistani sudah tentu masalah ini bertambah sulit.

Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy yang dibina pada tahun 1948 agak kurang lawa jika dibandingkan dengan KLIA 1, KLIA 2, atau

Dubai Terminal 1. Rekaan memaparkan ukiran 30 tahun sebelumnya dengan ruang yang sedikit sempit. Pelancong agak sukar untuk bergerak di dalam *airport* ini dan mudah sesat kerana mempunyai banyak lorong yang menghala ke tempat lain. Aku mengambil beg di tempat yang disediakan lalu mencari jalan ke kota gah New York.

Aku membuka beg merah kecil aku untuk mencari alamat hostel paling murah yang telah aku tempah 3 hari sebelum bertolak ke Amerika. Di atas kertas itu juga tertera cara-cara untuk pergi ke hostel itu dengan menggunakan pengangkutan awam yang disediakan dari lapangan terbang. Aku mengambil kereta api yang berharga 10 *dollar* menuju ke stesen Jamaica Van Wych yang terletak di Queens, New York. Bagi mudah untuk aku fahami, Queens merupakan salah satu daerah kecil di dalam kota New York. Kebanyakan penempatan bagi golongan pertengahan dan juga orang miskin terletak di dalam daerah ini. Yang kita lihat di kaca mata televisyen memaparkan daerah yang paling terkenal iaitu Manhattan di mana di situ terletakinya semua tarikan pelancong yang terkenal seperti World Trade Centre, Statue of Liberty, Fifth Avenue dan juga Central Park. Spiderman tinggal di apartment yang paling murah di utara Manhattan.

Setiba di stesen Jamaica Van Wych, aku dan Furkan kaku beberapa minit di hadapan stesen kereta api tersebut. Rekaan, susunan bangunan, arah kereta bergerak serta gaya berpakaian masyarakat tempatan sungguh berbeza jika dibandingkan dengan bangsa Eropah dan Malaysia. Bau udara di New York, Amerika juga lain daripada lain, tidak menyenangkan udara Manchester dan dipenuhi dengan pencemaran. Aku pergi ke kedai telekomunikasi yang berdekatan untuk membeli *SIM Card* yang paling murah sekali. Pemilik kedai merupakan orang berketurunan India

yang aku anggap baru sahaja mendapat pasport Amerika. Dia memberitahu aku *SIM Card* paling murah berharga 30 *dollar* dan untuk *unlimited* Internet selama sebulan pula berharga tidak kurang 50 *dollar*. Koyak poket jika mengeluarkan wang sebanyak itu dalam hari yang pertama. Aku tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa juga untuk membeli *SIM card internet unlimited* yang berharga 80 *dollar*. Di kawasan Queens ini, tidak pernah dalam hidup aku melihat sungguh ramai orang yang berkulit hitam berkeliaran di satu tempat. Aku pura-pura *cool* sambil berjalan tidak tentu hala mencari hostel. Rumah di Amerika serupa seperti mana yang kita lihat di dalam tipikal filem mereka. Rumah teres yang mempunyai laman kecil. Laman yang secara terangnya tidak terurus. Tiga tingkat adalah biasa dan semua rumah berwarna merah bata serta tidak bercat.

15 minit berjalan kaki dan akhirnya ketemu juga hostel kami. Rupa-rupanya itu bukan hostel. Kami telah ditipu hidup-hidup dan nasib baik ditipu ke arah lagi baik. Hostel itu merupakan hotel 3 bintang yang kami tempah secara tidak sengaja dengan harga yang lagi murah daripada harga runtuh. Tepat pukul 12 tengah hari kami mendaftar masuk dan seterusnya menunggu kedatangan seorang lagi krew hebat dari Cardiff untuk menyertai ekspedisi ini iaitu Badrul Hisyam. Aku menggelarkannya Bad. Bad memberitahu aku, dia akan sampai di hotel pada pukul 2 petang waktu New York. Tepat pukul 3 jangan katakan batang tubuh, bayang Bad pun masih belum kelihatan. Alhamdulillah apabila jarum jam mengarah tepat 3.15 petang, Bad mengetuk pintu dan itulah kali pertama bertemu muka dengan hero Melayu Cardiff ini. Bagi aku ini kerja gila, aku hanya kenal beliau melalui FB, tidak tahu hati budi dan perangai masing-masing dan terus bersemangat untuk merantau Amerika bersama-sama aku dan Furkan. Kegilaan itulah yang membuatkan kita manusia

ini menjadi hidup untuk mencuba sesuatu yang baru.

Aku, Furkan dan Bad memulakan pengembaraan pertama sebagai satu kumpulan. Aku namakan kumpulan ini dengan nama yang sungguh epik iaitu Pengembara Gila. Hari pertama bagi 25 hari. Untuk menjadikan lagi mencabar, kami semua tidak mempunyai duit yang secukupnya. Mahu atau tidak, kami mesti merentas Amerika yang sungguh besar ini dalam masa yang ditetapkan. Titik akhir perjalanan kami akan dihabiskan di kota gergasi Los Angeles, Amerika sejauh 10,000km.

Hari pertama, hari yang sungguh mencabar dek badan ingin membiasakan kepada cuaca dan udara di New York. Seperti pelancong yang biasa dan agak bosan, kami pergi ke Manhattan dari hotel kami menggunakan kereta api yang berharga 2 *dollar* sekali jalan. Destinasi pertama yang aku mahu lihat ialah kawasan 9/11 yang diserang oleh Osama bin Laden menggunakan kapal terbang. 5000 orang terkorban pada tarikh keramat tersebut dan menjadi titik mula peperangan hebat di antara Amerika dengan negara Arab Timur Tengah. Setibanya aku di stesen *subway* World Trade Centre, kaki aku dengan semangatnya membawa badan aku keluar untuk melihat keadaan World Trade Centre. Perasaan gembira bertukar menjadi hiba dan hampa apabila kawasan tragedi berdarah itu kini dibina menara tinggi yang juga dinamakan World Trade Centre. Melalui pembacaan, bangunan baru ini dibiayai oleh Donald Trump, *tycoon* hartanah yang paling terkenal di Amerika. Tanpa membuang masa dan semangat yang masih bengang dengan Donald Trump, kami menganjak kaki ke destinasi terkenal seterusnya iaitu Statue of Liberty. Kami duduk di tepi laut sambil melihat keindahan alam berlatar belakang Statue of Liberty. Inilah nasib sang pengembara yang sengkek untuk membeli tiket

masuk ke Statue of Liberty.

Ketika berjalan di sekitar Times Square, aku terjumpa beberapa pelukis jalanan yang sedang menghasilkan karya mereka. Sebelum ini aku hanya melihat di YouTube dan kini melihat karya mereka dihasilkan secara langsung di depan mata sungguh mengujakan. Pelukis itu hanya menggunakan senjata *spray* pelbagai warna, satu kanvas bersaiz A3 dan pelbagai jenis saiz objek yang kelihatan seperti oren, pembaris segi tiga dan oval. Pada mulanya dia *spray* merah ke atas kanvas lalu terbalikkan kanvas dan tutup sebahagian warna merah itu dengan objek seperti oren lalu *spray* warna hijau. Tangan artisan itu sungguh pantas menggunakan *spray* sehingga aku terlupa langkah seterusnya. Hati aku semakin teruja dengan pergerakan irama tangan artisan itu. Nafas aku berhenti seketika untuk mengelakkan bau *spray* masuk ke dalam paru-paru aku. Aku cuba untuk mengingati setiap langkah tapi tidak berjaya. 3 minit kemudian setelah artisan itu berhempas pulas menggunakan *spray* dan terbalikkan kanvas beberapa kali. Dia melihat tajam kepada mata aku lalu tersenyum lebar. Dia terbalikkan kanvas buat kali terakhir dan aku hampir jatuh ke lantai terpesona dengan karya agung yang dihasilkannya. Aku lihat secara jelas karya lukisan Spiderman sedang melihat kota metropolitan New York. Soalan pertama aku ajukan secara automatik keluar dari mulut.

“How much is one of these arts?”

“Sir, the small size is 20 dollars and the big size is 35 dollars.”

Terkelu juga aku dibuatnya. Kalaulah harga bawah 10 *dollar* mahu sahaja aku terus mencekup satu hasil karya

agung ini. Apabila aku fikir kembali, sebenarnya harga 20 *dollars* itu sudah murah bagi pelukis jalanan kerana ilmu dan usaha susah payah untuk mencapai tahap menghasilkan karya itu mungkin telah memakan hidupnya bertahun-tahun lamanya. Aku ini pula ingin semua benda dengan harga yang murah. Tidak berperikemanusiaan langsung! Nun jauh di sudut hati, aku jatuh kagum dengan artisan di Amerika ini, mereka sanggup bergadai nyawa untuk mengejar minat mereka walaupun secara realitinya sukar untuk berjaya. Amerika dibina dengan jutaan orang imigran yang datang ke tanah ini untuk mencari rezeki yang melimpah-ruah. Kebanyakan mereka sanggup menggadaikan segala-galanya di dalam hidup untuk mencapai impian hidup mereka. Ada yang berjaya, ada yang tewas. Impian ini dipanggil dengan nama yang suci iaitu American Dream.

Malam itu kami pulang pada pukul 12 tengah malam. Penatnya sampai ke tulang. Aku menikmati tidur yang sungguh enak pada malam itu, hanya mencelikkan mata untuk menunaikan solat Subuh dan kembali syahid sehingga matahari memancar kepanasan jam sembilan pagi. Nah, perut berkeroncong. Dengan berbekalkan nyanyian keroncong sang perut, aku gagahi untuk bangkit, berjalan lagaknya seperti zombi dengan mata sembab dan air liur basi, terkedek-kedek diri ini bertatih perlahan ke arah ruang makan yang menyediakan makanan *buffet* yang percuma. Syukur pula hari itu, pihak hotel menyajikan jamuan yang tidak semua berasaskan daging, aku dan teman menjamah makanan seperti roti dan mentega, bijirin dan susu, serta buah-buahan. Kelihatannya aku pada hari itu, dengan penampilan wajah serupa zombi, akulah zombi yang pertama berstatuskan vegetarian. Mengelak untuk menjamah sajian berasaskan daging dan ayam, demi kemaslahatan dunia akhirat.

Jam tepat 12 tengah hari, aku dan kawan-kawan keluar merantau pusing Manhattan. Tinjauan untuk destinasi harini adalah tapak-tapak pelancongan yang terkenal seperti Muzium of New York, Central Park, Fifth Avenue Top Rock, Wall Street dan jambatan paling terkenal di New York. Di hujung hari, jiwa aku makin tersepit dengan pembangunan, jiwa aku yang suci ini sangat tertarik dengan alam semula jadi yang hijau, udara yang nyaman, ruang yang lapang dan air yang jernih. Kota New York tidak ada banyak bezanya dengan London, Paris dan Kuala Lumpur. Semuanya mengejar duit yang berkepek-kepek di dalam bank dan sanggup mengorban apa sahaja di atas dasar pembangunan dan pemodenan. Aku perlukan seseorang untuk berbual bagi mengisi jiwa aku yang semakin dihipit penjara pembangunan ini.

*New York City spread herself before you
With her bangles and her spangles and her stars
You were impressed with the city so undressed
You had to go out cruising all the bars*

*Your business trip extended through the weekend
Suburban boy here for your first time
From the 27th floor above the midtown roar
You were dazzled by her beauty and her crime*

Sistem pencernaan berkeroncong lagi. Berjalan merentas bumi NY Yankees ini mengorbankan beribu kalori dalam tubuh kecilku ini. Mata berlabuh ke arah restoran di setiap simpang untuk mencuri lihat harga makanan di dalam kedai mereka. Ternyata makanan di rata-rata restoran New York luar kemampuan aku. Pasta Oleo yang mempunyai inti vegetarian berharga 9 *dollar* tidak termasuk servis caj. Bajet makanan harianku pula 10 *dollar* sehari. Kegilaan apakah mahu belanja bajet seharian pada satu menu yang ternyata

tidak sedap. Tatkala berjalan sepanjang Fifth Avenue, aku terlihat banyak gerai lori yang menjual kebab dan sosej *hotdog* yang merembeskan aroma yang membuat tarian keroncong perut semakin rancak. Gerai lori itu berwarna putih dan bersaiz mini bas sekolah seperti di Malaysia. Sepanjang dua hari aku berada di New York, aku anggarkan gerai van itu tidak halal namun atas desakan perut, aku gagahkan kaki yang kian lemah untuk beranikan diri untuk mencuba nasib.

"Hey man, is this halal?"

"Yeah, it is halal."

Pucuk dicita, ulam mendatang. Rezeki alam. Lega saat aku mendengar perkataan keluar dari mulut orang yang menguruskan gerai lori itu. Pelbagai menu yang disajikan, antaranya kebab ayam, kebab daging, nasi beriani ayam tanpa sayur, sosej dan *fries*. Perkara yang menjadikan gerai lori ini menarik perhatian aku dan Bad ialah harga nasi beriani tertera 5 *dollar*. Perut aku terus berkeroncong. Ini makanan yang paling murah aku pernah jumpa di Amerika. Aku dengan pantas menempah satu nasi beriani. Sambil menyiapkan makanan yang aku tempah, aku mengamati raut wajah dan mukanya secara terperinci. Dia mempunyai rambut berwarna hitam, kulit putih langsung, lebih tinggi daripada aku dan berbahasa Inggeris seperti budak sekolah rendah. Tanpa berlengah, aku bertanya,

"Where are you from?"

"I'm from Egypt." Ringkas.

"Why did you come to America?"

"I want to run away from Hosni Mubarak. He is really

evil and kill a lot of people. The economy also really bad.”

“Wow, how many people from Egypt come to America?”

“You see all this lorry food, they all are from Egypt.”

Terkejut aku mendengar fakta yang dia berikan. Semua gerai lori yang aku lihat tempoh hari rupa-rupanya dimonopoli oleh warganegara Mesir. Kesian pada nasib mereka yang lari ke tanah asing untuk mencari sesuap rezeki. Tabah sungguh orang Mesir ini.

*And she's every girl you've seen in every movie
Every dame you've ever known on late night TV
In her steam and steel is the passion you feel
Endlessly*

*New York is a woman she'll make you cry
And to her you're just another guy*

*Look down and see her ruined places
Smoke and ash still rising to the sky
She's happy that you're here but when you disappear
She won't know that you're gone to say goodbye*

Selepas habis melawat semua tempat yang terkenal di Manhattan, kami bergerak pulang ke hotel 3 bintang menggunakan *subway*. Di dalam *subway*, aku terkenang nasib orang Mesir yang datang ke tanah asing beribu-ribu batu demi mencari peluang baru dalam hidup serta dalam usaha untuk mencari sesuap nasi, yang halal semestinya. Aku berdoa kami akan berjumpa satu hari lagi dan berharap dia dan keluarganya mampu menyesuaikan diri dalam adat dan budaya Amerika.

Masuk hari ketiga, kami mendaftar keluar dari hotel dan terus menuju ke tempat sewa kereta yang secara kebetulannya berdekatan dengan Times Square. Sampai sahaja alamat yang ditetapkan, bangunan sekeliling agak tinggi, lebih daripada 20 tingkat berwarna kelabu pekat. Bau hapak dan asap kereta memenuhi ruang tersebut di samping kereta keluar dan masuk ke dalam tempat letak kereta. Aku terlihat satu papan tanda tempat letak kereta. Terkejut beruk aku dibuatnya.

“Satu jam *parking* kereta berhampiran Times Square berharga 15 *dollar*, sama dengan RM45, koyak poket beb,” aku berkata kepada diri sendiri.

Ternyata aku berdiri di tempat yang betul. Syarikat sewa kereta yang bernama Avis mempunyai pejabat di dalam tempat letak kereta yang bertingkat 3. Furkan selaku nama yang tempah kereta itu terus pergi masuk ke pejabat untuk tuntutan kereta sedan yang telah ditempah sebulan yang lalu. Kami anggarkan Syarikat Avis akan memberikan kereta yang bersaiz MyVi kerana kami tempah kereta yang paling murah di dalam senarai kereta yang boleh disewa, namun nasib kami sungguh baik. Kami diberikan Hyundai Elantra 1.5i berwarna biru pekat yang bersinar. Aku sungguh takut untuk memandu di Amerika kerana undang-undang yang berbeza dan pemanduan di sebelah kiri. Aku pun memberitahu Furkan dengan gaya yang agak *macho*.

“*Dude, you drive ‘till Philadelphia and I will become your co-pilot,*” ujarku sambil tersenyum kera.

Kota New York, Mahanttan kami tinggalkan hari ini. Sungguh kau New York, berbeza keperibadian ‘wanita’mu berbanding Austria. Kau seperti pasir jerlus, menelan perlahan

mangsa, mangsa yang gilakan dunia. Makanya kepergian kami hari itu, tidak sedikit pun memberi kesan kepada rutin seharian New York yang penuh karisma. Kota New York, seperti kugar, masih gagah, walaupun usia semakin tua.

*And she's every girl you've seen in every movie
Every dame you've ever known on late night tv
In her steam and steel is the passion you feel
Desperately
New York is a woman she'll make you cry
And to her you're just another guy
Suzanne Vega – New York is a Woman*

“Hidup itu seperti minum kopi, ko akan terasa pahit jika tidak tahu cara menikmatinya. So nikmatilah hidupmu perlahan-lahan dan layan.”

-Mohamaad Nor Azrin

Berjuta orang melawat Times Square untuk melihat keindahan lampu lcd dan lampu neon. Bad dengan tenang senyum tatkala dibanjiri peminat.



New York. Ini kereta pertama yang kami sewa di Amerika. Bad sangat suka bergaya dengan kereta.





Gembira merupakan salah satu cara untuk menikmati pemandangan bangunan di Amerika.




Di Amerika, kereta api dipanggil sebagai *subway*, bukan KTM ataupun metro.



Bangunan pencakar langit dipisahkan dengan jalan yang agak besar. Lalu lintas agak sesak apabila tiba waktu petang.

Wall Street. Bangunan di belakang aku ini merupakan tempat ekonomi dunia bergantung. Saham dan pergerakan dunia beralir dengan pantas di dalam bangunan ini.





*"Lihat dunia dari mata burung. Atau lihat dari dalam tempurung.
Yang mana satu engkau pilih?"*
-M. Nasir

AIR TERJUN SYURGA NIAGARA

Rocky Balboa Philadelphia

Baru 20 kilometer memandu kereta di Amerika, sudah 3 kali hampir tersalah masuk simpang dan melanggar kereta secara *head-on collision* dengan kereta buatan Amerika. Jalan di New York sungguh mengelirukan dan terlalu banyak simpang yang sungguh dekat. Pemandu Amerika pula ada yang memandu secara berhemah dan ada yang memandu terhuyung-hayang mabuknya. Mahu sahaja aku menampal di cermin belakang bahawa aku ini seorang pengembara baru, bukan asal Amerika. Jangan marah kami dan maafkan kami. Cabaran seterusnya, bagaimana kami ingin merantau 22 hari sedangkan satu benda dan alatan berkhemah pun kami tidak ada. Yang kami ada hanyalah baju, seluar, kamera dan *laptop*. Itulah nadi barang kehidupan seorang pengembara tegar yang berimpian mengelilingi dunia. Tanpa membuang masa, aku terus menetapkan GPS ke arah pasar raya Walmart yang berada 30km dari kota gah New York.

Setibanya di Walmart, pasar raya ini menjual segala benda yang kita bayangkan dari mimpi sehingga menjadi realiti. Pasar raya ini bersaiz 5 gudang yang disusun secara bersebelahan. Aku anggarkan paling kurang aku memerlukan 1 jam untuk bertawaf mengelilingi setiap barisan. Jika di Malaysia hanya mempunyai 3 barisan *freezer* makanan beku, di Walmart ini pula mempunyai lebih 15 barisan *freezer* yang menyajikan segala jenis makanan dari seluruh dunia. Ternyata aku boleh buat konklusi, orang Amerika ini malas

untuk masak dan suka makanan yang cepat dimasak. Ini menjadikan mereka semua gemuk kerana suka makan makanan siap beku yang dipenuhi minyak dan bahan yang tidak sihat seperti lemak. Jalan ke barisan selepas siap beku, ada 10 rak makanan tin. Ini satu kegilaan yang aku tidak pernah lihat di negara lain. Aku memerhati dengan terperinci rakyat Amerika di dalam pasar raya ini. Mereka kelihatan berbadan besar, perut boroi dan bergerak secara perlahan. Ada satu kumpulan yang ekstrem pula, mereka sangat malas untuk berjalan kaki sehingga sanggup membawa kerusi elektrik yang mempunyai *joy stick* untuk membawa mereka pusing pasar raya. Ia ibarat *trolley* Tesco yang mempunyai tempat duduk elektrik. Aku cuma mampu menggeleng kepala dan berlalu pergi tanpa kata.

Furkan dan Bad membawa *trolley* dan memenuhkan *trolley* itu dengan makanan yang sihat dan juga tidak sihat seperti pasta, kuah pasta, donut, ais krim, roti, coklat Snickers dan Mars. Mereka kelihatan begitu riang di dalam pasar raya yang sangat besar sehingga otak tidak mampu berfikir secara waras. Aku berjalan dengan pantas ke rak sukan.

“OH MY GOD!” Sepatah-sepatah perkataan aku ucap, pada desibel yang agak tinggi.

Aku terpacak tegak pada figura di hadapanku, mulut melopong, mata bercahaya. Keseksian dan keunikan figura ini menarik perhatian aku. Perlahan seolah ada daya tarikan halimunan menarik diriku ke arahnya. Tapi sayang, kami dipisahkan dengan dinding kaca. Perlahan aku usap susuk tubuhnya, lengkungan gembira terukir jelas pada wajahku ketika ini. Tidak kusangka, tegukan air

liur menerobos masuk paksa ke dalam kerongkong.

“How much for this beauty?” Aku bertanya kepada juruwang.

“The cheapest is 200 dollar.”

Mendengar sahaja nilai kadar yang perlu aku korban untuk memilikinya sebanyak 200 *dollar*, impian aku berkecai bak dihempas kaca. Aku semakin menjauh dari dinding lut sinar, menjarakkan diri, kerana aku dan figura itu tidak mungkin akan bersama. Tambahan lagi, aku bukan rakyat tempatan yang punyai kebenaran untuk memilikinya. Perasaan aku kali ini ibarat luka yang berdarah nanah yang dituang garam. Babak koboi sudah kuatur dalam kepala, tidak akan kesampaian. Ke Texas nanti, aku sendirian tanpa teman. Nah, mana mungkin koboi tidak bertemankan figura tersebut. Makanya aku redha menjadi koboi yang hambar. Aku berlari meninggalkan figura dalam dinding kaca, larian dramatik sambil tangan kubuang ke udara meluru mencari Furkan, Bad dan *trolley* kami. Insiden ‘bang, bang’ untuk Texas aku biarkan sepi. Bukan jodoh aku untuk memiliki senjata api di Amerika ini.

Furkan dan Bad terus mengambil khemah untuk 5 orang yang paling murah, tempat masak, gas memasak dan periuk tidak lekat bagi misi 22 hari tanpa henti. Harga bagi keseluruhan membeli-belah kami hari itu ialah melebihi 200 *dollar* bersamaan dengan RM630. Aku sedapkan hati aku dengan memanggil semua pembelian ini sebagai pelaburan untuk masa hadapan mencari pengalaman yang berharga.

Penuh bonet kereta Hyundai, sarat dengan barang khemah dan makanan bagi misi 22 hari merentas Amerika.

Kami ibarat pengembara yang baru sahaja mahu menjadi pengembara tegar atau dalam sinonim yang lain kami ialah pengembara yang *nubis* dan amat. Tidakkah semua pengembara tegar dulunya pengembara yang *nubis* dan amat seperti kami? Tidakkah pengalaman itu yang mendewasakan kita, bukan umur?

Hidup ini sangat singkat untuk berada di satu tempat. Kami memulakan perjalanan menuju ke Philadelphia. Kota yang terkenal dengan *movie* Rocky Balboa. Seorang anak muda Philly yang berimpian besar menjadi peninju nombor satu di dunia. Yang menjadikan aku tertarik dengan cerita ini ialah keazaman dan dedikasi Rocky mengejar impian walaupun dia dilahirkan dalam keluarga yang susah dan semua orang di sekelilingnya memberitahu dia hanya membazir masa. Akhirnya Rocky berjaya mencapai cita-citanya.

Setiba di Philly, kami disambut oleh Ammar Ehsan. Dia merupakan salah seorang kawan yang aku kenal pada tahun pertama Sarjana Kejuruteraan Mekanikal. Berkulit coklat, berketinggian lebih kurang 1.70 meter dan berkeperibadian sopan santun bak lelaki Melayu terakhir. Kini dia menemani isterinya menuntut di universiti di kota Philly. Yang menjadikan rumah Ammar ini menarik ialah kawasan rumahnya berada di kawasan antara yang paling bahaya di Philly. Pernah Ammar ceritakan pada aku beberapa bulan sebelum kedatangan aku ke situ, terdapat beberapa orang hitam mati ditembak kerana bergaduh antara satu sama lain. Aku mendengar perkataan tembak sudah cukup membuatkan aku rasa tidak selamat.

Mee sup yang disajikan oleh isteri Ammar pada malam ketibaan membuatkan kami tidur dengan lena di ruang tamu. Mungkin rindu pada makanan Malaysia agaknya menjadikan

aku tidur dengan nyenyak. Aku terjaga awal pagi dan bersiap sedia untuk menjelajah Philly dengan lebih mendalam. Ammar dan isterinya membawa kami pergi ke satu tempat beli-belah *outlet* yang dikatakan menjual beg tangan berjenama dengan harga yang runtuh. Tiba di tempat yang ditujui, Ammar membawa kami ke kedai beg tangan berjenama Coach. Sebaik aku melangkah kaki, jantung berdegup kencang dan mata aku menjadi rambang kerana terlampau banyak beg tangan perempuan yang murah belaka. Semua beg tangan ini yang secara jelas di Malaysia berharga RM1000 tapi di sini berharga kurang dari RM300. Aku terfikir untuk membeli satu beg tangan Coach yang berwarna putih diperbuat daripada kulit untuk dijadikan hantaran kahwin kelak. Apabila difikirkan kembali, aku ini awek pun tidak ada apatah lagi tunang atau bakal isteri. Hahaha. Sedih! Aku terus melupakan idea menjadikan beg itu sebagai hantaran walaupun harga yang sangat murah.

Tiba-tiba teringat untuk belikan beg tangan Coach untuk ibu aku yang tersayang, tapi teringat bahawa di rumah aku di Klang terlampau banyak beg ibu yang masih di dalam bekas yang cantik, tidak digunakan dan terbiar begitu sahaja. Beg tangan dimamah usia di dalam almari yang berumur 10 tahun. Idea untuk membeli beg untuk ibu juga tidak kesampaian. Jika ibu aku tahu alasan sebenar mengapa aku tidak beli beg tangan yang gah dan lawa ini, sudah tentu si dia akan merajuk 2 minggu tidak cakap sepeatah.

Bad dan Furkan membeli sebiji dua sagu hati yang jelas sekali lawa untuk kawan-kawan di England dan aku pula hanya membeli *sandwich* di *subway* sebagai peneman perut aku yang sedang lapar. Kemudian, kami menuju ke Taman Tema Six Flags yang mempunyai *roller coaster* yang paling curam dan di antara paling laju di dunia. Harga tiket

masuk agak koyak poket iaitu 80 *dollar* satu kepala. Aku main hampir kesemua *roller coaster* sehingga perutku hampir mengeluarkan segala isi *sandwich* yang aku baru hadam 1 jam yang lalu. Disebabkan hujan yang lebat beberapa jam lalu, kebanyakan orang yang hadir di taman tema ini telah pulang ke kampung asal dan hanya tinggal orang yang gah seperti kami. Satu *roller coaster* yang bernama Green Lantern hampir menewaskan perut dan badan aku sekali gus. *Roller coaster* ini sungguh ganas dan dicipta untuk menghasilkan G-Force yang sangat kuat. Aku mahu menjerit sekuat hati tapi tidak kesampaian kerana aku mesti menahan isi perut yang ingin keluar. Sebaik habis sahaja permainan itu, aku rebah ke atas lantai untuk beberapa minit. Sampai ke sudah hari itu aku pening-pening lalat dan menyesal menaiki *roller coaster* yang sangat ganas.

“Sham, kau okay tak? Nampak penat je. Hahaha.” Ammar berseloroh.

“Badan aku sayur habis ni, tak larat nak fikir.” Aku membalas dengan pendek.

Kami sampai di rumah Ammar tepat pukul 11 malam dan tidur selena-lenanya dibuai mimpi. Hidup realiti yang lagi indah daripada mimpi. Yang manakah aku patut pilih?

Setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan yang menyedihkan. Kami melambai dan meninggalkan Ammar dan isterinya pada hari kelima dan memandu ke Niagara Falls di sempadan Amerika dan Canada sejauh 400km. Ini kali pertama aku memandu di Amerika. Cuaknya melebihi langit di angkasa. Baru 5km dalam perjalanan sudah terdapat beberapa insiden yang tidak diingini hampir berlaku apabila aku tersalah masuk lorong dan hampir langgar kereta

lain. Aku sungguh keliru dengan peraturan jalan di negara ini, tambah pula dengan pemanduan di sebelah kiri dan tambah pula sudah satu tahun jagung aku tidak menyentuh stereng kereta. Ada kalanya kereta dibenarkan belok ke kiri walaupun lampu isyarat masih merah dan ada kalanya tidak dibenarkan. Syukur Allah masih memanjangkan umur aku untuk menceritakan segala detik cemas dalam hidup ini.

Tiba di tempat letak kereta Niagara Falls tepat pada pukul 4 petang waktu New York. Destinasi yang pertama aku tuju bukan air terjun Niagara tetapi Hard Rock Cafe yang berada di jalan utama menghala ke air terjun. Kawan aku di Sheffield meminta aku membeli semua koleksi tulen baju Hard Rock Cafe dan dia akan bayarkan kemudian. Tertulis secara besar di baju itu Hard Rock Cafe Niagara Falls. Ini baju paling *rare* sebab tidak pernah aku lihat di pasar malam di Malaysia.

Papan tanda tepi jalan menunjukkan air terjun kedua terbesar di dunia ini 200 meter dari Hard Rock Cafe. Aku memulakan langkah kecil dengan pantas dengan penuh keriangian untuk meneroka keajaiban alam yang dicipta Tuhan yang Maha Indah. Kebanyakan pelancong mula pulang manakala kami pula melanggar arus untuk ke tempat pandangan unik. Setiba di penghujung jalan dan dihadang oleh satu besi aluminium yang panjang, kaki aku terpaksa dan terpasak di atas jalan tar. Mulut terganggu seluas-luasnya melihat keajaiban ciptaan Tuhan. Walaupun air terjun tersebut berada 600 meter daripada tempat aku berdiri kaku, kedengaran bunyi jatuhan air terjun sungguh kuat dan aku sungguh terpesona. Hati aku mahu sahaja berkhemah di tepi air terjun ini. Bau udara segar dari air terjun menyinggah di hidung dan menghantar isyarat ketenangan yang amat kepada otak aku yang serabut dengan formula Kejuruteraan

Mekanikal. Terasa di dalam benak hati untuk menanggalkan baju dan terus lompat ke dalam sungai dan berenang bersama-sama ikan yang gembira setiap hari melihat keindahan air terjun ini. Rasa kenikmatan sentuhan air terjun Niagara dengan kulit Melayu aku dijadikan kenangan sampai ke mati. Namun dek kesejukan air yang melampau, mungkin lain kali aku akan datang ke sini bersama isteri dan keluarga tercinta.

Matahari semakin mencemburui dan pembiasan cahaya matahari di ufuk menjadikan awan dipenuhi dengan warna oren yang indah. Kami beransur keluar dari tebing air terjun dan berdasarkan GPS Apple iPhone, tapak perkhemahan yang paling dekat ialah 15km ke dalam negeri Niagara. Setibanya di tapak tersebut, besar papan tanda menunjukkan 'KOA Campsite'. Aku yang sebelum ini jarang berkhemah berkelakuan seperti pakar terus masuk ke pejabat yang dibina dari kayu *pine* dan melontarkan beberapa soalan mudah.

"Hi, how are you? How much is to camp here?"

"I'm good, thank you. How many of you?"

"Errrrmm, we are 3 people."

"Its 25 dollar, sir."

Pekat betul loghat kampung orang Amerika ini. Nasib baik aku banyak menonton filem buatan Amerika. Dia menunjukkan kawasan khemah kami. Terkedu aku dibuatnya, kawasan perkhemahan ini mempunyai kolam renang, WiFi, tivi di ruang tamu dan *shower* air panas. Kami diberikan tapak sebesar 10 meter x 10 meter

dilengkapi dengan sumber elektrik 110v bagi mengecap segala gajet yang kami bawa. Gembira aku dibuatnya.

“Ini bukan khemah, *bro*. Ini macam rumah sendiri, semua ada.” Aku memberitahu kepada Bad.

Badan aku agak kemalasan kerana hampir sepanjang hari memandu kereta. Furkan dan Bad membuka bonet kereta dan memacak khemah hijau bersaiz empat segi di sebelah kereta. Aku mengambil kerja yang mudah iaitu memasang tong gas kecil berwarna biru kepada besi penyangkut periuk. Bunyi seperti mudah tapi memang sangat mudah. Lauk bajet kami hari ini ialah nasi dan berlaukkan ikan sardin bersos tomato dicampurkan sedikit dengan lada hitam dan serbuk cili. Aku menumpahkan segala ilmu memasak yang aku belajar untuk menjadikan makanan ini sesedap mungkin kerana aku sedar nasi dan ikan tomato akan menjadi makanan ruji setiap hari. Inilah dipanggil pengembara tegar dengan duit *seciput*. Pengalaman lagi berharga daripada makanan yang mahal dan eksklusif.

Suhu pada malam kelima jatuh dengan mendadak pada pukul 12 tengah malam. Udara sejuk daripada *glacier* Canada dibawa bayu menuju ke negeri Niagara. Aku yang bertemankan beg tidur murah menjadi lagi erat. Kami hampir menjadi satu. Jelas sekali beg tidur itu menunjukkan suhu operasi sesuai ialah dalam cuaca 15 darjah selsius. Aku anggarkan suhu sekeliling cecah 2 darjah selsius pada pukul 3 pagi. Sejuk sampai ke tulang dan badan aku mudah terjaga kerana tanah juga semakin sejuk. Bulu roma berdiri dengan tegak untuk mengekalkan haba badan. Bad dan Furkan juga kedengaran terjaga banyak kali. Menyesal aku membeli beg tidur murah ini.

“Sejuk gila sial!” Ujar Bad sambil melihat aku bangun tidur seakan-akan lena.

Hari yang keenam dimulai dengan solat Subuh dan nasi bersama ikan sardin berperisa tomato. Sudah masuk hari kedua aku hampir mual makan makanan yang bajet ini. Selepas ini mungkin menu yang lain pula perlu dijamah. Selesai mengemas barang dengan mata yang masih layu dan badan kurang tidur, destinasi kami ialah ke Niagara Falls buat kali ketiga untuk mengikuti satu pakej bot mengelilingi air terjun itu dengan lebih dekat. Setibanya di sana, juruwang ejen bot itu meminta kami membayar 20 *dollar* satu kepala. *Tour* itu dinamakan *Voyage to the Falls*. Aku rasakan harga itu sangat mahal bagi orang kebiasaan. Jika *trip* ini membosankan, aku nekad untuk pergi ke juruwang buat kali kedua dan meminta pampasan.

Bot kami akan berlepas pada pukul 11 pagi, namun aku diminta untuk menunggu di jeti daripada pukul 10 pagi. Mahu sahaja aku baring di atas jeti melelapkan mata untuk merehatkan badan yang kurang tidur. Tiba-tiba, ada seorang yang berumur 30-an yang menjaga pintu menghulur sepasang baju hujan yang berwarna biru laut. Aku pelik kerana cuaca tidak mendung dan tidak pula ada ramalan kaji cuaca yang meramal hujan akan turun. Nasib baik baju hujan biru itu mempunyai reka bentuk yang lawa di samping kelihatan cantik di dalam kamera. Aku terus memakai baju itu tanpa rasa segan silu.

Semua pelancong mula naik atas bot yang sebesar feri dari Kuala Perlis ke Langkawi. Aku, Furkan dan Bad berpusu-pusu menuju ke tempat paling hadapan sekali di bot sambil menolak pelancong dari China Mainland. Aku mahu merasai tempias air terjun Niagara menyentuh kulit aku

yang lembut ini ketika bot ini berhampiran dengan air terjun. Udara yang segar aku mahu hidu tanpa bau dari badan pelancong-pelancong yang lain. Setiap titisan air terjun yang berupa kristal biru aku mahu lihat tanpa henti. Aku mahukan semuanya tulen. Banyak sungguh permintaan hati aku ini. Baik sahaja menyewa satu bot gergasi yang aku menjadi nakhoda sendiri.

Bot bergerak dengan perlahan menuju ke air terjun yang pertama yang mempunyai lebar yang aku anggarkan 100 meter. Geseran air terjun dengan udara menghasilkan tiupan angin yang kuat kepada semua pelancong di atas bot. Pelancong yang memakai topi pasti akan kehilangan topi tersebut. Bunyi air berkocakan semakin kuat didengari. Bad pula menyorok kamera canggih DSLRnya kerana khuatir rosak dimasuki air titisan kecil. Aku menyelamatkan keadaan dengan mengeluarkan kamera Nikon kalis air untuk merakamkan beberapa gambar bagi tatapan untuk masa hadapan. Kamera itu aku genggam seeratnya untuk elak jatuh ke sungai Niagara yang sungguh dalam.

Bot menuju ke air terjun yang kedua yang jelas dari pandangan mata kasar aku lebih besar dari air terjun sebelumnya. Air beribu-ribu gelen menumpah ke dasar sungai Niagara. Tiupan angin yang dihasilkan dari geseran air dengan udara juga semakin kuat. Semua pelancong menjerit kegembiraan seolah-olah mereka dirasuk roh. Aku cuba untuk menjerit tapi kalah dengan kekuatan bunyi air terjun.

“Dude, take my camera and take my picture.” Aku menjerit kepada Furkan.

Sampai sekarang aku tidak mampu lupakan pengalaman air biru segar dari air terjun Niagara menyentuh kulit secara lembut sambil dibuai nyanyian dari partikel air. Pemandangan yang sungguh luar biasa menjadikan aku sedar betapa hebat ciptaan-Nya. Udara segar yang menusuk kalbu sehingga muncul di dalam mimpi. Apabila aku rindu kepada air terjun, ternyata Niagara Falls menduduki takhta yang paling tinggi pada fikiran aku.

"Its not about the destination, its the journey."

- Rick Hazel

Walmart pasar raya di Amerika menjual senjata api dengan selamba. Dengan 150 *dollar* penduduk Amerika mampu membeli senapang patah bersama peluru. Aku hendak beli tapi tidak cukup duit.



Muzium Philly yang menjadi tempat perfileman filem gusti Rocky.





Menikmati matahari terbenam di tepi Muzium Philadelphia.



Roller coaster kayu yang paling menakutkan. Terasa gegaran pada setiap saat.



Makanan halal mudah didapati di bandar besar seperti New York.
Restoran di dalam bas sekolah.




Niagara Falls. Tiupan angin dari air terjun menghembus wap-wap
air ke arah bot aku.



Berkhemah di bandar Niagara Falls. Nasib baik kemudahan elektrik, WiFi dan air disediakan.



Niagara Falls merupakan air terjun yang kedua terbesar di dunia. Salah satu ciptaan Allah yang Maha Agung.



*"Apabila kita menulis kehidupan kita, jangan biarkan orang lain memegang pen."
-Rahza Damha*

RUMAH PRESIDEN WHITE HOUSE

Punggung berasa hampir kebas kerana duduk terlalu lama di dalam kereta, memandu sambil menyanyi bersama lagu kegemaran Amerika yang sentiasa diputarkan di setiap stesen radio Macklemore - Can't Hold Us. Bahagian aku akan menyanyi apabila lagu sampai bahagian korus, "Na na nanananana." Itu sahaja bahagian yang aku tahu. Perjalanan dari Niagara ke Washington DC merentas 2 negeri yang besar iaitu Pennsylvania dan New York. Kami bergilir-gilir memandu kereta dengan strategi yang paling mantap iaitu setiap 2 jam akan tukar pemandu yang lain. Secara teorinya dalam satu hari, dengan mengekalkan kelajuan 100kmh selama 6 jam, kami dapat merentas sekurang-kurangnya 600km.

Waktu rehat tengah hari di stesen rehat di lebuh raya 219 berhampiran sempadan Niagara Pennsylvania, punggung aku sudah masak di tempat pemandu dan tiba masanya untuk mengubah kedudukan menjadi ketua dibelakang. Bad bersetuju mengambil tugas sebagai seorang supir bagi 2 jam seterusnya. Sebelum berangkat dari stesyen rehat, aku bertanya kepada Bad satu soalan yang susah untuk dijawab oleh mana mana pelancong.

"Bad, kita nak solat jamak Zuhur-Asar kat mana *bro*? Tak ada surau kat sini." Aku mengutarakan soalan kepada Bad. Aku risau untuk solat merata-rata di Amerika kerana takut dicap pengganas sepertimana yang dipaparkan di kaca mata televisyen.

“Aku rasa aku tau kat mana kita boleh solat.” Pendek Bad memberi jawapan sambil senyum lebar.

Dari sudut hati, aku kagum dengan bekas pelajar Kolej Islam ini. Dia punya sifat tenang dan bertawakal hanya Allah yang tahu. Dia langsung tidak berfikir negatif terhadap orang Amerika. Matlamat dia sekarang adalah untuk menikmati keindahan alam semula jadi yang Allah ciptakan. Ketenangannya boleh diibaratkan mirip Wali Songo.

“Aku jaga kereta, kau ambil wudhuk dulu,” ucap aku dengan sengaja demi melihat tindakan Bad yang seterusnya. Bad beransur ke tandas untuk melakukan wudhuk dan sekembalinya Bad, wajahnya basah dengan ketenangan. Aku kagum.

“Kau nak solat kat mana *bro*? Dalam kereta ke?” Aku menguji buat kali kedua.

“Aku solat kat situ ha,” Bad menunjuk ke arah satu tanah lapang di bawah pokok *pine* yang dipenuhi rumput hijau sejauh 10 meter dari kereta Hyundai kami.

Dengan muka tenang dan mengambil satu kertas sebagai sejadah, Bad mula solat jamak Zuhur dan Asar di khalayak ramai. Kebanyakan orang Amerika yang lalu-lalang di sebelah pokok *pine* berhenti seketika melihat pergerakan Bad solat, namun mereka pergi masuk ke dalam stesen rehat. Aku di dalam kereta sudah bersiap sedia untuk memulas kunci kereta memulakan pergerakan enjin jika terlihat Bad diserang oleh orang yang anti-Islam. Furkan pun sama, sedang berjaga-jaga memerhati keadaan sekeliling. Rancangan kami ialah jika

ada walaupun sedikit gerak-geri masyarakat sekeliling yang mahu menyerang Bad ketika dia bersolat, aku dan Furkan akan segera mengangkat Bad ke dalam kereta dan terus menekan pedal minyak selaju-lajunya beredar dari tempat kejadian.

Lima minit berlalu tanpa sebarang tragedi, Bad melakukan pergerakan wajib terakhir solat iaitu memberi salam ke sebelah kanan. Fikiran aku yang kusut menjadi tenang seperti air yang tidak berkocak. Tidak semena-mena aku tersedar, aku sebenarnya yang sangat paranoid dan takut kepada orang Amerika kerana media Malaysia dan Amerika berjaya mendidik aku ke arah yang negatif. Media berjaya mendidik aku untuk membenci kepada pihak yang tidak bersalah sedangkan mereka juga menjadi mangsa keadaan. Ketika Bad solat di bawah pokok di tepi jalan utama, kebanyakan orang Amerika terpaku seketika melihat pergerakan solat Bad ialah kerana mereka ingin tahu mengapa Bad sujud di atas tanah. Mereka ingin menjawab persoalan yang bermain di fikiran mereka. Mereka tidak tahu apakah itu Islam dan mengapa orang Islam bersolat. Aku dapat rasakan dengan Bad solat di hadapan orang ramai. Secara tak langsung ini dinamakan dakwah dari segi perbuatan kepada orang Amerika.

Pernah satu ketika dahulu ketika aku menyertai satu program di dalam hutan England untuk memelihara hutan UK, aku buntu kerana tidak tahu tempat di mana untuk solat. Aku mengambil wudhuk dan terus solat di dalam hutan dengan berpandukan kiblat matahari. Ada seorang teman warganegara Jerman ini meneliti kesemua pergerakan aku semasa bersolat sehingga terganggu sedikit kekhusyukan aku pada masa itu. Seusai aku solat, dia mengajukan beberapa soalan yang aku sudah jangkakan.

“Why do you pray?”

“What is Ramadhan and fasting?”

“Why woman wore scarf?”

“Can you sleep with woman before you get married?”

“Can you drink alcohol?”

Berbekalkan ilmu asas agama yang aku pelajari, aku cuba untuk menjawab setiap tujuh soalan yang diberikan. Waktu itu aku sedar, ramai orang di Eropah dan Amerika sebenarnya mereka ingin tahu tentang Islam tapi mereka tidak tahu jalan untuk bertanyakan soalan. Mereka dapat rasakan di dalam hati mereka kosong dan inginkan sesuatu untuk dijadikan sebagai pengisi kekosongan tersebut, sekali gus memberi mereka aliran ketenangan. Dengan berasaskan Islam itu mudah dan boleh solat di mana-mana, aku percaya aku berjaya menunjukkan kepada orang bukan Islam bahawa agama yang aku anuti ini mudah. Orang luar akan melihat apa yang kita buat harian, bukan kepada apa yang kita bercakap dan menjadi *keyboard warrior* di laman sesawang. Ternyata perkataan *“action is much powerful than words”* itu ada kebenarannya.

Kembali kepada realiti, kami tiba di Washington DC, sebuah bandar yang paling terkenal di dunia. Bandar yang menjadi ibu kota bagi Amerika dan juga kepada dunia. Berpuluh bas pelancong berpusu-pusu di sekitar tempat pelancongan utama membawa beribu-ribu pelancong. Ini tidak kira lagi pelancong seperti kami yang membawa kenderaan sendiri. Tahun 2012 merupakan tahun di mana Amerika diperintah oleh Barack Obama dari tahun 2008

sehingga sekarang. Beliau mencatat sejarah negara tersebut kerana menjadi orang berkulit hitam yang pertama memegang jawatan Presiden Amerika. Tidak pernah ada yang berkulit hitam memerintah negara sebesar ini. Ini merupakan kemenangan terbesar bagi orang Amerika untuk menuju perpaduan kaum yang mempunyai pelbagai warna kulit. 200 tahun sebelum itu, nenek moyang Barack Obama merupakan hamba kepada peladang orang berketurunan putih yang mempunyai beratus ekar tanaman kapas. Daripada seorang yang berketurunan hamba menjadi seorang presiden sudah cukup untuk membuatkan aku kagum dengan Amerika. Ini dipanggil American Dreams di mana semua benda yang mustahil adalah tidak mustahil di tanah ini.

Mentari terik tegak di atas kepala menyimbah bahangnya ke seluruh bandar. Badan terus berpeluh kerana suhu yang agak panas sekitar 30 darjah selsius tanpa sebarang perlindungan daripada awan. Udara pula kering dan tekak sentiasa rasa dahaga meminta untuk dibasahi. Destinasi yang pertama kami tuju ialah Lincoln Memorial Reflecting Pool yang mempunyai Washington Monument. Kemudian destinasi seterusnya ialah rumah yang paling terkenal di dunia. Rumah ini mampu membuat keputusan yang mengubah dunia sekelip mata. Memang sesuai dengan nama rumah ini, White House, rumah ini dicat sepenuhnya dengan warna putih. Saiz rumah ini jelas sekali lagi kecil dari Istana Selangor atau Istana Johor. Kelihatan beberapa orang *sniper* berdiri di atas bumbung memberi keselamatan kepada penduduk di dalam rumah White House. Beratus-ratus askar sedang berkawat di sekitar rumah. Ada yang memakai kemeja hitam dan ada yang memakai pakaian tentera sepenuhnya. Aku tidak mahu melakukan sesuatu aksi yang gila kerana takut ditangkap dan dicampak ke dalam lokap. Justeru semua gambar yang ditangkap agak bosan dan biasa dilihat.

White House adalah kediaman rasmi dan pejabat rasmi Perdana Menteri Amerika Syarikat yang berkedudukan di 1600 Pennsylvania Avenue NW in Washington, D.C. Ianya menjadi tempat kediaman Perdana Menteri Amerika Syarikat semenjak John Adams pada tahun 1800. Melihat White House di depan mata, tidaklah segar seperti yang ditonjolkan di kaca televisyen. Ini kerana, kepadatan pengunjung dan bahang mentari memainkan motif penting. Mungkin di lain kali, aku akan melawat White House pada sebelah malam pula. Melihat keindahannya disimbahi dengan cahaya malam. Perut kembali menyanyi sekitar jam 12 tengah hari di bumi Washington DC. Mengikut perkiraan, sudah seminggu aku tidak makan masakan Melayu. Fikiran semakin kusut rindukan makanan Malaysia seperti nasi lemak, ayam goreng, laksa, mee sup dan asam pedas. Tekak menjadi lagi kering apabila terkenang air kathira hijau yang sejuk dan lagi mengenyangkan. Jari jemari dan kaki menggeletar kelaparan seperti pesakit Parkinson. Tanpa berfikir panjang, dengan mengikut haluan hati, aku percaya akan ada satu restoran Malaysia di kota gah ini yang mampu merawat penyakit rindu aku yang semakin melarat dari hari ke hari.

“Tuhan, tolonglah aku. Aku inginkan makanan Melayu,” aku melirih sendirian sambil jari lincah menekan butang telefon pintar mencari restoran Malaysia di Google Maps. Alhamdulillah, seperti orang mengantuk disorong bantal, ada satu restoran Melayu di Washington. Cuma jaraknya agak jauh iaitu 2km berjalan kaki. Demi perut yang sudah menyanyikan lagu rindu kelaparan, aku memulakan langkah ke restoran Malaysia dalam misi mencari menu makan, nasi goreng ayam.

Tiba di restoran Malaysia Kopitiam, aku melangkah masuk dengan hati yang gembira dan rongga hidung diasak

dengan bauan yang menghairahkan. Aku teruja! Aroma mengasak deria bau, anak tekak sudah meronta minta untuk memuaskan nafsu jamahan nasi goreng ayam itu. Pelayan yang berbangsa Cina Malaysia dengan senyuman yang manis menjemput kami masuk dan duduk di meja bersebelahan dinding yang penuh dengan ukiran Melayu dan gambar baba nyonya. Restoran ini mungkin dimiliki oleh baba nyonya yang berhijrah ke Amerika satu ketika dahulu. Setiap barang yang dipamerkan di setiap sudut melambangkan identiti bangsa Malaysia. Aku dapat lihat pasu ukiran bangsa kita dan beberapa gambar yang menunjukkan kehijauan dan keindahan negara. Pelayan itu menghulur sekeping kad coretan menu. Aku, Bad dan Furkan bagaikan disihir!

“Mak ai, nasi goreng ayam berharga 9 *dollar* (RM30) *bro*. Mahal gila Amerika ni,” aku mengadu kepada Bad.

“Lapar ni. Kita makan sajalah, duit belakang kira,” Bad memberi resolusi dengan ringkas seperti anak Dato’.

20 minit kemudian, nasi goreng ayam tiba di meja makan kami. Bagaikan terlihat mata air, buah hati yang dicintai. Mataku tertancap padu pada nasi goreng yang menggantung di atas pinggan. Seusai pelayan melabuhkan pinggan ke atas meja, dengan rakus aku mencapai sudu lalu membenamkan hujungnya ke dalam timbunan nasi. Suapan pertama aku rasakan seperti di dalam syurga! Kerangupan ayam goreng menambahkan lagi kenikmatan syurga dunia. Melalui lirikan mata aku ke arah Furkan dan Bad, aku pasti, mereka pun merasakan nikmat dunia yang aku rasa sekarang. Sepuluh minit kemudian setelah kami habis makan, pelayan memberikan kami jumlah keseluruhan bil yang perlu dibayar. Nasi sudah menjadi bubur, nikmat bertukar menjadi neraka dunia. Not 40 *dollar* bertukar tangan.

Dengan perut yang sarat dengan nasi goreng ayam, aku pergi ke tempat yang aku idamkan sejak lahir iaitu Muzium Smithsonian Udara dan Kapal Terbang berhampiran dengan Parlimen Amerika (Capitol States). Muzium yang mempunyai ruang sebesar 5 gudang dan setinggi 6 tingkat ini menempatkan segala kebanggaan *aviation* Amerika yang berjaya memecahkan rekod dunia. Aku tidak boleh bayangkan bagaimana mereka memasukkan 3 kapal terbang bersaiz sederhana yang mempunyai dua enjin ke dalam ruang utama muzium. Kagum! Muzium ini mempunyai banyak dewan kecil yang memaparkan kisah sejarah setiap kapal terbang. Aku tiba di satu dewan yang agak luar biasa, lampu di dalam dewan ini agak malap, bagi orang yang hampir buta pasti beranggapan bilik ini gelap gelita. Aku melihat satu figura yang sangat besar di tengah dewan yang dibina daripada kayu berwarna perang dan di sebahagian sayapnya mempunyai kain yang ditutup ke atas kayu-kayu rangka figura. Bersebelahan figura itu pula dipaparkan dua patung manusia yang memakai topi generasi pertama kapal terbang.

Figura itu merupakan kapal terbang yang dibina oleh Wright Brothers pada tahun 1903. Meremang bulu roma ketika melihat figura ini kerana cerita di sebaliknya. Perasaan suka bercampur baur dengan semangat berkobar-kobar dalam hati aku. Kapal terbang ini menjadi simbol kepada impian manusia yang ingin terbang ke ruang udara sepertimana manusia telah berimpian beribu-ribu tahun untuk terbang bersama burung layang-layang. Seluruh rakyat Amerika tidak percaya 2 orang adik-beradik miskin ini mampu menghasilkan satu figura yang mampu terbang ke ruang udara. Dengan berlandaskan usaha gigih dan cita-cita tinggi, nama Wright Brothers telah tercatat sebagai sejarah 2 orang yang pertama menjadikan impian manusia untuk terbang ke udara menjadi realiti.

“Mengapa kita sebagai orang Islam tidak mencipta kapal terbang terlebih dahulu untuk memendekkan perjalanan ke Mekah? Mengapa?! Mengapa sekolah pondok, sekolah agama dan madrasah yang telah wujud beratus tahunnya tidak mampu melahirkan ilmuwan seperti Ibnu Sina. Mengapa?!” bentakku dalam diam.

“Kalau kamu tidak mengubah diri dan negara kamu, kamu sama sahaja seperti orang lain. Berkata-kata lebih dari membuat, dasar pemalas.” Hati aku membalas persoalan di benak hati. Sentak dibuatnya.

Kesemua barang bersejarah seperti Apollo 13, Wright Brothers, baju *space suit* angkasawan, The Spirit of St Louis, contoh rekaan Apollo Lunar *module* yang mendarat di bulan dan Apollo 11 *module* yang mendarat di laut dipamerkan secara jelas di muzium tersebut. Mereka percaya dengan mempamerkan barang bersejarah ini, generasi Amerika seterusnya bersemangat untuk melakukan sesuatu yang hebat di dalam hidup. Kini aku faham, cara didikan orang Amerika ialah mereka mencabar anak-anak muda mereka untuk mengasak pemikiran yang normal dalam mencari sesuatu yang baru. Mereka tidak takut akan kekalahan kerana kalah itu merupakan satu proses pembelajaran.

Sebaik aku melangkah keluar dari Muzium, jiwa terus membara untuk mengubah negara Malaysia tercinta. Sudah tiba masanya untuk aku berhenti menjadi Adiwira Papan Kekunci menghentam orang sana sini tapi diri aku sendiri tidak melakukan perubahan. Aku kini yakin dengan usaha kuat dan berimpian tinggi kita boleh berjaya seperti mana Ibnu Sina mengubah seluruh persepsi bidang kedokteran 500 tahun yang lalu.

Jika bukan kita yang mengubah nasib sendiri, siapa lagi?

“Jadikan kekurangan yang kita ada sebagai pendorong untuk kita lebih laju mengejar impian. Mungkin bukan selaju orang lain. Namun percayalah. Jika kita percayakan kekuatan yang kita ada dan ada Dia yang melindungi kita sentiasa, kita mampu mencapai impian.”

-Siti Zulaikha



Washington DC. Selepas Perang Dunia Kedua, tugu peringatan ini dibina menghormati pejuang-pejuang Amerika.



White House. Rumah putih ini dicat sepenuhnya dengan warna putih. Rumah kediaman Presiden Amerika. Banyak askar menjaga rumah ini.



Capitol Hill atau nama mudah untuk difahami, inilah parlimen yang meluluskan undang-undang Amerika. Semua keputusan perang dunia dibuat di sini.



Tugu Abraham Lincoln dibina memperingati jasanya menghapuskan sistem hamba di Amerika 200 tahun dahulu.




Washington Monument berdiri dengan gagah di tengah bandar ini mengingati jasa George Washington berperang dengan England demi mendapatkan kemerdekaan.



Kapal terbang yang pertama di dunia yang dibina oleh Wright Bersaudara di Muzium Udara Washington.



Muzium Udara Washington ini sungguh besar sehingga boleh memuatkan lebih 10 kapal terbang saiz penuh. Ternganga besar mulut pengunjung ke muzium ini.



“Jadilah seperti ikan di laut dalam. Semasin mana pun air laut, ikan itu tetap tidak masin, jangan biarkan persekitaran negatif mempengaruhi pemikiran anda.”
-Izzati Kamarudin

HAMPIR LEMAS DAYTONA

Kereta Hyundai berwarna biru cair meluncur laju merentas lebuhraya Amerika menuju ke Miami. Kebanyakan pemandangan ialah hutan belukar yang dipenuhi dengan pokok *pine* atau tanaman jagung yang beratus-ratus ekar jauhnya. Jika rosak di tengah lebuhraya di tanaman jagung, misi untuk kami mencari bantuan agak sukar kerana jauh dari peradaban manusia. Kami berhenti di stesen rehat yang disediakan untuk merehatkan punggung kami yang makin kematu dan enjin kereta supaya tahan lebih lama. Seperti biasa, McDonald wajib ada di setiap stesen rehat. Aneh!

Satu perkara yang menjadi misteri di Amerika ialah hampir di setiap jalan atau persimpangan jalan wajib ada cawangan McDonald bersama badutnya yang berhidung merah. Jika di Malaysia, aku selalu terlihat Ramli Burger di mana-mana tetapi di Amerika pemandangan McDonald adalah *another version of Ramli Burger*. Kesemua McDonald mempunyai reka bentuk yang sama dan menu yang sama di serata Amerika. Dalam misi kami menuju ke selatan Amerika, kaki aku saban hari semakin ringan untuk masuk ke ruang utama McDonald untuk mencari makanan halal yang boleh dikunyah dan dihadam. Pada mulanya agak keberatan kerana aku beranggapan McDonald ini agak mahal. Tapi apabila telah berulang kali aku masuk ke restoran makanan segera ini, aku sedar satu perkara yang menjadikan McDonald ini terkenal serata Amerika. Dalam beribu-ribu restoran, McDonald merupakan restoran yang menyajikan makanan paling murah di Amerika dengan menunya yang menyelerakan. Dengan

berbekalkan 6 *dollar* aku mampu mendapatkan satu burger ikan bersama air Pepsi dan kentang goreng.

Jika di restoran kebiasaan lain, *sandwich* kecil dan air Pepsi sudah menelan lebih daripada 6 *dollar*. Ada lagi satu perkara misteri dan janggal aku lihat berkenaan McDonald. Setiap kali aku membeli makanan dan duduk di ruang yang disediakan, secara pastinya aku akan terlihat paling kurang seorang manusia berpakaian lusuh menolak troli Walmart dengan sarat penuh barang lama-lama masuk ke McDonald membeli Big Mac set burger. Untuk beberapa ketika aku berfikir baru aku sedar orang yang menolak troli ini merupakan orang miskin atau gelandangan yang tiada berumah.

“Banyak betul duit orang miskin di Amerika ni,” aku memberitahu kepada Bad.

“McDonald paling murah beb. *Confirm* kena serbu dengan orang miskin,” balas Bad tanpa banyak songeh.

Aku hanya mampu mengukir senyuman mendengarkan fakta yang Bad lontarkan. Di negara kita, McDonald merupakan restoran bagi orang yang berkemampuan tetapi di negara Amerika, McDonald merupakan tempat makanan bagi orang miskin, gelandangan dan golongan pertengahan yang berjimat cermat.

Kami merentas negeri Virginia, North Carolina, South Carolina dan Georgia sebelum tiba di negeri yang terkenal dengan hiburan iaitu Florida. Setibanya di bandar Daytona, Florida, di hujung ufuk aku terlihat pantai yang disaluti hamparan pasir yang memutih, seakan memanggil

kau untuk bertandang. Alang-alang sudah terlanjur datang, aku teringin mahu menghangatkan kembali impian semasa kecil untuk menelusur ombak dengan papan *surfing*. Larian riang ria separa sedar aku lakukan. Menuju terus ke arah pantai yang mendamaikan, sambil membimbit bagasi kecil yang penuh dengan baju mandi. Aroma kemasinan laut menceroboh masuk ke lubang hidung, kenyamanan pawana yang berhembus menyedarkan aku bahawa ini semua nyata, bukan mimpi semata.

Terdapat beratus-ratus kerusi pantai disusun secara rapi sepanjang laut. Di setiap 30 kerusi akan ada seorang warga tempatan yang akan ditugaskan untuk mencari pelanggan untuk menyewakan kerusi pantai tersebut. Aku tidak mahu kerusi pantai yang membosankan, akan tetapi aku berkehendakkan *surfboard*. Imajinasi aku telah bermain dengan rancak dalam kancah otak bahawa aku akan meluncur ombak seperti profesional yang kelihatan di dalam National Geographic. Tanpa membuang masa, bebola mata meliar mencari papan tanda yang bertulis 'Surfboard to Rent'. 30 meter dari tempat aku berdiri di sebelah bahu kanan kelihatan seorang abang berkulit putih yang berumur sekitar 40-an sedang tenang berteleku sambil memegang *surfboard* yang banyak tanpa sebarang papan tanda. Lantas, aku pergi ke kedainya, tanpa rasa segan silu terus bertanyakan,

"Dude, how much is the rent for one surfboard?" berterabur tatabahasa Inggeris aku kerana terlalu seronok.

"Its 10 dollar for one hour and 15 dollar for the whole day," balas beliau membalas. Dengan skrip yang kukira mungkin beliau sudah beberapa kali ulang pada hari ini.

Ini tawaran paling pelik sekali aku pernah jumpa. 10 *dollar* untuk sejam tapi 15 *dollar* untuk satu hari menyewa *surfboard*. Aku mahu menyewa selama 2 jam sahaja yang aku kira secara kasar dalam 12 *dollar* tapi apakan daya tidak ada 2 jam. Yang ada hanyalah untuk satu hari. Aku, Bad dan Furkan berkongsi duit untuk menyewa satu *surfboard* yang berwarna biru cair. Dengan gaya seakan-akan pro, aku membimbit *surfboard* biru dan terus berlari ke arah ombak. Secara pasti orang sekeliling akan lihat aku sebagai seorang pro yang pandai membaca ombak besar akan hadir dalam masa beberapa minit lagi. Aku langsung tidak tahu membaca ombak apatah lagi kedalaman air. Sebaik tapak kaki aku mencecah air laut Florida yang sungguh jernih, aku campak *surfboard* 2 meter di hadapan aku untuk aku cuba berdiri dengan gaya tersendiri. *Surfboard* itu terapung dan beralun apabila dipukul ombak kecil. Aku dengan semangat terus mengangkat kaki kanan ke atas *surfboard* dan cuba untuk berdiri. Imbangan kaki aku semakin tidak stabil dan badan jatuh. Kemasinan air laut menyapa deria lidah.

“Rasa macam *loser*, *first time* nak naik *surfboard* terjatuh dalam air,” omelku kepada diri sendiri.



Aku cuba untuk mengulang pergerakan yang sama tapi akhirnya akan tewas dan jatuh ke dalam air. Berpuluh kali aku mencuba tanpa mengaku kalah. Ada beberapa kali aku berjaya untuk berdiri dan aku semakin gembira namun tidak bertahan lama apabila dipukul ombak yang tinggi. Aku juga dipukul masuk ke dalam dasar air. Aku mahu sahaja marah kepada diri sendiri tapi tidak ada sebab yang nyata kerana ini kali pertama mencuba sesuatu yang baru dalam hidup. Badan aku sudah tidak berdaya lagi untuk mencuba dan

gagal beberapa kali dalam masa 5 menit. Aku perlukan rehat. Kaki dengan beratnya mengatur langkah ke pesisiran pantai dan badan rebah sebaik sahaja melihat pasir kering. Mata memandang terus ke langit. Bad tengah rakus berenang di tepi pantai tidak sedalam yang aku pergi sebelum itu. Furkan pula datang kepada aku untuk mengambil *surfboard* lalu dibawa ke air untuk mencuba sukan yang baru.

5 menit aku berehat, cuba sedaya upaya untuk melepaskan mata namun tidak berhasil. Hati aku masih teruja untuk menaiki *surfboard* ini sehingga berjaya. Aku berdiri dari tempat pembaringan dan perlahan-lahan berjalan di atas pasir yang halus menuju ke Furkan di lautan.

Setibanya bersebelahan Furkan, aku mencadangkan kepada Furkan pelbagai jenis posisi yang sesuai untuk berdiri di atas *surfboard* untuk kelihatan seperti pro. Namun disebabkan kami ini baru belajar, setiap kali berdiri pasti akan jatuh ke dalam air yang masin. Tragis sekali. Secara tiba-tiba satu idea menyinggah. Aku mengajak Furkan untuk pergi 30 meter ke arah lautan yang di situ aku lihat ombak agak tinggi beralun. Mengikut teori yang aku belajar dari kaca televisyen, semakin dekat ombak dengan pantai semakin meningkat ketinggian ombak tersebut. Jadi untuk memudahkan cerita, jika kami pergi ke tengah lautan, ombak tersebut yang pada mulanya rendah akan membawa kami ke arah pantai dan lama kelamaan menjadi tinggi. Itu yang menjadikan sukan ini seronok kerana ombak akan membawa kami seperti layang-layang.

Malang tidak berbau. Sedang aku berjalan jauh dari pantai menuju ke laut membantu Furkan yang ingin mencuba *surfboard*, kaki aku tidak menyentuh dasar pantai. Aku terus pergi ke posisi gaya renang dada iaitu kalau dalam bahasa

kampungnya gaya renang katak. Aku mula berenang ke arah pantai untuk mencari tempat yang paling dekat untuk memacakkan kaki. Aku terus berenang mencari tanah. Aku mula panik. Aku melihat ke belakang dan dia sedang baring di atas *surfboard* sambil dihanyutkan ke arah laut.

Ternyata ini bukan mainan, keseronokan bertukar tragedi. Aku berada di tengah-tengah *RIP CURRENT*. *Rip Current* adalah satu fenomena air akan menolak seseorang ke arah laut bukan ke arah pantai. Beribu-ribu kes lemas di Amerika berlaku disebabkan ini dan aku tidak mahu masuk ke dalam statistik mereka. Mendengar perkataan *Rip* di hadapan *Rip Current* sudah cukup menggerunkan aku kerana *Rip* dalam Inggeris juga bermaksud *REST IN PEACE* yakni mati. *Rip Current* dengan kuat menarik badan aku ke arah laut dan aku sedang gah berenang ke arah pantai. Aku berenang tidak ke mana dan berada statik di satu tempat. Semakin banyak air masin mula masuk ke dalam mata dan hidung. Aku perlahan-lahan menjadi menggelupur dan panik. Aku melaung kepada Furkan.

“Help me man. I’m in big trouble here.”

“Dude, I can’t help you. I’m also drifting to the sea.”

Ledakan adrenalin semakin rancak menyinggah dalam saluran darah. Degupan jantung kembali rancak dan aku kembali bertenaga seketika untuk membuat cubaan terakhir berenang menongkah arus *Rip Current*. Pergerakan tangan dan kaki semakin pantas berirama untuk meloloskan diri dari kematian yang sia-sia di Daytona. Selama 60 saat aku cuba sedaya upaya, posisi badan masih statik dan badan semakin lemah. Dari jauh aku melihat *life guard* yang berketurunan Amerika turun dari kerusi tinggi berwarna

coklat dan meniup wisel sekuat mungkin ke arah aku. Dia memanggil aku untuk pulang ke pantai kerana melihat aku tersangkut dalam *Rip Current*. Tangannya melambai-lambai memberi signal kepada aku. Bagaimana aku mahu pulang ke pantai jika aku sudah lelah melawan arus ini? Wisel kedengaran bertiupan di ruang angkasa, panjang. Aku mahu sahaja memanggil *life guard* untuk menyelamatkan aku, namun tidak berupaya kerana badan, kaki dan tangan sudah lemah longlai. Aku mengucap dua kalimah syahadah.

“Ashadualla ila ha illallah wa ash hadu an.....”

Sebelum sempat aku menghabiskan kalimah yang keramat itu, aku tenggelam ke dalam lautan. Wisel semakin kurang berbunyi dan kelihatan aku semakin samar dek air Daytona yang dipenuhi pasir halus. Semua kudrat tenaga dari segenap otot yang Allah cipta ini aku telah guna sepenuhnya. Aku sedar walaupun *life guard* cuba untuk menyelamatkan aku, ia akan mengambil masa beberapa minit kerana jarak aku yang agak jauh dari pantai. Aku berdoa buat kali terakhir agar diberi masa lebih sedikit untuk hidup supaya aku dapat berbakti kepada kawan, keluarga dan masyarakat Malaysia.

Aku tenggelam sehingga ke dasar. Perasaan putus asa menyelubungi hati dan semua kelihatan gelap. Kaki aku cecah dan sentuh pasir yang halus. Entah dari mana aku dapat tenaga, aku menolak kaki buat kali terakhir melonjakkan badan ke arah pantai. Aku mengambil nafas sebanyak mungkin ke dalam paru-paru dan aku cuba untuk berenang 5 saat sahaja lagi. Itulah usaha aku yang terakhir.



Aku berjalan perlahan-lahan merentas arus ke arah pantai yang sejauh 50 meter. Badan aku sudah terhuyung-hayang kepenatan. Bad pula sudah baring dengan enaknyanya sambil dijamah oleh mentari Florida. Aku diberikan peringatan lagi oleh Allah bahawa Dia mampu menjemput hamba-Nya di mana-mana sahaja walaupun sedang bergembira berenang di Daytona. Aku sedar hidup ini sementara. Lantas aku meletakkan mata di bawah cahaya matahari yang terik sambil memuji Allah yang masih memanjangkan nyawa aku ini. Badan aku bergetaran kerana masih dalam ketakutan yang amat sebentar tadi. Aku hampir hilang kewarasan. 15 minit aku baring merenung kembali tujuan hidup aku di dunia ini.

Beberapa minit kemudian Bad terjaga dari tidur lalu dia menceritakan tragedi yang hampir sama. Bad tidak tahu berenang dan dia ditarik ke arah lautan. Dengan takdir Allah, dia juga diselamatkan seperti mana aku diselamatkan. Kami sungguh penat dan tidak mampu fikir apa-apa melainkan bersyukur diberi peluang kedua untuk hidup yang lebih bermakna.



Kami menaiki kereta dan terus menuju ke restoran halal yang berdekatan yang ditunjukkan dalam Google Maps. Aku tidak kisah. Aku mahu makan sebanyak mungkin untuk menenangkan ketakutan yang menggigit hati, sehingga jasad turut merasa sejuknya. Tujuh ketul kepek ayam bersama kentang goreng aku telan tanpa banyak bicara dalam usaha untuk aku melupakan segalanya.

Aku lihat sekeliling kawasan khemah yang bersaiz 4 ekar. Sungguh ramai orang datang ke situ namun tidak berkhemah. Aku sangat hairan. Setiap pergerakan orang

putih di situ aku lihat secara teliti. Rupa-rupanya mereka tidak tidur di dalam khemah tetapi mereka mempunyai tempat tinggal yang sungguh canggih yang dinamakan Caravan. Semua lori yang kelihatan seperti van putih HiAce dan mempunyai segala peralatan di dalam rumah seperti katil, tivi, tandas, tempat memasak dan pendingin hawa. Ternyata sekali kami merupakan pengembara yang paling miskin di dalam kawasan perkhemahan ini. Ahaks!

Sepatutnya destinasi seterusnya ialah litar Nascar Daytona. Litar Nascar yang paling terkenal di dunia dan banyak kali digunakan dalam *game* X-Box, PS2, PS3 dan PS4. Namun atas sebab tragedi yang tidak diingini hampir berlaku, kami terus memandu menuju ke Orlando. Di dalam kereta, kami membincangkan nasib yang hampir bertukar menjadi tragedi. Tidak ada siapa yang boleh disalahkan kerana itu semua kehendak-Nya. Kami berkhemah di pekan yang bernama Orlando berhampiran dengan Disneyland Florida yang berharga 40 *dollar* satu malam.

“Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.”

(QS. Al-Jumu'ah [62]:8)



Woosh... woossh... Lima saat paling lama dalam hidup aku ketika itu. Antara hidup dan mati, berenang dan berenang sehingga asid laktik memedihkan setiap pergerakan. Sebaik sahaja aku mahu tewas, takdir dan

bantuan Allah memanjangkan nyawa aku. Kaki aku dengan mudah cecah ke lantai sambil kepala masih berada di ruang udara. Aku masih bernyawa.

Buku jurnal kecil aku tutup, moga terkubur sekali ingatan pahit siang tadi. Membuang jauh perasaan yang bukan-bukan di benak sanubari. Yang penting, kehidupan masih ada dan perlu diteruskan. Mungkin akan serik untuk berenang lagi selepas ini? Hah! Mana mungkin, ini Badrul Hisham, berpantang maut sebelum ajal.

“Pergilah mengembara dengan berbukukan pengalaman walau sedikit kerana pengalaman itulah yang mengajar kita bersyukur.”

-Hirzawati Atikah




Ombak di Daytona kebanyakannya lebih 1 meter tinggi. Surga bagi peluncur air.



Surfboard yang disewa di tepi pantai Daytona. Ini jenis *surfboard* bagi budak yang baru hendak masuk sukan ini. *Board* yang akan kecil dari kebiasaan.



Pak *guard* cuak melihat aku hampir lemas dibawa arus ke tengah laut. Dia menipu wisel berpuluh kali untuk memastikan aku selamat.



"Biar mati mencuba, jangan mati kecewa"
-Muhammad Syafiq

DISNEYLAND FLORIDA

Bayu Angin dari Lautan Pasifik menghembus udara nyaman sekitar pekan Orlando. Matahari terbit dari ufuk timur menandakan hari yang penuh emosi bakal tiba. Seawal pagi sebaik sahaja aku bangun dari lena terus menjadi emosi. Mata asyik berair, pernafasan tidak menentu seperti orang yang memenangi pingat emas Olimpik dan kadang-kadang hati menjadi sebak. Ketika aku berumur 10 tahun dan masih mentah, tempat ini umpama sesuatu yang sangat berharga dan ia ibarat syurga dunia bagi aku dan kesemua budak kecil. Bertahun-tahun lamanya aku idamkan bahawa hari ini akan muncul dalam lembaran hidupku. Telah lama aku berdoa kepada Tuhan agar makbulkan permintaanku untuk ke tempat ini. Sejak aku kecil lagi aku berasa sangat cemburu dengan tempat ini. Pernah beberapa kali aku meminta dari ibubapa aku untuk membawa aku ke syurga ini yang ternyata lebih hebat dari Taman Tema Genting Highlands. Namun hasrat tidak tercapai kerana keluarga aku hanya bekerja makan gaji dan kami hidup sebagai golongan sederhana. Makan KFC pun jarang sekali apatah lagi ingin melancong ke Amerika.

Kembali ke realiti, hayunan kaki semakin pantas dan keriangannya jelas terpancar di wajahku pada ketika itu umpama anak kecil yang mendapat mainan yang baharu. Aku mengejutkan kawan-kawan di dalam khemah, selanjutnya aku pergi ke tandas untuk bersiap sedia bagi meniti hari indah yang aku tunggu-tunggu. Perkataan DISNEYLAND berlegar di fikiran aku setiap saat dan setiap langkah yang aku jejak, aku rasakan sungguh ringan, seolah-olah sedang terapung

di awangan. Kini, Disneyland hanya 10km sahaja dari tempat perkhemahan kami. Mungkin bagi orang lain, gelagatku seperti terlampau kebudak-budakkan. Walakin percayalah, aku hampir menangis mengenangkan impian yang telah lama aku impikan akhirnya akan tercapai hari ini di hadapan mata kepala sendiri.

“*Bro*, bangun *bro*, siap cepat. Disneyland tengah tunggu kita ni,” aku menggerakkan Bad dan Furkan yang sedang tidur lena dibuai mimpi. Aku melihat jam di telefon pintar menunjukkan 8 pagi. Semangat aku membara untuk melangkah melihat hasrat yang telah lama aku pendamkan. Satu perasaan yang sukar untuk aku ungkapkan dengan kata-kata.

Furkan dan Bad mengambil masa selama 30 minit untuk bersiap manakala aku memasak makanan pagi menu yang kebiasaannya iaitu pasta dan ikan sardin. Seusai makan sebanyaknya ke dalam perut, kami mengemas kesemua alatan khemah dan memasak lalu memasukkan ke dalam bonet kereta. Setiap minit aku akan mengingatkan mereka untuk siap sepantas mungkin. Muka ekspresi Bad kelihatan sama seperti muka aku, riang dan teruja seakan-akan impian yang dahulunya mustahil kini bakal tercapai sebentar lagi.

Kami memecutkan kereta menuju ke Disneyland. Furkan yang memandu kereta dan aku pula menjadi pembantu pemandu. Tidak mungkin ketenangan akan aku kecapai ketika ini, selagi mana jasad tubuh ini belum tiba pada jajahan tanah magis Disneyland. Sepuluh minit dalam perjalanan akhirnya kami terserempak pada satu papan tanda Disneyland. Aku sungguh teruja, hampir-hampir histeria rasanya. Bukan ada satu sahaja taman

tema Disneyland tetapi ada lebih daripada lima taman tema bersaiz gergasi. Papan tanda menunjukkan Universal Studio, Sea World Orlando, Disneyland Magic Kingdom, Disney's Epcot dan Universal Studios Florida. Pening aku dibuatnya kerana terlampau banyak taman tema yang ingin aku takluk dan tadbir. Dengan berfikir secara pantas dan kritis, aku tahu hanya satu sahaja taman tema yang sebenarnya aku idamkan dari kecil iaitu Disneyland Magic Kingdom. Bunyi Magic Kingdom atau dalam bahasa Melayu, Negara Magis sudah cukup menggamit hati.

Pintu gerbang Disney menyambut kami dengan gahnya ke dalam kawasan Disney Magic Kingdom. Sejurus tiba di kawasan letak kereta Magic Kingdom, aku tidak dapat melihat satu bangunan atau iras taman tema. Adakah aku ditipu hidup-hidup dan dibawa oleh pekerja Amerika ke sini? Di manakah taman tema? Aku beranggapan kami akan meletakkan kenderaan betul-betul di hadapan pintu masuk Disneyland.

"Maybe we need to walk quite far away," Furkan merangka kemungkinan.

Rupa-rupanya ada satu kereta api kecil yang berupa seperti ulat bulu gergasi tiba 50 meter dari kenderaan kami dan kesemua orang menaiki dan duduk masuk ke perut ulat bulu gergasi. Lega kerana aku tidak perlu berjalan! Magic Kingdom aku dapat lihat dengan bebola mata di hujung ufuk timur sambil matahari menyinarinya. Magis! Perasaan riang girang menyelubungi hati. Ini yang membuatkan aku lagi pelik. Kereta api ulat bulu yang aku naiki berhenti 3km daripada Magic Kingdom dan kami semua diarah untuk turun dan membeli tiket di tempat yang kami berhenti.

“Kalau kena jalan kaki ke Magic Kingdom dari sini memang masak kaki dan otak *bro*, jauh *siot!*” Aku mengeluh kepada Bad.

Magic Kingdom tetap akan memberi kejutan kepada semua pengunjungnya. Aku membeli tiket dan kami diarahkan untuk beratur di sebelah tasik untuk menunggu sesuatu yang besar akan muncul.

“Sham, Sham, kapal layar *siot*, datang untuk bawa kita pergi ke Magic Kingdom, macam kapal dalam cerita *Pirates of the Caribbean*,” Bad menjerit tak tentu hala kepada aku dan Furkan. *Well, boys will always be boys*. Senyum.

Terpana, sebuah kapal perang berkilat kelihatan seperti kapal menurunkan sauh untuk berlabuh di hulu pelabuhan, berpusu-pusu manusia memenuhi perut kapal. Kini aku sedar betapa bermaknanya maksud Negara Magis. Nasib baik aku datang ke sini ketika aku berumur 23 tahun. Jika aku datang ketika aku umur 10 tahun, sudah tentu aku menjadi gila dan menangis kegembiraan setiap saat. Tempat ini ibarat membawa kesemua pengunjungnya masuk ke dalam cerita kartun yang kita tonton saban hari di kaca mata televisyen. Kami melangkah masuk ke dalam kapal yang berwarna perang diperbuat daripada kayu pokok *pine*. Kapal itu dianggarkan berukuran 20 meter panjang dan 7 meter lebar. Perjalanan kapal menuju ke ala-ala dek Magic Kingdom mengambil masa selama 30 minit. Para pengunjung tidak henti-henti menekan butang kamera untuk mengabadikan memori mereka di sini.

Setibanya di pelabuhan, bermulalah pengembaraan kami satu hari mengelilingi Disney Magic Kingdom, fantasi kanak-kanak aku mula meliar. Segala keriangannya

lepaskan pada hari itu. Biarkan aku kembali ke dalam jasad aku yang berusia sepuluh tahun bagi menikmati kurniaan yang mungkin dapat dirasai sekali seumur hidup. Kesemua bangunan yang dipamer di situ mirip dengan bangunan yang dipamerkan di dalam kartun Disney. Bangunan yang menjadi kebanggaan Disney ialah Istana Cinderella yang tersergam indah di tengah-tengah taman tema ini.

Istana Cinderella ini mempunyai ketinggian 50 meter dan disaluti cat yang berwarna kelabu cair manakala bumbung pula berona biru muda. Kaki aku bergerak dengan pantas membawa aku ke dalam ruang istana. Dalam ruang imiginasi minda, aku terbayang Cinderella sedang tidur di bilik yang paling tinggi sekali dan aku sebagai hero akan menyelamatkan Cinderella dengan mengucup pipinya. Cinderella dikhabarkan merupakan perempuan yang paling cantik di dunia. Sungguh terkejut Cinderella jika dia melihat hero yang bakal dikahwininya itu bukan orang putih tetapi orang tampan berketurunan Melayu Jawa. Namun hajat untuk menjadi hero tidak kesampaian, Istana Cinderella itu hanya cantik di luar tetapi di dalam hanyalah ruang kosong semata-mata. Cinderella tidak kelihatan di mana-mana ruang di dalam istana ini. Kecewa sungguh hati aku ini.

Sehari suntuk kami menghabiskan masa di Disneyland dari pagi sampai ke petang. Mata berpinar kepenatan yang melampau namun ledakan adrenalin masih dapat dirasai. Degupan jantung masih bertenaga dan kudrat masih dirasai di setiap pelusuk jasad. Puas, sepanjang hari kerana satu impian yang terbayang tercapai akhirnya setelah bertahun-tahun usaha. Senyuman terukir di bibir sehingga tengah malam. Aku dapat keputusan yang cemerlang SPM satu ketika dahulu pun tidak senyum sebegini lama. Puas, syukur alhamdulillah.

“All our dreams can come true, if we have the courage to pursue them.”

-Walt Disney



Istana Cinderella menjadi tempat tarikan utama bagi pelancong ke taman tema Disneyland.



Disneyland penuh dengan kata-kata semangat yang menjadikan kanak-kanak teruja.



Bilik rahsia ini penuh dengan lukisan Disney yang sungguh menikam jiwa. Terasa ingin beli satu.



Persembahan secara langsung oleh 6 orang penari hebat berpakaian watak Disney menari di hadapan Istana Cinderella. Terdetik di hati untuk membawa keluarga aku ke sini di masa hadapan.



Salah satu istana di Disneyland. Nampak seperti istana sebenar.



Figura cantik romantis Mickey Mouse dan Minnie Mouse yang diperbuat dari ukiran daun-daun pokok.



*"Orang yang tidak pernah buat silap adalah orang yg tidak pernah mencoba benda baru."
-Oi Rijal*

TITIK HUJUNG AMERIKA KEY WEST

Bayu yang menerjah dari lautan berpuput lembut menghembus hawanya ke arah kota metropolitan, Miami. Terik mentari mengganas mengigit-gigit kulit aku dek kerana peluh yang mengalir dengan galaknya. Keterbiasaan pada cuaca terik Malaysia, masih lagi tidak cukup untuk aku membiasakan diri dengan keganasan pancaran mentari Miami. Di tanah air, aku adalah Melayu Jawa yang sejati. Tetapi di sini, aku seolah seorang pendatang haram dari Mexico yang sedang melingkar bebas di tanah Amerika ini. Pasport aku periksa buat kesekian kali, persediaan jika pihak polis meragui aku ketika ini.

Kami memberhentikan kereta di kawasan pantai Miami yang terkenal di dalam filem bersiri Crime Scene Investigation yang dipaparkan di AXN Astro. Impian tetap impian untuk menggapai mimpi, zon selesa harus dihapuskan. Pintu kereta aku kuak buka, kaki digagahkan untuk memacak tegap pada tanah Miami, beg kecil yang berisi pakaian mandi kusauk kemas ke celah jari. Kaki terus melangkah, mata meliar memerhati persekitaran. Seakan kurang percaya dengan bebola mata sendiri. Aku terpacak untuk beberapa saat untuk mencerna deria mata. Tergamam, kepala menoleh tiga ratus enam puluh darjah ke seluruh pelosok yang berjaya digapai oleh mata. Pohon kerdil yang tidaklah berapa besar, tidak juga berapa kecil menghuni hampir segenap pasiran pantai hingga ke ufuk utara selatan timur dan barat yang terakhir. Susunan bangunan dua tingkat disaluti rona warna yang pelbagai, memeriahkan lagi jamahan mata ini. Tapi

kilauan mentari tengah hari menyilaukan mata ini.

“Bad, ini sama macam dalam *game* GTA Vice City, *bhahii*,” luahku pada Bad.

“Ha’ah la Sham. Susunan pokok, kereta *old school*, tepi pantai, bangunan 2 tingkat. Semua sama *bhahii*,” Bad riang menjelaskan secara terperinci.

GTA Vice City merupakan *game* yang paling terkenal pada tahun awal 2000-an. Semua anak muda ketika itu bermain *game* ini tidak kira di komputer riba, komputer, atau *play station*. *Game* itu ibarat fenomena yang baru melanda dunia. GTA Vice City membawa revolusi kepada *game* kerana menjadi *game* yang terawal mempunyai grafik yang lawa dan lancar. Menjadi tarikan utama *game* ini ialah aku sebagai pemain boleh mencuri kereta di tepi jalan dan membawa pusing sekitar bandar dan melanggar semua lampu isyarat awam.

“Bro, lets steal this Dodge car just like we saw in the game and shoot any random people.” Furkan berseloroh sambil melihat kereta yang cantik di sepanjang jalan pantai Miami.

Kami bergurau dan meniru gaya watak utama di dalam *game* GTA Vice City sambil berjalan menuju ke pantai. Pantai Miami tidak lekang dengan kebanjiran manusia yang kebanyakannya mengenakan pakaian yang tidak cukup kain di sini. Bikini bagi wanita dan hanya seluar pendek untuk lelaki sambil mereka merelakan tubuh badan dijamah rakus oleh terik sang matahari adalah panorama normal masyarakat di sini. Aku dan rakan-rakan, seperti biasa, menyarungkan baju mandi kami yang sedaya

upaya untuk men'*syariah-compliance*'kan ia. Walau di mana pun kami berada, lakukan dan ucapkan, sedaya upaya kami untuk menjaga haq Allah. Seusai mengenakan pakaian mandi, tidak molek rasanya untuk kami terus kekal berada di pesisir pantai. Akan tetapi, ledakan adrenalin pada tempoh hari belum reda, maka aku mengambil keputusan untuk berehat sahaja di bawah pohon yang serupa kelapa sawit ini. Menumpang teduh dari kekejaman matahari. Sampailah satu saat, perut menyanyi minta diisi.

Saat demi saat aku makin hilang kewarasan, asid gastrik menekan perut, membuatkan aku bertambah gila. Nasi lemak, asam pedas, nasi ayam dan tempoyak bermain di fikiran aku. Bad sebenarnya juga lapar tapi dia enggan mengaku. Dia menunggu untuk aku yang membuka mulut terlebih dahulu berkenaan makanan. Dengan menggunakan perinci GPS di telefon Furkan, kami mencari restoran halal yang berdekatan sekitar 2km maksimum. Ada satu restoran terletak 1km tidak jauh dari situ. Mengikut benak hati, aku tidak kisah untuk makan di restoran yang tidak halal kerana secara pastinya aku akan mengambil menu vegetarian seperti pasta dan sardin atau pizza keju. Namun berdasarkan pemerhatian aku, kesemua restoran di kawasan pelancongan ini, mereka meletakkan harga makanan yang melebihi bajet harian aku. Justeru, satu fakta yang aku temui ialah kebanyakan restoran halal di Amerika menyajikan makanan dengan harga berpatutan menepati bajet kewangan yang telah aku tetapkan dan yang paling penting sekali adalah makanan dijamin halal.

Satu kilometer kami sanggup redah demi sesuap nasi. Mohon jangan sesiapa meremehkan kegilaan seorang insan yang sedang lapar. Pada tahap ini, kegilaan aku sudah mencecah tahap mahu menelan manusia! Setibanya kami di restoran halal tersebut, kami disambut oleh pemilik

kedai, yang kukira berketurunan India. Rasional pada masa itu sudah pudar dibaham kelaparan, semua menu kelihatan mengancam. Aku mahu melahap semua yang ada!

“One beriani is 8 dollar, if you take the buffett it will cost you 13 dollar,” tuan empunya membuka tawaran.

Bajet harian aku ialah 10 *dollar* maksimum tapi kali ini, nafsu lapar sungguh meraja. Sepingguan beriani tidak mampu memadamkan hawa lapar ini. *Buffett* menjadi pilihan tanpa aku berfikir panjang. Segala macam jenis makanan aku muat turun ke atas pinggan. Dua puluh minit, meja kami diam. Yang kedengaran cuma bunyi kunyahan dan sudu garpu berlaga sesama sendiri. Kalaulah masa solat pun seklusyuk begini! Dengan badan kerdil begini, aku dianugerahkan dengan perut yang boleh mengembang sebanyak tujuh kali ganda. Dua puluh minit berlalu sebegitu sahaja, perut sudah selamat aku suap sumbat dengan nasi beriani, ayam kari, ayam kurma, papadom, air kosong dan sayur-sayuran yang sangat menyelerakan. Tidak aku sangka makanan seperti di Malaysia ini aku dapat nikmati dengan seronoknya di Miami. Dari perut yang kosong sehinggalah menjadi terlampau penuh, aku berhenti dan duduk sebentar. Bad kelihatan tidak bermaya untuk meneruskan makan dan Furkan juga duduk terdiam, mungkin terkena sihir kepuasan menjamu nafsu lapar.

Setelah membayar bil yang berjumlah seorang 13 *dollar*, kami melangkah untuk masuk ke kereta pula. Enjin dihidupkan serta pedal minyak ditekan lalu kereta meluncur perlahan menuju destinasi terkenal seterusnya iaitu Key West, Florida. Key West merupakan titik terakhir bagi penghujung negara Amerika yang boleh digapai menggunakan kereta. Bandar ini juga terletak berhampiran dengan musuh turun-

temurun Amerika iaitu Cuba sejauh 150km dengan laluan laut.

Memandu dari Miami ke Key West mengambil masa selama 4 jam. Apa yang menarik dalam pemanduan ke titik terakhir Amerika ini ialah tidak terkira banyaknya jambatan akan dilalui. Sekarang baru aku sedar, Key West merupakan gagasan pulau di penghujung Amerika dan kebanyakan pulau ini bersambung dengan puluhan jambatan yang besar. Pemandangan di sebelah kiri dan sebelah kanan sungguh menambat hati. Tidak pernah aku memandu, aku melihat ke kiri dan ke kanan lautan yang bersih dan tidak ada kelihatan sebarang kapal besar seperti mana aku lihat di Pelabuhan Klang. Perasaan tenang menyelimuti hati aku. Pengalaman memandu di jalan ini ibarat membawa pemandu kereta tersebut ke alam yang lain seakan-akan memandu di tengah lautan biru.

Sebagai penutup kepada hari yang sudah epik ini, kami bertiga duduk di penghujung Key West sambil menikmati matinya matahari di ufuk lautan Atlantik, setelah selesai ia menganas terik hari ini. Mata kupejam, membayangkan aku sedang bersenang-lenang menikmati hari terindah di sini bersama dengan pasangan yang halal. Bakal. Menikmati syurga dunia yang Tuhan beri kesempatan untuk merasa.

“Dalam hidup ini, jangkakan yang terburuk, harapkan yang terbaik.”

-Zahid Zabedi



Miami kelihatan mirip dengan suasana di dalam *game* GTA Vice City. Susunan pokok dan jalan yang sungguh harmoni.



Ukiran dan lukisan sangat dihargai di bandar Miami gah ini. Jalan penuh dengan bangunan warna-warni dan payung yang unik.



Kereta lama yang dijaga menjadi kebanggaan bagi penduduk kaya Miami. Warna oren kereta dan payung sungguh secocok.





Jalan 2km di tepi pantai Miami melihat gelagat orang tempatan membuka perniagaan di tepi pantai.



Sampai sekarang aku tidak mengerti bagaimana bangunan di belakang mempunyai tanaman menyelaputi dinding. Adakah mereka menggunakan teknik jaring?



Matahari terbenam di Key West Amerika. Tanah di hujung paling selatan Amerika.



*"Dengan lafaz Basmalah, teruskan menjelajah meraih hikmah."
-Meor Farid Asyridi*

SPACE SHUTTLE NASA

Buzzzzz... Buzzzzzzz... Buzzzzz... Buzzzzz... Papp...

Sepanjang malam tangan aku hayunkan ke udara dalam cubaan aku untuk menghalau puluhan ekor nyamuk durjana yang sedang bertemasya. Namun sang nyamuk tidak juga berputus asa dalam cubaannya untuk menyuntik lantas mencuri sedut cecair dalam pembuluh darah kami. Wap udara luar yang panas dibahangkan lagi dengan kepanasan hati kami. Lena yang seakan-akan tidur ayam diselang-seli dengan hayunan tangan setiap 20 minit. Mengikut spesifikasi aku, dalam kiraan kasar, tidak mungkin wujudnya lubang atau pintu kecil yang memberi ruang pada nyamuk untuk meloloskan diri ke dalam khemah kami. Lalu dengan kudrat yang mamai, aku mengumpul kesabaran, mencari dan membelek dengan hujung jari segala bucu dan penjuru dalam usaha mencari lubang yang mungkin terlepas pandang. Akan tetapi, usaha aku hampa. Hanya menambahkan kebanggaan diri sahaja. Lubang yang aku sangka wujud rupanya ilusi semata-mata. Aku cuba untuk tidur kembali namun tidak berjaya. Nyamuk tetap memberi gangguan fizikal dan mental yang berterusan, berpesta tanpa ingat dunia, menjadikan tubuh kami sebagai jamuan kenduri. Aku perlu tidur yang secukupnya kerana keesokan hari kami akan memandu 24 jam tanpa henti secara bergilir-gilir ke Houston, Texas.

“Macam mana nyamuk ni masuk? Sepatutnya berkhemah di tepi laut Key West mana ada nyamuk!” Geram aku dibuatnya.

Cubaan kali kedua dibantutkan dengan bunyi perlahan rintik hujan. Kami bertiga meluru keluar dan pada masa yang sama rintik mutiara dari langit semakin menggila. Dalam kekalutan kami memasang penutup khemah. Baju habis lencun dicium kiriman dari langit. Yang lebih malang, sewaktu usaha kami memasang penutup khemah, nyamuk merekrut seberapa banyak rakan-rakannya untuk berkampung di dalam khemah lagi dan aku perasan satu tempat di kelambu di mana aku lihat banyak nyamuk kecil sedang berkumpul. Mereka menghasilkan bunyi frekuensi tinggi yang nyaring. Aku perhatikan secara dekat. Rupa-rupanya kelambu khemah itu tidak cukup halus untuk menghalang semua jenis saiz nyamuk dari masuk ke dalam khemah. Anak nyamuk mampu menyelinap di antara ruang jahitan kelambu. Jam menunjukkan tepat pukul 1 pagi. Untuk keluar dari khemah pasti akan membawa bencana lagi besar. Datuk nenek emah ayah nyamuk akan menyerang setiap anggota aku yang terdedah. Jadi aku kira dengan turunnya hujan akan memberikan aku peluang untuk berselubung dalam *sleeping bag*, tapi celaka sekali lagi, hujan di sini kurang menyamankan, *sleeping bag* berubah menjadi sauna. Lagi parah!

Jarum jam seolah tiada belas. Pusingannya hari ini terlalu pantas aku rasa. Terasa baru sahaja seketika tadi aku melirik, jam masih lagi bertenggek pada ruang nombor satu, tapi kali ini sudah pukul 7 pagi rupanya. Aku bingkas bangun dari pembaringan dan menunaikan solat Subuh. Walaupun kami semua tidak cukup tidur, namun semangat kami cukup kental untuk meneruskan misi 24 jam memandu tanpa henti ke Houston, Texas yang sejauh 2250km. Aku yang menjadi pemandu pertama. Cukup satu jam mata aku menyerah kalah dan badan longlai.

“Bad, tolong gantikan aku boleh tak?” Sepatutnya kami akan bertukar pemandu setiap 2 jam, namun kali ini aku tidak mampu lagi. Daripada membahayakan nyawa kami, baik aku tukar pemandu.

Aku pergi ke kerusi belakang kereta dan terus melelapkan mata. Empat jam aku membayar hutang mata. Lena aku bagaikan bayi.

Bagi 24 jam seterusnya benar-benar menguji mental dan fizikal kami ke tahap maksimum. Aku betul-betul teringin untuk berhenti di tepi jalan dan tidur di kawasan pam minyak. Perjalanan terpaksa diteruskan demi mengejar masa untuk sampai ke Los Angeles. Mengikut jarak dan masa, jika tidak diteruskan kami ada kemungkinan besar tidak akan sampai di Los Angeles dan akan terlepas kapal terbang ke Brazil.

Kami bersengkang mata melawan kantuk di sebelah malam ketika melintasi negeri Alabama, Mississippi, dan Louisiana. Negeri Texas menyambut kehadiran kami dengan matahari terbit yang dengan indahnya menyinari seakan-akan padang pasir di Texas. Kilauan pasir dan tanah menjadikan tempat ini kelihatan kuning cair seperti filem koboi lama. Pukul 8 pagi aku dapat rasakan tempat ini akan menjadi lagi panas dan terik dari Florida. Pokok kesemuanya rendang dan kecil-kecil. Tidak sesuai untuk berteduh.

Destinasi yang paling aku ingin tujui selepas Disneyland ialah Muzium NASA di Houston. Muzium NASA ini terletak di hujung bandar Houston. Jauh daripada kawasan perumahan kerana khuatir jika terdapat apa-apa kejadian berlaku dan roket yang akan terhempas, kadar kematian dapat dikurangkan ke jumlah yang minima. Tiket masuk berharga 20 *dollar*. Inilah tiket muzium yang paling

mahal aku pernah jejak seumur hidup aku. Demi mengejar impian masuk ke kawasan NASA ini, wang hanyalah sekadar nilai buatku. Bagiku, impian yang hanya tinggal impian, harga yang terpalang mahal perlu aku langsaikan, PENYESALAN.

Itu prinsip aku, azam yang kuat, wang bukan penghalang. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Makanya, aku berjimat hampir setahun. Hah! Dulu aku ada impian untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Kejuruteraan Aeronautik di Rusia dengan niat yang murni iaitu membawa teknologi angkasa lepas Rusia untuk dibawa ke Malaysia. Aku bercita-cita ingin menjadikan Malaysia sebagai *hub* angkasa lepas di Asia Tenggara. Namun apakan daya, takdir hidup aku dihantar ke United Kingdom untuk belajar dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Sheffield. Kembali ke realiti, bulu roma menegak 90 darjah dan hati aku berdegup kencang menatap sepersalinan angkasawan kebanggaan Amerika tersergam indah sebaik aku melangkah memasuki muzium. Pada mulanya aku ingatkan ini hanya muzium, tapi ternyata persepsi aku berubah sama sekali. Ini bukan muzium, tetapi merupakan *command centre* bagi angkasa lepas seluruh dunia dan masih berfungsi sehingga ke hari ini. Mereka masih mengukir sejarah hari demi hari untuk dibanggakan kepada seluruh dunia.

Kami dibawa ke tempat angkasawan dilatih dari orang biasa menjadi orang yang luar biasa untuk memudahkan proses menyesuaikan diri di angkasa lepas kelak. Aku terpegun dengan simulasi yang berskala besar yang sedang mereka lakukan. Kesemua barang adalah barang sebenar, bukan olok-olok seperti dalam filem. Dari sekecil-kecil enjin sehingga sebesar-besar monopod angkasa lepas juga diuji di tempat ini. Semangat aku untuk membawa teknologi ini ke negara tanah tumpah darah aku semakin membara saat dari saat.

“Mengapa Malaysia tidak ada teknologi sebegini?”
Gumamku sendiri dengan ayat baku.

“Awak dihantar ke luar negara bukan untuk suka-suka tetapi untuk membawa teknologi dan kemajuan dari luar ke negara kita. Awak semua harapan bangsa dan negara,” terngiang-ngiang pesanan Ketua Pengarah MARA kepada kami semua 3 tahun lepas, sebelum aku berangkat ke England.

Entah mengapa aku dapat rasakan aku semakin jatuh cinta dengan teknologi angkasa lepas. Cinta yang dulunya hanya mainan mata cuma, kini semakin menusuk dalam. Aku dibawa ke dalam kereta api ulat bulu ke tempat seterusnya iaitu *Mission Control Center*, tempat di mana menyaksikan kawasan kawalan kepada misi Apollo yang berjaya mendarat di bulan pada tahun 60-an. Sebelum kami masuk ke dalam bilik itu, pengawal keselamatan memastikan setiap pelancong tidak membawa sebarang alatan besi yang boleh mendatangkan kecederaan. Aku melangkah masuk ke dalam bilik yang sebesar satu dewan yang sederhana besar. Aku tergamam melihat bilik zaman 60-an ini dijaga rapi seperti baru sahaja ditinggalkan kelmarin. Komputer zaman 60-an disusun rapi di setiap meja. Satu *screen* besar berada di hadapan yang menunjukkan kedudukan *space shuttle* secara siaran langsung pada zaman itu. Aku dapat bayangkan beribu-ribu pekerja NASA sedang bekerja dengan gigih untuk menjayakan misi membawa manusia pertama ke bulan. Itu tanggungjawab yang besar.

“*That’s one small step for man!*” Itulah kata kata pertama yang dihantar oleh Neil Armstrong daripada permukaan bulan kepada bilik *Mission Control Center* yang aku sedang berdiri ini. Meremang bulu roma aku. Aku dapat

bayangkan kegembiraan yang teramat bagi kesemua pekerja NASA yang bersusah payah bagi memastikan projek ini berjaya. Semuanya bermain di hadapan mata ketika ini.

“Houston, the Eagle has landed!” Pemandu pelancong itu memberitahu kami frasa ini. Kata-kata kedua ini betul menikam jiwa. *Eagle* atau dalam bahasa Melayunya ialah burung helang merupakan jata bagi negara Amerika. Aku terbayang jika negara Malaysia berjaya hantar angkasawan ke bulan, aku pasti kata-kata yang akan dihantar radio ialah, *“KL, the Tiger has landed.”* Sampai 10 generasi orang Malaysia akan ingat perkataan itu. Setiap sekolah akan mengukir dan melafazkan kata-kata keramat itu di setiap kelas untuk memberi inspirasi.

Namun ada satu soalan yang benar-benar aku ingin tahu jawapannya. Bagaimana Amerika ketika zaman itu mampu melakukan kejayaan yang luar biasa sedangkan ingin membina roket pun boleh dikira agak payah? Mengapa masih ada manusia yang sanggup menaiki roket yang ada kemungkinan besar akan meletup di tengah jalan? Entah bagaimana, pemandu pelancong itu seakan-akan mengetahui persoalan yang berlingkar dalam kepala aku.

“Do you know why in that room (merujuk kepada Mission Control Center) we managed to conquer the world, space and the Moon?” Diam. Semua jasad yang hadir ketika itu diam menunggu jawapan. Aku tahu ini soalan yang dia seorang sahaja tahu jawapannya.

“In 1960’s, NASA is filled up with YOUNG MAN, young man just like you (menunjuk kepada aku), young man on average 24 years old.”

“They are risk takers, they didn’t afraid of anything, they willing to sacrifice everything to make things done, and most important they DREAM big!” Jawaban itu seolah-olah kilat menerjah telinga aku. Aku terpaku dengan kata-katanya. Aku terdiam tanpa reaksi, coba untuk mencerna setiap perkataan yang dia lontarkan.

Baru aku sadar ketika itu, untuk memajukan satu negara ke hadapan, sejarah NASA mengajar kita untuk meletakkan tanggungjawab membangunkan negara kepada anak muda yang berumur 20-an yang baru sahaja lepasan universiti. Pada umur ini, mereka berani mencuba segala-galanya dan jika gagal, mereka akan bangkit kembali. Idea yang dilontarkan anak muda segar dari minda dan lain dari yang lain. Orang yang berumur 40-an dan 50-an, mereka pula sudah tidak berani dan semua idea mereka sudah tidak mampu lagi memberi kemajuan kepada satu negara. Itulah penekanan yang diberikan oleh Presiden Amerika ketika itu iaitu John F. Kennedy.

Berpuluh-puluh Roket Amerika yang menelan beratus juta *dollar* musnah ketika dalam misi Apollo. Hanya orang muda yang mempunyai semangat untuk bangkit dari kegagalan menuju kejayaan lantas mengiyakan kata-kata hikmat aku pernah dengar daripada Thomas Edison.

“Our greatest weakness lies in giving up. The most certain way to succeed is always to try just one more time.”

-Thomas Edison



NASA Houston Texas. Di sini tempat bermulanya misi pertama manusia menjelajah ke bulan. Tiada yang mustahil.



Bendera Amerika tersergam indah menjadi kebanggaan latihan angkasa pekerja di sini. Orang Amerika sangat patriotik.

Salah satu roket terawal yang dibina NASA untuk meneroka angkasa. Roket ini tidak membawa manusia.



Roket Apollo yang dibina untuk membawa manusia ke bulan. 5 enjin utama menjadi tunjang melepasi lapisan udara bumi.






Command centre 1960-an yang terkenal dengan, “Houston, we have a problem.”



Baju angkasa lepas yang dipakai oleh Felix Baumgartner ketika melompat solo dari sempadan udara bumi dengan angkasa lepas.



Muzium Kawah Meteor di tengah-tengah Texas berhampiran dengan Houston. Meteor jatuh di tempat ini beratus ribu tahun dahulu dan meninggalkan kesan kawah yang agak besar.



“Walaupun terpeleceh ke seribu kali atau tersungkur menyembah bumi, tetaplah bangkit dan teruskan mendaki. Kerana apa, kau tahu? Di puncak itu memang indah. Tapi di puncak saat orang lain merasakan mustahil itu luar biasa.”
-Najibah Kazmin

DITANGKAP KOBOL TEXAS

Jam telefon menunjukkan 2 petang. Pemandangan sekeliling penuh dengan padang pasir. Pokok kaktus yang rendah menghiasi di bahu jalan. Kawasan perumahan memang jauh ataupun tidak wujud sama sekali di sepanjang jalan ini. Yang ada hanyalah lebuh raya 2 hala menuju ke Albuquerque, New Mexico yang terletak sejauh 400km di hadapan. Minyak petrol menjadi kerisauan aku yang paling utama di kawasan yang tidak dihuni manusia. Jarak di antara kedai pam minyak kadangkala mencecah 200km dan itupun kalau boleh dikira bernasib baik jika ianya ada bekalan minyak. Kereta Amerika yang kami sewa ini pula tidak mengamalkan konsep penjimatan. Penanda aras minyak dengan riangnya turun dan menghilangkan diri dari satu bar ke satu bar yang lainnya. Bayangan yang mengerikan mula bermain di sudut kepala. Kelihatannya, bagaimana nanti jika kereta dan kami tersadai di tengah jalan dengan keadaan sekeliling bersuhu 37 darjah yang membahang? Paling tidak pun untuk mengisi minyak, kami perlu merentas gurun pasir sejauh 20km pergi dan 20km lagi untuk balik. Sekembalinya kami nanti, fizikal kami mungkin berubah bertukar seperti jasad ikan kering. Dan paras kekacakan mungkin menurun dengan mendadak. Ini tidak boleh jadi!

Mungkin aku terlebih khawatir tentang perkara yang jarang-jarang sekali berlaku. Justeru, untuk menghalau kerusingan, aku memilih untuk melelapkan mata. Mengharap bila celiknya mata, kami sudah tiba di destinasi. Aku melirik si Furkan yang sudah berlayar jauh ke alam mimpi berjam-jam

yang lalu. Kebiasaannya aku gemar berbincang dengan Bad tentang Malaysia, sekolah lamanya KISAS, KMB, perihal UK, atau yang paling seronok perihal pelancongan. Namun kali ini aku sudah terlampau mengantuk. Dengan terpejamnya mata, maka aku telah secara rasmi berlayar ke dunia lain. Wajah yang dihembus angin pendingin hawa mempercepatkan pelayaranku.

20 minit berlalu, air liur basi mula membeku. Masih lagi bertarung dengan perasaan keliru antara mimpi dan realiti, kerana dalam mimpi yang tadi aku sedang indah melancong ke Amerika Syarikat. Dan dunia nyata aku kini juga melalui benda yang sama. Jadi aku memerlukan masa untuk membezakan keduanya. Tiba-tiba aku dikejutkan dengan satu bunyi. Mahu tidak mahu, aku perlu segera keluar dari alam fantasi yang tadi.

“Sham, Sham... polis ke kat belakang kereta kita ni?” Bad mengajukan soalan.

Aku yang masih lagi dalam keadaan separa sedar dan mata masih lagi segar dengan ketumbuhan tahi mata melihat ke cermin sisi kereta. Namun pandangan aku kabur, yang aku lihat cuma padang pasir. Tiada tanda kereta mobil polis seperti yang Bad dakwa.

“Tak nampak apa-apa pun,” ujarku perlahan dengan nada budak umur lima tahun lalu kembali melelapkan mata. Seminit aku tidur dengan tidak lena dan dikejutkan dengan satu suara yang tegas.

“Sham. Bangun! Macam polis je kat belakang kita ni?” Ucap Bad dengan nada panik.

Dengan pantas, aku lihat ke cermin tengah kereta dan matakuku yang tadi sepet terus membundar. Sebuah kereta yang mempunyai cahaya berkelip-kelip sedang mengekori kereta kami. Aku toleh ke belakang untuk mendapatkan gambaran jelas. Terkejut beruk aku dibuatnya. Kereta polis yang bersaiz Toyota Hilux berada betul-betul di belakang kereta kami. Tidak ada bunyi siren seperti selalunya. Yang ada hanyalah kelipan cahaya merah dan biru silih berganti. Aku mengalih pandangan ke hadapan dan sebuah kereta berwarna merah di hadapan kami. Di bawah sedar aku menengking Bad.

“Weh, *slow* la lagi kereta ni!” Jelas kedengaran nada panik aku di situ. Kelajuan kereta menunjukkan 100km/h. Jarum kelajuan perlahan-lahan turun kepada 90km/h, 80km/h, 70km/h, 60 km/h.

“Weh. *Slow* la lagi. Ni laju lagi ni,” herdik aku kembali.

“Aku dah *slow* ni... Kau nak *slow* macam mana?!” Bad mambalas tengkingan. Jarum kelajuan menunjukkan 40km/h. Tidak pernah ada orang memandu di lebuhraya Amerika ini dengan kelajuan siput babi.

Kereta polis masih mengekori kami secara dekat. Bad yang tadinya tenang, kini panik. Mungkin terkesan dengan tindakan aku sebentar tadi agaknya. Pemanduan kereta pun tidak seagut tadi. Kereta seakan-akan terhuyung-hayang, tiada kawalan. Mereng ke kiri dan ke kanan. Genggaman Bad untuk mengawal stereng semakin longgar.

“*Slow* sampai berhenti!” Tegass aku memberi arahan. Yang mana arahan aku pun lintang-pukang.

“Okay.” Pendek balas Bad sambil mengangguk seperti anak kecil.

Jarum kelajuan menunjukkan pengurangan yang mendadak dari 40km/h, 30 km/h sehingga 0km/h. Kami terhenti dan bunyi yang boleh didengari ialah enjin kereta. Kereta berwarna merah di hadapan kami juga berhenti 3 meter di hadapan. Polis berhenti di sebelah kanan belakang kereta kami. Masa bergerak dengan perlahan sekali. Aku yang baru bangun dari tidur masih tidak berasa panik kerana perasaan tenang masih menyelubungi hati. Aku menoleh ke belakang. Kesemua kereta di lebuh raya telah dihalang oleh kereta kami dan kereta polis. Beratus-ratus kereta beratur ingin melihat drama yang akan berlaku sebentar lagi.

Aku menyandarkan kepala aku ke cermin kereta kerana masih lagi mengantuk. Pada masa sama aku masuk ke *Mind Palace* yang telah aku reka. Aku bayangkan setiap pergerakan polis itu akan buat. Mengikut percaturan aku, polis itu akan keluar dari jipnya. Berjalan-jalan secara perlahan dengan tenangnya datang ke arah kereta kami. Kemudian polis itu akan mengetuk tingkap secara perlahan. Seusai kami membuka tingkap, polis itu berkemungkinan akan berkata.

“Excuse me, sir. May I have your passport and your driving license please?”

“Yes sir. Give me a second. I would like to find my passport and driving license.” Bad akan membalas dengan selamba seperti berbual dengan kawan karib. Itu merupakan percaturan yang bermain di dalam fikiran, situasi yang akan berlaku.

Kembali kepada realiti, aku masih menyandarkan

kepala ke tingkap dengan perasaan tenang. Telinga aku dapat mendengar polis tersebut sedang membuka pintunya dan berjalan ke arah pemandu kita iaitu Bad. Derapan tapak kaki polis tersebut agak laju dari kebiasaan yang kita lihat dalam filem. Aku menoleh ke arah polis itu dan aku menganalisa setiap pergerakan polis. Polis itu bertopi koboi berwarna kelabu cair manakala baju seragam polis itu pula berwarna coklat cair. Badan polis itu agak *sado* dan sasa dari kebiasaan orang Amerika. Ketinggian aku anggarkan 1.9 meter.

Mata polis tersebut memandang dengan tajam ke arah mata pergerakan Bad. Bad menekan suis tingkap untuk menurunkan tingkap supaya proses perbincangan mudah berlaku. Namun semua berubah sekelip mata, tangan kanan polis itu berada di sebelah kanan belakang poket seolah-olah ingin mencapai sesuatu. Sudah! Polis koboi mengeluarkan sepucuk pistol berwarna hitam dan mengacukan tepat ke arah kepala Bad.

“Open the door. I said, OPEN the FUCKIN’ door!”

“OPEN the FUCKIN’ dooooooerrrr!” Polis menjerit berulang kali ke arah telinga Bad. Telinga aku berdesing mendengar suara terjahan yang sangat kuat. Dialek Inggeris polis tersebut sungguh sengau dan sama seperti dialek Texas yang aku dengar di televisyen.

Wajah Bad yang sebelum ini suci dan polos entah bila bertukar menjadi pucat lesi dek kerana ketakutan yang amat. Bad sudah tidak mampu menatap polis itu tepat ke anak mata. Yang mampu Bad lakukan hanyalah menatap beku stereng dan mengangkat tangan ke udara.

“Okay, okay,” Bad mengeluarkan kata kata terakhir sebelum Bad menekan butang kunci pintu.

TUCK. Bunyi kunci pintu telah dibuka. Di sebelah tangan kiri, polis masih memegang pistol yang aku takut akan tertembak pada bila-bila masa. Tangan kiri polis dengan pantas membuka pintu pemandu dengan ganasnya. Tanpa sebarang kata alu-aluan, Bad ditarik secara paksa keluar dari perut kereta dan menjauh laju dari tempat duduk pemandu dan dicampak ke atas jalan tar yang bersuhu 40 darjah selsius. Enjin kereta masih hidup dan *gear* dalam D. Sebaik Bad dicampak, kereta terus bergerak ke hadapan. Tangan aku pantas menarik brek tangan dan memutar kunci untuk mematikan enjin. Hati aku berhenti seketika dan mulut aku ternganga melihat drama ini mengungkap sedikit demi sedikit. Setiap saat aku melihat tragedi ini berlaku. Bad terbaring longlai dan muka dan badan Bad menghadap jalan tar yang panas. Polis koboi secara lajunya memijak belakang Bad dengan lututnya untuk mengelakkan Bad lari atau membuat benda yang tak diingini. Lantas polis koboi memasukkan pistolnya ke dalam karung di belakang poket dan mengambil besi gari lalu menggari kedua-dua tangan Bad.

“Alamak... Apa jadi ni?” Ucapku sendirian. Kluatir akan keselamatan Bad.

Furkan di kerusi belakang baru terjaga beberapa minit yang lepas. Muka Furkan kelihatan terkejut dengan setiap ungkapan tragedi. Ini bukan mimpi, ini adalah realiti.

“*What happen bro?*” Aku bertanya kepada Furkan. Yang aku tahu, sedari tadi Furkan tidak tahu tentang ini, tetapi aku bertanya padanya seperti sang dungu.

"I don't know." Furkan membalas dengan pendek. Wajahnya keliru dan air liur masam masih terlekat di pipinya.

Situasi semakin genting dan aku semakin runsing. Bad akan disumbat ke dalam penjara. Muka Bad pula hampir ada iras dengan orang berketurunan Mexico. Mungkin juga dia disalah anggap sebagai pendatang haram. Aku perlu melakukan sesuatu untuk menyelamatkan Bad. Tanpa berfikir panjang, aku membuka pintu kereta dan dengan kaki yang berat aku melangkah keluar kereta. Aku mahu bersemuka dengan polis itu dengan niat untuk bertanya apa yang berlaku seterusnya, bertanya kesalahan yang kami lakukan. Niatku cuma untuk menjernihkan keadaan. Aku berdiri tegak dan berjalan menghala ke arah polis koboi. Jarak di antara aku dan polis koboi itu aku anggarkan 5 meter. Malang tidak berbau.

"Stay on the ground! I said, stay on the FUCKING GROUND!" Polis koboi menjerit terus ke arah aku sambil dia mengacukan pistol. Percuma, aku makan kata makian daripadanya juga.

"Okay, okay!" Panik mentadbir warasku. Dengan laju aku terus turun ke atas jalan tar dan baring seperti penjenayah. Giliran aku pula menjadi seperti Bad. Pada masa yang sama seluar pendek aku hampir terlondoh saat aku turun untuk baring ke atas jalan tar disebabkan berat daripada duit syiling dan dompet di dalam poket. Aku tidak mahu orang awam melihat seluar dalam dan punggung aku secara percuma. Malu sangat begitu. Jadi ketika aku baring di atas jalan, aku cuba untuk mengangkat seluar aku kembali ke paras menutup aurat yang sempurna. Hasilnya, aku kena tengking sekali lagi.

“Don’t TOUCH your POCKET! I said, don’t touch your pocket!” Polis itu beranggapan aku mahu mengeluarkan senjata dari poket, tapi niat aku hanya mahu mengangkat seluar yang londeh. Tetapi kali ini, aku redha.

“Hands on your HEAD!”

Polis itu mengacukan pistol sekali lagi, mengugut aku. Jalan tar di Texas ini sungguh panas. Setiap titik permukaan kulit aku dengan permukaan jalan seperti dituang air yang panas. Aku cuba untuk mengalihkan posisi tapi tak berjaya. Polis koboi kerap menjeling mata ke arah aku. Mungkin pada jangkannya aku mempunyai senjata yang tersimpan sembunyi pada tubuh badan. Mana mungkin muka polos seperti aku ini melakukan jenayah. Aku insan yang mulus! Aku terbaring menanti drama akan bertukar jadi lagi ngeri atau lagi sedih.

Dua minit kemudian kelihatan satu kereta polis tiba di tempat kejadian kami. Kali ini polis koboi wanita keluar dari kereta ala-ala Toyota Hilux. Dia berketinggian hampir sama macam aku iaitu 160cm dan badan agak gempal, mungkin berat dalam lingkungan 75kg. Tidak ada salam yang diberikan kepada aku. Polis koboi perempuan datang kepada aku dan terus menggari kedua-dua tangan ini.

“Aduh... aku pun BUSTED.” Kataku di dalam hati. Beberapa minit sebelum ini Bad yang disyaki penjenayah dan kini aku pula disyaki juga.

Minit demi minit ketenangan aku semakin pupus. Aku seperti tidak percaya aku ditangkap polis di Texas, Amerika. Fikiran aku semakin meliar. Aku terbayang polis akan membawa aku ke balai yang berdekatan untuk disoal

siyasat dengan ganas. Memukul tangan, kaki dan muka aku sehingga aku sendiri mengaku kesalahan yang tidak aku lakukan. Kemudian aku terbayang aku akan dicampak ke penjara Guantanamo Bay kerana mungkin dituduh sebagai pengganas. Amat sukar untuk berfikiran positif pada ketika ini.

Polis koboi perempuan mengangkat aku dan aku cuba sedaya upaya untuk berdiri dengan sempurna kerana aku hampir saja rebah buat kali kedua dengan gayanya yang kasar. Dia menolak aku tanpa belas ke sebelah kereta polis koboi lelaki lalu dia paksa aku duduk di atas tanah. Semua berlaku dengan pantas. Tiga kereta polis lain tiba di tempat kami dan kami telah dikepung. Nak lari pun aku tak boleh sebab telah digari. Furkan masih di dalam kereta dan tiada seorang polis perasan Furkan masih duduk berseorangan di dalam kereta.

Terdengar ada seorang polis memberitahu polis yang lain.

“Someone in the car!” Polis merujuk kepada Furkan yang masih duduk di dalam kereta.

Dua orang polis dengan berbekalkan senjata menuju ke arah Furkan. Mereka mengacukan pistol sepanjang mereka mendekati Furkan yang tidak bersalah. Semua berlaku dengan terancang.

“Get out of the car!”

“Walk backwards slowly!”

“Raise your hand.”

“Down on your knees.”

Sebaik sahaja Furkan melutut ke atas jalan tar, salah seorang polis koboi masih mengacukan pistol dan yang seorang lagi menggari Furkan dari belakang. Kini kami bertiga telah digari seperti penjenayah yang paling dikehendaki di Amerika. Paling aku bimbang apabila nama aku akan disenarai hitam dan tidak akan dibenarkan masuk ke Amerika pada masa hadapan. Polis koboi yang menggari Furkan menyuruh Furkan untuk berdiri sendiri dan duduk di sebelah kereta polis yakni bersebelahan dengan aku.

Aku mengira jumlah polis yang hadir untuk menangkap kami. Terdapat lima polis koboi yang berdedikasi dan mungkin telah salah faham terhadap kami. Ini yang menjadikan keadaan lebih tegang. Semua polis ingin menjadi hero untuk mencari bukti kami penjenayah yang paling jahat untuk dihumban ke dalam penjara yang penuh dengan pendatang asing. Sekarang aku dalam kondisi melihat tanah sambil mengenangkan nasib yang berlaku. Sedih bercampur-baur dengan takut bersama sedikit kecuakan, sampai ke suatu saat, empat dari lima polis tersebut menghampiri kereta kami dan sesi menyelongkar bonet dan isi kereta dilakukan. Kebingungan aku pada ketika itu telah mencapai tahap maksima. Setiap inci dan pelosok kereta tidak terlepas dari geledahan mereka. Diperiksa setiap inci rantai kereta, beg dan segala peralatan kami. Bonet belakang kereta dibuka dan mereka membaling keluar segala peralatan khemah kami. Aku berdoa kepada Tuhan agar tong gas yang mereka nampak itu mereka tidak menyangkakannya sebagai bom. Dirundung dengan perasaan kecewa, tiba-tiba salah seorang polis lelaki koboi menghampiri aku dan bertanyakan soalan yang aku rasakan tidak masuk akal dan mengarut.

"Where is your gun and where is your knife?"
Terkejut aku dibuatnya. Aku bukan penjenayah, apatah lagi pengganas!

"I don't have any knife or gun," ujarku dengan wajah yang masih terkejut. Akan tetapi mereka masih tidak berpuas hati. Bertubi-tubi soalan dilemparkan. Bad menjadi suspek utama, manakala aku tukang menjawab semua soalan yang diajukan ini kerana polis tersebut hanya bertanyakan soalan pada aku sahaja. Mengapa? Aku pun tidak mempunyai jawapan untuk persoalan yang satu itu.

"Where is your drug?" Itu kemuncak soalnya. Kini baru aku sedar, mereka mengesyaki kami dengan kesalahan yang satu ini rupanya. Namun itu tidak mengurangkan walau sedikit keseraman yang sudah sampai ke tulang ini.

"We don't have any drug," balas aku dengan ringkas. Berani kerana benar, takut kerana salah. Aku berharap sungguh polis itu mempercayai setiap butir perkataan yang aku berikan.

Dengan muka yang masih serius dan anggap ini kes terlampau berat, aku duduk di tepi jalan tersenyum keseorangan mengenangkan nasib yang sedang berlaku. Ini menandakan aku sudah pasrah di atas segala kemungkinan yang bakal berlaku. Ini respon aku, barangkali. Kepala semakin celaru, waras sudah lama meninggalkan fikiran. Pepatah Melayu pernah mengatakan, sudah jatuh ditimpa tangga. Namun perasaan aku sekarang jatuh ditimpa tangga dan ditimpa rumah. Aku senyum berseorangan seperti orang gila yang tidak mempunyai akal.

"Why are you smiling? This is serious matter!" Aku

dimarahi polis lelaki koboi. Aku mahu tergelak kerana terkejut dengan suara sergahan polis itu. Kalau aku senyum lagi secara pastinya mereka sangka aku tengah dibuai dadah. Aku dengan cepatnya pura-pura bermuram sedih dan senyuman terus bertukar menjadi kelat.

Polis koboi lelaki pertama yang menangkap Bad datang menghampiri aku dan bertanyakan soalan lain.

“Where is your friend (Bad) passport?”

“His passport is in the red bag.” Aku menjawab dengan komposisi wajah yang serius kali ini.

Polis tersebut masuk ke dalam kereta lalu mengeluarkan beg merah Bad yang berjenama Adidas. Dia membuka zip hadapan dan terus mengeluarkan pasport Bad. Kini dalam tangannya mempunyai ketiga-tiga pasport kami. Furkan, aku dan Bad. Dua pasport Malaysia dan satu pasport England.

“Mati la aku ni. Depa dah rampas pasport aku,” semakin galak aku bermonolog kali ini.

Gulp. Aku menelan liur sedalam-dalamnya, menenangkan ketakutan di setiap saluran darah. Polis koboi lelaki yang menangkap Bad masuk ke dalam kereta polisnya dan sedang menelefon pegawai yang berkemungkinan FBI atau CIA untuk menyemak kesahihan pasport kami bertiga. Tiga pegawai polis lain masih tidak berputus asa mencari bukti di dalam kereta kami sehingga tayar simpanan dikeluarkan dan diletak di bahu jalan. Aku sudah terlupa yang aku sebenarnya sedang berpeluh secara maksima di bawah sinaran bahang matahari. Keadaan yang semakin tertekan

menjadikan badan aku dimasukkan ke dalam mod berjaga-jaga dan fokus sepanjang masa.

Selepas si polis koboi menamatkan perbuahan yang panjang di telefon kira kira 5 minit, dia keluar dari kereta polis dan mengarahkan aku untuk masuk ke dalam kereta polis koboi yang lain. Furkan juga diberikan arahan yang sama tetapi dia dimasukkan ke dalam kereta polis yang kedua. Tangan aku masih digari dengan erat. Pedih dapat aku rasakan di titik permukaan besi yang kena pada kulit aku. Bad diarahkan untuk masuk dan pandu kereta Hyundai biru kami. Sekarang kami bertiga dipisahkan ke dalam kereta yang berbeza sambil menunggu nasib kami seterusnya. Destinasi aku tidak tahu. Berkemungkinan besar penjara atau Guantanamo.

Konvoi pertama dalam hidup aku di dalam kereta polis bergerak perlahan-lahan menuju ke satu lokasi. Di dalam kereta polis, aku bertanya satu soalan lagi.

"Where are we going?" Aku bertanya di atas dasar ingin tahu.

"You cannot talk!" Dengan selamba badak polis tersebut memarahi aku.

Aku memilih untuk mendiamkan diri sepanjang perjalanan sambil membuang pandang ke luar tingkap. Secara tidak sengaja, aku terbayang wajah emak nun jauh di Malaysia. Aku sebak tiba-tiba. Merasakan masih sempat lagi atau tidak untuk aku memeluk erat beliau. Dua puluh minit dibazirkan sebegitu sahaja. Kami tiba di sebuah bangunan kecil yang mirip seperti kedai runcit di Malaysia. Papan tanda jelas terpapar tulisan 'Police Station'. Nampaknya, cerita kami

tidak berakhir di sini. Polis koboi mengheret kami bertiga dari kereta masing-masing secara ganas dan tidak berhemah. Kami dipaksa berjalan masuk ke dalam stesen polis yang sangat kecil. Aku, Furkan dan Bad dipaksa untuk duduk di kerusi di bilik pertama bersebelahan tangga.

Tangan kami masih bergari dan kesemua polis memasuki satu bilik lain. Aku terdengar mereka sedang membincangkan sesuatu dengan kuat. Aku memasang telinga namun aku tidak dapat memahami apa yang mereka bincangkan. Dialek Texas Inggeris mereka sungguh pekat dari kebiasaan. Tiga minit berlalu, nama aku dilaung dari dalam bilik yang dipenuhi pegawai polis koboi. Bilik itu sebesar bilik tidur dan kadangkala kelihatan sama seperti bilik cikgu disiplin di MRSM Jasin satu ketika dahulu. Di dalam bilik itu terdapat 3 pegawai polis sedang duduk, pandangan tajam mereka mampu menembus tubuh aku dan terdapat satu kerusi coklat di hadapan mereka. Aku tahu kini aku akan disoal siasat dan diseksa hingga aku menjawab soalan mereka. Dalam tangan yang masih digari erat,

“Come and have a seat.” Aku dipaksa duduk dan 3 pasang mata melihat aku secara tajam.

“Okay.”

“What is your name?” Polis koboi bertanyakan soalan pertama.

“My name is Badrul Hisham.”

“Where are you from?”

“I am from Malaysia but I am studying in Sheffield, England.”

"Where is Sheffield?"

"Sheffield is in the center of England, close to London."

"What is your phone number?"

"07801567130."

Aku ternanti saat-saat aku akan dipukul polis secara ramai-ramai seperti mana yang aku lihat dalam rakaman Polis Malaysia. Aku redha dengan apa sahaja yang berlaku. Setiap pertanyaan aku akan jawab dengan jujur, berhajat supaya azab lekas berlalu. Entah kenapa, polis itu mengeluarkan kata-kata yang tidak aku sangka

"You can go out from this room and stay out."

Perasaan aku ketika itu seperti melihat keputusan peperiksaan yang lepas tanpa sebarang kertas mengulang. Manisnya lebih dari madu aku kira. Leganya bukan kepalang. Segala bayangan negatif yang bermain dalam kepala sedari tadi kini hilang. Mimpi ngeri aku sudar berakhir.

Tenang hati aku tidak begitu lama apabila polis koboi yang menangkap kami di lebuhraya keluar dari biliknya lalu berdiri di hadapan kami. Kami secara pantas berdiri bagi menghormati polis tersebut kerana tidak ingin dicap sebagai biadap. Polis menyuruh kami menoleh ke arah belakang kami dan berdiri diam. Rupa-rupanya dia ingin membuka ketiga-tiga gari kami. Kegusaran melurut jauh dari benak hati. Dengan muka yang masih serius dan marah, polis itu menyuruh kami datang dekat kepadanya kerana dia ingin memberitahukan sesuatu.

“You (aku) and you (Furkan) will be released today but your friend (Bad) will stay here in the police station for 6 month while waiting for trial in the court.” Ucapan polis koboi itu. Muka Bad berubah menjadi pucat dan ingin pengsan. Pernafasan Bad seakan-akan sebak dan ingin menangis di situ.

“He (Bad) had did something against the law in Texas and he need to stay here!” Polis itu dengan tegas melihat muka Bad.

“Nah, I am just joking. You guys can go out now from this station.”

“What did he do?”

“He speed more than 80 miles an hour and he didn’t stop. So I raised the alarm and called for help from another police. My advice is READ the law and don’t speed again.”

Bad terkantoi memandu laju lebih dari had yang ditentukan di Texas Amerika. Wajah Bad tadi keruh, kini berkocak tenang semula. Kami dikira bernasib baik tidak disaman atau diapa-apakan. Selain dari kisah dan drama sebentar tadi, kami masih dikira bernasib baik.

“Thank you, sir. Thank you, sir.” Bad bersalaman dengan polis koboi dengan sungguh erat, berterima kasih kerana tidak masukkan Bad ke dalam lokap.

Kami bertiga salam menyantuni pegawai polis koboi buat kali terakhir dan melangkah keluar dengan perlahan melalui pintu utama. Hati aku masih dalam ketakutan dan trauma dengan apa yang berlaku sebentar tadi. Adrenalin

masih pekat di dalam darah. Jantung yang sebelum ini pantas berdegup seperti atlet lumba lari kini perlahan sedikit. Kereta kami terletak betul-betul di hadapan balai polis.


Sebaik tiba di pintu kereta, "Sham, aku dah tak nak *drive* dah kat Amerika ni. Sumpah aku trauma." Bad memberitahu aku dengan suara masih bergetar.

"I don't want to drive. You drive, Sham."


Furkan juga memberitahu perkara yang sama. Aku pun masih dalam trauma. Kalau diberi pilihan mahu sahaja aku mengambil teksi ke bandar yang berdekatan dan pulang ke England. Pengalaman perit ini sudah terlebih cukup memberi aku pengajaran dan masih lagi sukar untuk aku hadamkan. Ia ibarat mimpi tapi realiti yang berlaku secara langsung di hadapan mata dan kena di batang hidung sendiri. Aku tidak ada pilihan. Yang ada hanyalah untuk memandu ke kawasan khemah yang berdekatan untuk memacakkan khemah dan tidur untuk melupakan segala memori hitam.

Malam itu nasib kami juga tidak kurang malang. Rusa liar berkeliaran di luar khemah kami berulang kali. Baru aku sedar, rusa itu mencuri semua makanan sarapan pagi kami di atas meja di hadapan khemah kami. Yang tinggal hanyalah plastik roti yang banyak berlubang. Makanya perjalanan hari seterusnya kami mulakan dengan perut yang berkeroncong lapar.

"Jadi diri sendiri. Baru ada originaliti. Jangan terlalu nak ikut orang. Kita tak tahu apa yang mereka kurang."
-Syaqif Aiman Sharom



Perjalanan menuju ke California dari Houston Texas dihiasi dengan pokok kaktus yang sungguh tajam. Suhu yang panas sekitar 38 darjah celsius menjadikan aku lagi selesa duduk dalam kereta dari berjalan di luar. Hanya ular orok-orok yang mampu hidup di kawasan ini.



Polis menjerit sekuat hati ke arah Bad. “*Open the door.*” Tanpa berfikir panjang, Bad terus membuka pintu dan aku melihat secara jelas Bad ditarik keluar dari kereta lantas dihumban ke atas jalan tar hitam yang panas. Aku dan Bad bernasib baik polis itu tidak menembak kami.



Kini giliran aku pula ditangkap. Polis koboi perempuan berketegingian sekitar 165cm menggari tangan aku dengan erat supaya aku tidak boleh melarikan diri. Tidak sangka aku sekarang berada di tempat yang salah pada masa yang salah. Perasaan menyesal muncul di benak hatiku.




Di dalam balai polis koboi di tengah gurun Texas, aku menunggu giliran untuk dipanggil soal siasat. Suasana di dalam bilik sangat tegang ketika menunggu giliran. Kesemua polis kelihatan begitu serius dan tidak terlarak langsung sebuah senyuman.



Diseksa, dipukul, diheret, dibantai. Aku terbayang pelbagai kemungkinan nasib malang yang akan aku timpa ketika soal siasat. Adakah aku akan hidup atau mati? Itulah menjadi persoalan yang senantiasa bermain di benak fikiran.



Peluh mula membasahi badan aku. Polis koboi melontarkan berpuluh-puluh soalan yang susah untuk aku jawab. Kini, aku risau nyawa aku di hujung tanduk. Ada kemungkinan polis itu akan menghumban aku ke dalam penjara Amerika yang penuh dengan mafia selama 1 tahun. Aku tidak mahu semua itu. Aku mahu kebebasan.



*"Usaha yang terbaik mengejar impian selagi masih muda kerana peluang ini jarang datang kali kedua."
-Sheila Minhaj*

HAMPIR PENGSAH DI NATIONAL ARCHES

HIKING DI NATIONAL ARCHES

Pedal minyak besi ditekan laju merentas pergunungan di Utah. Gunung-ganang berwarna coklat kuning saling bertukar. Gurun dan tanah tandus yang kering kontang menjadi peneman pemandangan di kiri dan kanan jalan. Pokok di sini hidup segan mati tak mahu. Hujan yang terakhir di sini turun 12 bulan yang lalu. Kali ini, tiba giliran Furkan pula untuk memandu kereta. Kereta Chrysler Dodge berwarna perak yang kami sewa setakat ini tidak membuat sebarang masalah kepada kami. Kami berdoa agar tiada apa-apa yang berlaku ketika dalam perjalanan ke destinasi yang seterusnya. Jika ada masalah, ia sudah pasti merisaukan kami memandangkan stesen minyak di sini sukar dicari dan jarak di antara stesen minyak sungguh jauh. Pendingin hawa kereta dibuka pada tahap maksimum memandangkan cuaca sangat panas.

Destinasi yang kami termimpi untuk tuju ialah Arches National Park. Ia terletak di timur Utah. Aku sudah semestinya tidak sabar untuk sampai ke destinasi kerana keunikan geologi formasinya membuatkan nafsu aku membuak-buak untuk menapak ke sana. Kebiasaannya, pengunjung datang ke sini kerana ingin melihat sendiri dan bergambar di depan 'Delicate Arch', salah satu daripada lengkungan yang popular di dunia. Ini kerana keunikan formasinya dan juga pemandangannya yang nyata memukau mata pengunjung.

Perjalanan menuju ke Arches ternyata memukau. Begitu banyak formasi lengkungan yang menarik. Banyak kali juga kami berhenti mengambil gambar. Antara yang menarik ialah Balanced Rock, Double Arch dan juga Landscape Arch. Cuaca ketika itu sangat panas. Matahari menyinari bumi Utah tanpa perlindungan awan. Udara kering menusuk hidung kami. Tetapi, kami gagahkan diri juga untuk berhenti memandangkan kami tidak perlu berjalan jauh untuk mengambil gambar di sini. Setelah puas bergambar, kami meneruskan lagi pemanduan menuju ke lokasi 'Delicate Arch'.

Setibanya kami di lokasi, kami kehairanan. Tidak nampak langsung kelibat *arch* di situ. Yang ada hanya tanah gersang. Kemudian, aku ternampak papan tanda yang memberitahu 'Delicate Arch 4 miles'. Ya, kami harus berjalan sejauh 4 *miles* untuk sampai ke destinasi.

"Are we gonna walk for 4 miles under this freakin' hot weather?" Keluh Sham.

"Yes, of course. We are already gone this far. There is no turning back man." Jawab aku dengan yakin.

Sebelum kami memulakan perjalanan, Furkan sempat mencekai tiga botol air yang ada di dalam kereta.

"Cukup ke air tiga botol ni? Cuaca memang panas gila ni. Ah, lantaklah. Mungkin dalam perjalanan nanti ada tempat rehat untuk isi air dan juga toilet agaknya," bisikku sendirian.

Lalu, kami pun memulakan perjalanan. Pada mulanya kami ingatkan perjalanan menuju ke 'Delicate

Arch' itu mudah seperti jalan-jalan di taman. Rupa-rupanya, kami harus mendaki bukit dan kemudian merentasi gurun untuk sampai ke sana. Kami pun memulakan pendakian. Kebanyakan pelancong di situ memakai pakaian yang serba lengkap dari kasut daki, baju yang sesuai yang kurangkan suhu badan dan topi. Hisham pula hanya memakai selipar murah yang dibeli di Mydin 3 tahun dahulu. Aku memakai pakaian serupa untuk pergi ke pusat beli-belah. Banyak kali juga kami berhenti untuk 'ambil nafas' memandangkan kami tidak boleh sewenang-wenangnya menghabiskan air yang kami bawa kerana perjalanan masih jauh. Kadang-kadang, rasa nak menyerah kalah pun ada. Tapi, bila melihat ada pengunjung yang terdiri daripada kanak-kanak malahan orang tua yang dalam kategori atuk-atuk dan nenek-nenek turut sama berjalan mendaki di bawah panas terik, aku merasa tercabar.

"You can do it!"

Kami mengambil masa selama 1 jam untuk mendaki bukit di situ. Alhamdulillah, masih ada 2 botol 500ml air lagi untuk bekalan. Kemudian, kami meneruskan perjalanan menyusuri kawasan gurun. Cuaca ketika itu memang sangat panas. Baju kami sudah lencun bermandi peluh. Kali ini, fizikal dan mental kami benar-benar teruji. Jasad sudah ke ambang menyerah kalah, mata kepala sudah menayangkan bintang-bintang yang berkerlipan. Tapi masih, jiwa aku kentalkan. Kisah penghijrahan Nabi Muhammad dari kota Mekah ke Madinah menjadi inspirasi aku untuk meneruskan perjalanan.

"Kalau Nabi boleh berhijrah di bawah panas terik dari Mekah ke Madinah, kenapa aku tidak boleh?" Marah hati kecilku.

Setelah 1 jam perjalanan, akhirnya kami tiba di 'Delicate Arch'. Hanya Tuhan yang tahu perasaan kami waktu itu. Gunung batu diukir oleh angin ratusan ribu tahun lamanya menghasilkan batu yang sangat unik bentuknya. Mengikut pakar geologi di situ, pada awalnya air yang mengikis batuan sebesar 50 meter ini. Namun sebab cuaca kering yang melampau, angin pula mengukir setiap batuan. Kami sungguh teruja melihat salah satu dari ciptaan Tuhan yang tiada tandingannya. Kami terpukau melihat keindahan yang tidak pernah aku lihat. Aku duduk bersebelahan Hisham sambil menghayati pemandangan. Tiada sepatah pun yang kami ucap, cuma menikmati saat itu semaksima mungkin. Ia sangat sempurna. Tiada cacat-cela pada *arch* itu. Memang tidak sia-sia kami basah kuyup meredah cuaca panas terik hanya semata-mata ingin melihat keajaiban ciptaan Tuhan ini. Perasaan yang aku rasa ketika itu sama dengan apa yang aku rasa ketika melihat *aurora borealis* dalam keadaan cuaca sejuk membeku di Iceland ketika musim sejuk. Puas dan kagum.

Kami berehat sebentar di sana sambil mengambil gambar dan mengumpul kembali tenaga untuk perjalanan pulang ke tempat permulaan tadi. Ketika berehat, Sham bertanya aku soalan tentang hidup aku.

"Bad, kenapa kau suka *travel* ke tempat-tempat yang popular dengan alam semula jadi? Apa yang kau dapat?"
Tanya Sham.

"Aku rasa puas. Sebab nak ke tempat-tempat macam ini biasanya kau kena jalan jauh. Dan kadang-kadang ada yang kau kena bangun awal pagi dan juga ada yang kau kena berjaga malam, sebab ada sesetengah natural fenomena hanya berlaku dan boleh disaksikan pada waktu tertentu

sahaja. Dan kadang-kadang kau kena mengharungi panas terik ataupun cuaca sejuk membeku untuk melihat tempat-tempat yang popular dengan alami ini.”

“Kau tak penat ke *travel* tempat-tempat semula jadi ni?” Balas Sham.

“Penat. Tapi bila aku sampai ke destinasi ataupun bila menyaksikan sendiri *natural phenomenon* yang ada, penat aku semuanya hilang. Rasa syukur dan kagum sebab aku diberi peluang untuk melihat keindahan ciptaan Tuhan yang Maha Esa ini,” jawab aku.

“Lagipun Sham, kalau kita nak jadi manusia yang berjaya atau nak mendapat apa-apa yang terbaik, harus kita usaha dengan sungguh-sungguh. Nak dapat *first class*, nak dapat kerja baik, pangkat baik hatta nak kahwin dengan perempuan yang baik pun, kita kena berusaha dengan bersungguh-sungguh. Jangan mudah putus asa. Sama jugalah kalau nak jadi ‘nature hunter’ ini. Tak boleh mudah mengalah,” tambah aku.

Setelah puas berehat, kami pulang menuju ke kereta. Kali ini, perjalanan pulang lebih cepat memandangkan kami sudah terlampau dahaga. Dehidrasi yang lama di sini boleh membunuh manusia jika tidak dirawat dengan teliti. Hisham dan Furkan jalan terhuyung-hayang ketika menuruni bukit yang dipenuhi *arch* lawa. Aku risau keselamatan Hisham dan Furkan. Harap-harap mereka tidak terjatuh ke dalam gaung.

Kami menghabiskan masa selama tiga jam setengah untuk mendaki gunung di tengah musim panas semata-mata melihat ciptaan Tuhan yang cukup indah iaitu ‘Delicate Arch’. Kami berasa terlalu penat sehingga untuk menyusun ayat

pun kami tidak mampu. Pendingin hawa terus dipasang pada tahap maksimum bagi mengeringkan kebanjiran peluh kami sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam kereta.

“Ya Rabb, kami bersyukur kerana diberi peluang untuk melihat keajaiban ciptaan-Mu yang tiadaandingannya. Sesungguhnya Kau ciptakan langit dan bumi, awan serta gunung-ganang untuk menjadikan kami hamba yang berfikir. Moga kami tergolong dalam kalangan hamba-Mu yang berfikir dan bersyukur. Amin.”

“Kita semua manusia biasa, tapi untuk menggapai kejayaan, kita kena ada semangat luar biasa.”

-Asfarina




Taman Negara National Arches di Utah. Gerbang semula jadi yang sungguh besar kelihatan seperti jambatan.



Keluar kereta berhampiran dengan Monument Valley Arizona untuk melihat matahari terbenam dibias tanah yang berwarna merah pekat.

Gaya tersendiri Bad membaca buku di Monument Valley. Gambar ini berjaya memenangi beberapa pertandingan di Facebook dan Instagram.



Taman Negara National Arches di Utah. Ramai pelancong termasuk kami datang ke sini untuk mendaki kawasan gunung yang diukir angin dan air ratusan ribu tahun lamanya. Kami hampir pitam kerana terlampau panas dan bawa sedikit air.




Kawasan 'Delicate Arch' yang mempunyai curam 45 darjah. Salah langkah tergolek sampai ke bawah. Bad memakai cermin mata kerana terlampau silau dek sinaran matahari.



'Delicate Arch' yang diukir angin beratus ribu tahun lamanya menjadi tempat yang aku kagum. Rasa tidak percaya ada ukiran semula jadi setinggi 6 tingkat.



Monument Valley tempat penempatan Red Indians. Dulu di tempat ini berlakunya peperangan antara Red Indians dengan orang putih.



*"Dalam pengorbanan kau mesti ada penat. Dalam penat kau kena capai matlamat. Tak nak penat, tak nak berjuang, tak ada apa kau dapat. Tu bukan hidup namanya."
-Sufairah Rahim*

LEMBAH MATI DEATH VALLEY

Tempat yang paling bahaya itu yang menjadi destinasi. Death Valley atau namanya dalam bahasa Melayu dipanggil Lembah Mati. Kedudukan lembah ini bersempadan antara California dan Nevada. Suasana dan pemandangan mirip padang jarak padang tekukur seolah-olah tempat ini pernah diledakkan bom atom 50 tahun yang lalu. Pokok kaktus yang dikatakan mampu bertahan pada suhu ekstrem juga kelihatan kering, layu tidak bermaya. Ibarat hidup segan matinya enggan. Hanya beberapa pokok kecil sahaja yang mampu hidup di tempat yang ekstrem ini. Kesemua pokok itu berketinggian maksima satu meter. Daunnya sangat keras dan batang pokok dihiasi duri.

Aku duduk di kerusi belakang dihidangkan dengan pemandangan yang kosong dan agak membosankan. Seheinggakan matakku kuyu dijemput kantuk. Kebanyakan ketika aku tewas dengan ajakannya, maka terlelalah aku untuk beberapa detik. Tombol pendingin hawa kereta dihalakan pada kelajuan yang maksima. Dengan niat untuk menyejukkan ruangan kereta tapi nampak gaya kurang berjaya. Matahari menerjah dari arah kiri kereta, aku di bawah sedar mengalihkan punggung dengan berpindah ke sebelah kanan kereta, menghindari bahang ganas terik mentari. Entah mengapa, nafsu ingin tahu membuak untuk merasa berapa panas suhu di luar. Hujung jari telunjuk kiri aku temukan pada permukaan cermin tingkap kereta, tidak sampai beberapa saat, haba yang meruap menyelinap menyapa isi kulit. Akan tetapi aku masih tidak berpuas hati,

suis tingkap aku tekan. Cermin meluncur perlahan turun sehingga separuh dari paras jendela. Keseluruhan lengan aku hidang untuk santapan sang mentari. Untuk beberapa detik, lengan aku tarik kembali ke dalam ruangan kereta. Lembah Mati menghidangkan suhu setinggi 47 darjah selsius. Dan tanpa sengaja, udara panas meluru masuk sekali dalam ruangan kereta membawa sekali aroma pasir kering. Perlahan corong telinga aku mendengar degusan kecil Furkan dan Bad, apabila bahang terasa akibat nafsu ingin tahu aku itu. Aku diamkan sambil mengunjuk muka selamba.

“Jangan keluar, jangan keluar Sham. Panas sangat ni,” aku menggumam sendirian.

Kereta yang dipandu Furkan meluncur lancar menuju ke Furnace Creek yang berada di tengah-tengah Death Valley. Furnace Creek merupakan tempat pelancongan bagi pelancong yang datang ke Death Valley untuk mencari maklumat lebih lanjut tentang geografi dan sejarah bagi tempat itu. Setiba di Furnace Creek, baru aku tahu punca mengapa Death Valley ini terlampau panas. Ini kerana terdapat dua banjaran yang besar menghalang pergerakan udara dari Lautan Pasifik. Ketidakhadiran hujan dan kekurangan kelembapan udara menjadikan tempat ini sukar untuk tumbuhan dan haiwan untuk hidup. Fakta menarik yang diberikan oleh pegawai Death Valley ialah dia memberitahu setiap sejam satu liter air akan keluar dari badan kita sebagai peluh. 6 jam tanpa minuman yang cukup manusia biasa akan pengsan dan berkemungkinan menemui ajal. Tidak aku pasti sama ada pegawai itu mahu menakutkan kami atau dia sekadar memberikan fakta. Kemudian matakau berlabuh pada satu kawasan khemah berada bersebelahan di bangunan Furnace Creek. Siapa

manusia yang cukup gila untuk berkhemah di kawasan yang terlampau panas ini? Walaupun kebanyakan rakyat Malaysia melabel aku sebagai orang gila, tapi ternyata ada orang lagi gila untuk berkhemah di suhu yang boleh membuatkan sel otak menggelegak dalam kepala! Sekarang ini, yang aku tahu ialah tempat ini sangat panas dan aku hendak keluar dari lembah ini sesegera yang mungkin.

“Dude, lets go around Death Valley,” usul Furkan.

“Yeah, lets go,” Bad dengan laju membalas. Yang aku kira jawapan dia itu gila.

Dalam hati aku, ini risiko yang bahaya untuk diambil mudah. Walaubagaimanapun, demokrasi menang, dua undian menentang satu. Jelas sekali aku terpaksa menuruti kehendak mereka. Destinasi pertama ialah Bad Water Basin. Aku enggan keluar dari kereta, tidak sama sekali. *Nehi! Andwae!* Bad dan Furkan keluar dengan penuh berkarisma dan berjalan menuju ke tasik yang dinamakan Bad. Nama Bad juga sama dengan nama tasik Bad. Bad Water Basin ini merupakan titik altitud yang paling rendah di Amerika. Air di tasik Bad keluar dari tanah dan disebabkan kepanasan yang melampau, air disejat sebaik sahaja keluar dari tanah dan meninggalkan deposit kristal-kristal garam. Aku memerhati dari jauh sementara jasadku masih kekal dalam perut kereta bertemankan bunyian pendingin hawa yang tak mungkin aku tukar hala tombolnya. Aku mendoakan dari jauh supaya Bad dan Furkan tidak diserang dehidrasi lalu pengsan menelan garam di sana. Okay, aku berdrاما. Tidak berapa lama kemudian, Bad dan Furkan melangkah pulang menuju kereta.

“Ada apa bro dekat tasik tu?” Soalku ringkas.

“Ada tasik, air dan garam.” Jawapan si Bad lagi ringkas, namun fakta.

Jam menunjukkan tepat pukul satu tengah hari, di kala ini adalah tempoh kemuncak sang suria menghunuskan kuasa habanya. Kelembapan udara berada pada tahap minimum dan suhu berkemungkinan sudah mencecah 50 darjah celsius. Info yang baru sahaja kami ketahui, Death Valley ini merupakan Taman Negara Amerika yang tidak ada tempat pelancongan untuk dilawati. Yang ada hanyalah padang pasir, panas yang melampau dan kemungkinan dijemput ajal adalah agak tinggi. Kami beransur keluar dari Death Valley menuju ke California. Cabaran sebenar bermula apabila kami menghidupkan enjin dan penanda aras minyak menghalu ke arah yang mengerikan.

“Astaghfirullah, cukup ke minyak ni?” Ujar aku dengan penuh keinsafan.

“Cukup... Nak tak nak kena keluar juga dari tempat ini dengan selamat,” lafaz Bad tanpa aku meminta.

Aku teringat salah satu pesanan yang aku terbaca di Furnace Creek beberapa jam yang lalu di papan tanda. Papan tanda memberikan peringatan dan amaran untuk membawa minyak kereta lebih sebagai simpanan serta air minuman lebih untuk waktu kecemasan. Kini *'aha moment'* mengasak minda sedar kami. Jarum penanda aras minyak menunjukkan minyak tinggal 1/3 dari keseluruhan tangki dan jarak kedai pam minyak tidak kami ketahui dengan pasti dan jelas. Mungkin 100km atau 200km atau 300km ke hadapan. Peta Google di telefon pintar tidak menunjukkan sebarang petanda yang memberangsangkan.

Furkan menggunakan kemahiran seorang pemandu yang berhemah, tidak menekan pedal minyak terlampau cepat atau brek mengejut. Ini strategi tips penjimatan minyak asas untuk menambahkan lagi kilometer. Aku duduk di kerusi belakang terus berdoa dengan harapan kami tidak tersadai di kawasan ini. Kereta kami dengan perlahan memecut untuk keluar dari lembah yang sangat mendatar. Dua puluh minit perjalanan, kami berjaya keluar dari lembah yang rata dan kini kami berada di dalam kawasan pergunungan yang tidak mempunyai flora dan fauna. Sepi dari suara dan kelibat unggas mahupun mergastua. Pemandangan ini ibarat dalam filem *Lord of the Rings* ketika Frodo ingin mencampakkan cincin ke dalam gunung berapi. Pemandangan yang agak membosankan ini membuatkan aku terlena dengan mudah.

Tidak sempat masuk ke dalam alam mimpi, satu bau yang aku kira bau hangit menyapa lubang hidungku lantas membangunkan aku dari lena. Mata aku buka seluasnya bagi mencelikkan deria lain untuk mengesan dari mana arah dan punca bau itu muncul. Aku menghidu mencari punca di setiap sudut kereta termasuk di bawah, di celah kerusi, setiap laci dan di setiap lapik lantai. Bau hangit ini semakin meningkat dari minit ke minit. Udara pendingin hawa mengeluarkan bau hangit ini.

“Enjin mesti ada *problem siak*. Hentikan kereta *bro*,” arahku kepada Furkan dalam loghat Melayu. Entah mengapasi Furkan faham.

Dengan berbekalkan air kecemasan 3 liter di dalam kereta, aku mengambil kesemua air sebagai langkah kecemasan jika enjin terbakar secara tiba-tiba. Itu air yang kami simpan bagi kegunaan jika enjin terbakar. Kami melangkah keluar dari kereta dengan panik dan terus mencari punca bau

hangit yang ada kemungkinan mengundang malapetaka. Aku mengesan, *kot-kot* sekeliling berlaku pembakaran terbuka. Namun hanya udara kering pasir yang menerobosi paru-paruku.

Kami semakin giat mencari punca bau hangit. Dua minit berlalu dengan pantas ditemani peluh yang membasahi pakaian kami dan akhirnya punca bau hangit dikenal pasti. Setiap roda kereta kami menghasilkan bau hangit yang sama. Ketika kami melalui kawasan pergunungan yang panas ini, brek banyak kali ditekan untuk mengurangkan kelajuan di setiap selekoh. Namun disebabkan cuaca yang panas di Death Valley ini, brek kereta tidak mampu sejuk kembali kepada suhu asal dan ini menjadikan haba terperangkap di dalam brek pad. Lama kelamaan brek akan menghasilkan bau hangit yang menjadi petanda awal brek akan gagal jika kami tidak lakukan apa-apa tindakan. Aku dengan pantas menggenggam botol air dan mencurahkan air sedikit-sedikit ke brek pad kereta. Air terus mendidih dan bertukar menjadi wap sebaik sahaja menyentuh permukaan brek pad. Suhu brek pad turun dengan pantas dan bau hangit telah tidak lagi dibebaskan.

Kami meneruskan pengembaraan keluar dari pergunungan Death Valley. Pergunungan bertukar menjadi padang pasir. Pemandangan kali ini sangat indah. Aku dapat melihat gunung-ganang yang setinggi lebih dari 1000 meter bertukar menjadi padang pasir walaupun dengan jarak hanya 15 kilometer. Tragedi masih tidak berakhir. Aku dapat melihat dari jauh ribut pasir menghembus dari arah timur menghala arah kereta kami. Furkan memberhentikan kereta di atas pasir di bahu jalan utama. Dalam masa 2 minit yang sangat pantas berlalu, satu awan besar yang kukira berisi debu, habuk dan pasir menghentam kereta kami. Beribu-ribu partikel pasir yang

menghentam cermin kereta menghasilkan bunyi geseran halus. Jarak penglihatan jatuh dari 3km menjadi 200 meter. Sekali lagi, nafsu ingin tahu aku menerjah tanpa diundang. Pintu kereta aku kuak buka dan kaki aku melangkah keluar dari kereta untuk merasai sendiri ribut pasir yang pertama kali aku lihat sendiri dengan mata kepala. Pasir dan debu kecil yang melanggar kulit aku menghasilkan rasa seperti ratusan semut sedang membuat sarang di bawah kulit. Geli terasa di setiap genap tubuh. Hidung aku tutup dengan kain baju untuk mengelakkan pasir dari masuk ke dalam ruang pernafasan. Sempat aku merakam satu video di dalam ribut pasir mini ini. Tiga minit pengalaman berada di dalam ribut pasir sudah lebih dari cukup lagi menyesakkan. Aku lari ke dalam kereta untuk mencari perlindungan dari pasir dan debu yang berterbangan.

“Dude, our car can’t move. The tyre is spinning,”
Furkan memberitahu kami sambil dia menekan pedal minyak.

Enjin mengaum, tetapi tayar tidak bergerak dari tempat asalnya. Yang kedengaran hanya bunyi tayar memutar dan kereta masih lagi tidak bergerak ke mana-mana. Aku dan Bad semakin cuak. Dua tayar sebelah kanan kereta telah tenggelam sedikit ke dalam pasir pada bahu jalan. Kawasan ini memang sebenarnya jarang sekali orang akan lalu terutama pada musim panas. Ini merupakan tempat yang paling ngeri untuk kereta tersadai di sini. Aku masih tidak mahu keluar dari kereta untuk menolak kereta dek kerana di luar sana suhu masih lebih dari 40 darjah selsius.

“Furkan, how about you try to reverse and see how it goes,” aku memberi cadangan ringkas.

Furkan memasukkan kereta ke dalam gear undur. Pedal minyak ditekan secara perlahan-lahan dan kereta

kami berjaya keluar dari pasir. Ini baru Death Valley, belum lagi neraka. Tapi mungkin boleh disamakan kepanasannya sebagai neraka dunia?

Panas api yang kamu nyalakan di dunia ini (termasuk matahari) hanyalah sepertujuh puluh dari panasnya api neraka di akhirat. Kalau sebagian kecil (api neraka) jatuh ke dunia, niscaya mendidihlah air laut karena panasnya.

(HR. Muslim)



Gua yang sangat besar. Gua di Carlsbad Caverns yang menunjukkan keindahan ciptaan Tuhan di bawah tanah. Saiz ruang gua ini boleh memuatkan satu kapal terbang Boeing 777.



Penat meneroka di gua bawah tanah. Tiba masanya untuk berehat di depan pintu masuk.



Grand Canyon ini sangat panjang dan lebar. Semua lorong kecil yang dilihat itu merupakan laluan air sungai. Air sungai menghakis batu sedikit demi sedikit.



Sesiapa yang datang ke Grand Canyon pasti teringin untuk datang ke sini kembali. Sungguh menakjubkan.



Berdiri hampir di hujung batu. Ini latihan untuk jadikan aku lagi berani.




Death Valley merupakan kawasan yang paling panas aku pernah pergi. 47 darjah selsius. Kulit rasa macam hendak terbakar.



Death Valley padang jarak padang tekukur. Pokok susah hendak hidup. Mati kalau tersesat di sini.



Kami hampir tersangkut dalam ribut pasir yang tiba-tiba melanda Death Valley. Takdir enjin kereta masih boleh dihidupkan.



*"Hidup seperti kucing, kucing tidak kisah apa pendapat orang lain."
-Halimah Osman*

BERUANG CALIFORNIA

Setelah terbenamnya mentari di ufuk barat, kaki langit yang jingga kian pudar, terpacul aurora biru menandakan kepekatan malam bakal menjengah. Kehijauan pokok *pine* setinggi 10 meter menghiasi keliling kawasan pam minyak yang kami singgahi ini. Udara segar dari pergunungan Yosemite mengisi ruang nafas kami menggantikan udara kering pasir siang tadi. Nyaman lagi menenangkan. Yang tadinya suhu memberontak pada sekitar 47-50 darjah, kini bonda Bumi mengasihani kami dengan menurunkan suhunya kepada 15 darjah selsius. Kepanasan Lembah Mati di siang hari tadi hampir-hampir membejat kewarasan kami. Membayangkan kepanasan Jahannam, membuatkan aku gerun jika aku dicampakkan ke dalam neraka. *Sesungguhnya, dan nikmat Tuhan manakah yang kamu dustakan?* Setelah tanpa jemu, Allah memberi peringatan. Sedangkan perjalanan tiga jam di Death Valley, sudah cukup menginsafkan. Kembali kepada realiti, suasana pam minyak yang kami berada sekarang sungguh menyeramkan. Aura negatif mula mencuit hati. Keadaannya yang gersang, jauh dari penempatan awam dan sangat sedikit bilangan pelancong yang mengunjungi. Tempat ini seolah-olah berhantu dan kini aku telah dihantui.

"Dude, lets find the nearest campsite to sleep," ucapku separuh mamai.

"Yeah, lets go bro!" Kini giliran Bad pula untuk membawa kereta.

Peta telefon pintar menunjukkan jarak tapak perkhemahan yang terdekat adalah 3km di hadapan. Lokasi yang menarik dan strategik kerana ianya berhampiran dengan stesen pam minyak. Kami kembali ditelan ke dalam perut kereta. Bad tanpa banyak kerehah meneruskan perjalanan dek kerana rangsangan bebola mata untuk dipejam, perjalanan kami diisi dengan kesunyian. Masing-masing membisu melayan perasaan. Sepanjang meluncurnya pacuan empat roda kami, perjalanan ditemani dengan simbahan cahaya malap sang rembulan. Yang terkadang dilitupi awanan. Tiada satu pun lampu jalan yang menjengah. Yang menyapa hanya titik gelap bercampur curahan lampu depan kereta. Pendingin hawa kami matikan kerana udara yang nyaman pada malam itu. Damai dalam angan-angan. Hutan belukar pula penuh menghiasi tepian bahu jalan.

Mata melirik kepada GPS telefon dan ia menunjukkan 1km lagi kami akan tiba di kawasan perkhemahan. Aku mengalihkan kembali pandangan mata ke arah jalan. Pemandangan berubah. Tadinya indah sekarang bertukar mengerikan. Yang tergapai oleh indera mata cuma kereta kami yang singgah. Dalam mengelamun melayan perasaan, GPS telefon mengalunkan nyaring arahan seterusnya.

"In 50 meter, turn left." GPS menjerit dengan kuatnya.

Keliru. Pandangan aku buang secara rawak ke arah kiri dan kanan. Tetapi keliru masih merajai. Masih tidak mampu mencerna arah GPS dari telefon tadi. Simpang kini aku amati, gelap. Tiada yang lain, cuma gelap! Hutan pokok *pine* yang tebal dan penuh dengan semak-samun.

Aku enggan mengganggu apa sahaja penghuni di dalamnya yang aku kira sedang enak diulit mimpi, mungkin. Ketakutan menyelubungi diri, tidak kurang juga perasaan risau yang membuak-buak. Tapi dengan jiwa yang penuh tawakal, kami meneruskan lagi perjalanan sejauh 30 meter ke hadapan. Dan kami ditemukan dengan satu papan tanda yang lusuh dan hampir roboh dimakan anai-anai. Bad menekan pedal brek, memperlahankan kereta untuk memudahkan pembacaan pada papan tanda tersebut. Lega. Menurut papan tanda, kami berada pada laluan yang betul. Tapi melihat keadaan jalan yang dipenuhi dengan semak-samun, kegusaran hati belum mampu dipadamkan. Sebarang kemungkinan masih lagi berlegar. Yang paling aku risau adalah lopak air. Enggan lagi rasanya terperangkap seperti kejadian di Death Valley tempoh hari.

“Is this the right way, Sham?” Bad bertanya kepada aku dan Furkan.

“This place looks really scary.” Furkan meluahkan perasaan.

“According to the map, this is the right place. The campsite is 200 meter inside this road. Do you guys want to go in?” Aku bertanya dengan ikhlas.

“Let’s try.” Fukan dan Bad memberitahu aku.

Kami kembali bertawakal. Ikutkan hati, tempat seperti inilah yang kalau boleh aku elakkan. Nauzubillah, diharapkan tiada apa yang tidak diingini berlaku. Walau apapun situasi, untuk keluar dari sini memerlukan kerja yang payah. Jauh dari jalan utama dan laluan kereta hanya akan berjaya dalam pemanduan mengundur. Bad memusing stereng kereta,

membelok ke kiri dan masuk ke jalan yang dipenuhi semak di belah kiri dan kanan jalan.

“Takut la weh tempat ni, Sham,” luah Bad.

50 meter pemanduan, ditemani kegelapan dan belukar, Bad memberhentikan kereta sekali lagi secara mengejut. Satu papan tanda lusuh berwarna coklat sebesar 1 meter yang hampir roboh memaparkan satu mesej yang menakutkan kami semua. Gugur jantung melihat papan tanda. Seramnya sampai ke tulang dan bulu roma menegak. *BEWARE OF BEAR*. Mesej ringkas tapi sudah cukup menggetarkan hati anak teruna seperti kami ini. Cermin jendela yang tadi kami turunkan, kembali terkutup rapat. Papan mesej singkat jelas berjaya mencabar ego lelaki kami. Entah mengapa, aku memberitahu kepada Bad untuk memandu ke dalam kawasan ini untuk mencari kawasan perkhemahan walaupun pada masa ini jantung sedang berdegup kencang. Ledakan adrenalin menjadikan aku hiperaktif dan sentiasa dalam situasi lawan atau lari. Mata yang sebelum ini mengantuk kini jadi membulat, mencari, menganalisis setiap pergerakan daun yang berkemungkinan menunjukkan kehadiran beruang *grizzly* berwarna coklat.

Kami tiba di kawasan perkhemahan. Terdapat beberapa orang tempatan lain sudah masuk ke dalam khemah masing-masing. Senyap dan sunyi. Seheinggakan aku merasakan penghuni dalam setiap khemah telah mati dibaham beruang. Kami meletakkan kereta kami di kawasan kosong seluas suku ekar. Di kawasan itu, aku terlihat satu laci kosong dan juga satu lagi papan tanda lusuh berwarna coklat memaparkan mesej, ‘Berhati hati dengan beruang. Sila masukkan makanan anda ke dalam almari yang disediakan’. Dengan bau badan yang berbau hapak kerana peluh yang

melampau di Death Valley sebentar tadi, aku sangat berharap beruang tidak tersalah anggap bau badan aku ini seperti ikan salmon yang sungguh melazatkan. Jangan tanya kenapa aku tidak mandi. Rasanya malam itu, aku lebih rela tidur dalam keadaan busuk daripada meredah kelam malam untuk mencari punca air.

Kami bertiga masuk ke dalam khemah yang telah dipacakkan sebentar tadi dan cubaan untuk memejamkan mata dilakukan beberapa kali. Namun lena yang diundang masih belum kunjung tiba. Paranoia menyinggah. Dua jam berlalu tanpa sedar. Bayangan beruang menjadi lintasan mata. Pergerakan bayu malam yang menghasilkan bunyi yang mencurigakan sudah cukup membangunkan aku untuk berjaga-jaga. Aku berzikir sepanjang malam untuk menenangkan hati dan berharap agar tiada beruang yang mengoyak khemah kami. Dan harapnya mati bukan hari ini.

Nota ringkas. Dalam kebanyakan taman negara yang aku pernah lawati di 42 negara, Taman Negara Yosemite ialah taman negara yang paling lawa dan cantik aku pernah lihat. Beratus ribu pokok *pine* warna hijau pekat menghiasi sepanjang jalan taman negara ini. Air terjun setinggi 739 meter di tengah-tengah taman negara ini menghasilkan kabus yang ditembus lalu oleh sang suria lantas menghasilkan berpuluh-puluh pelangi kecil. Matahari yang timbul di antara gunung-ganang dan unggas pagi yang berkicauan membawa keharmonian warna dan deria dengar diberi jamah dengan tenangnya. Aku yang kerdil ini sungguh bersyukur melihat keajaiban Tuhan di tanah Amerika. Sepanjang 50km aku merentas taman negara ini merupakan saat-saat yang aku paling hargai dalam hidup lebih-lebih lagi setelah dicekup pihak polis di Texas dan hampir mati di Death Valley. Aku pasti akan datang kembali ke sini mencari ketenangan jiwa

bersama keluarga yang tercinta pada masa hadapan.

“Seorang pemenang takkan pernah berhenti untuk berusaha dan orang yang berhenti untuk berusaha takkan menjadi seorang pemenang.”



Pemandangan yang sangat lawa di Yosemite. “Bad, baring dulu dan aku tangkap gambar.” Sumpah aku sangat rindu dengan keindahan ini. Satu hari kami senyum kegembiraan merantau di kawasan ini.



Tasik yang berkilauan memantulkan refleksi awan dan pokok menjadikan aku terfikir dunia ini sangat indah. Syurga semestinya lagi cantik dari dunia. Kami tidur bertemankan beruang di malam sebelumnya.



Pergunungan Yosemite menyajikan mata dengan pokok *pine* hijau yang menyenangkan hati selepas kami ditangkap polis di Texas. Kami berkhemah di kawasan berhampiran ini.




Air terjun Yosemite yang menjadikan aku terfikir sebentar, "Mandi kat sini macam seronok juga." Air lagi sejuk dari air peti ais di Malaysia. Batal rancangan aku.



Aku tenung lama lama pemandangan Yosemite ini. “Fuh, lawanya.” Hati rasa ingin terbang ke udara dan melihat dari kaca mata burung.



White sand tempat yang jauh dari Yosemite. Kami terkejut jumpa pasir putih yang terlampau banyak di tengah-tengah pergunungan Amerika. Kata geologi di sini, dulu kawasan ini pada asalnya lautan dan telah disejat ratusan ribu tahun dahulu.



*"Hidup dengan sakit itu biasa. Hidup dengan menyesal ialah sakit yang membunuh."
-Firdaos Syauqi Sidiki*

IRONMAN HOLLYWOOD

Wooosssh...

Kereta dipandu laju memecah angin udara Lautan Pasifik dan tiba di bandar San Fransisco. Jumantara berhawa segar bersuhu 15 darjah selsius menjadikan badan aku kembali bertenaga, damai menyusup kalbu. Awan berkabut tebal melindungi sang mentari, sinaran canggung cahayanya memancar penuh melalui celahan awan. Bandar ini merupakan antara bandar yang paling terkenal di Amerika kerana di sini terletaknya Silicon Valley. Kebanyakan syarikat besar seperti Google, Microsoft, Facebook dan Yahoo berpangkalan di kota ini. Selain itu, kota ini sangat terkenal dengan masyarakat yang menjalinkan hubungan sejenis. Populasi mereka memenuhi hampir setiap genap pelusuk kota ini. Perjuangan mereka untuk mendapatkan hak sama rata dan kebenaran untuk melangsungkan perkahwinan seperti pasangan yang lain begitu sengit. Gerun dan terkejut aku dengan fakta yang satu ini. Bahkan kebarangkalian untuk kami diperkosa oleh kaum sejenis pun sangat tinggi. Kami bertiga jalan berdekatan antara satu sama lain untuk memastikan keselamatan. Namun peluang untuk menjelajah bandar San Francisco tidak mungkin kami sia-siakan. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan. Lawatan kami teruskan ke Jambatan Golden Gate, Tram yang terkenal dengan pelbagai jenis warna dan China Town.

Woosshhh...

Pemanduan bersahaja sepanjang persisiran Lautan Pasifik menuju ke Hollywood menggunakan jalan pantai yang indah. Jalan ini dipanggil Jalan 1 sempena jalan pertama yang dibina dari utara Amerika sehingga selatan Amerika. Pemandangannya sungguh luar biasa. Tebing curam batu yang berwarna hitam dan kelabu, ombak menghentam tebing dengan kuatnya, beribu batu menghasilkan ukiran yang agak unik. Adakalanya batu tersebut kelihatan seperti ilusi jambatan dan adakalanya kelihatan seperti mahu runtuh. Bayu yang berpuput sarat dengan bau lembapan air masin. Akan tetapi, kenikmatan tidak kekal apabila perut aku memulas meraung minta dilepaskan isinya. Misi mencari tandas dalam keadaan begini menjadikan aku separuh histeria. Sedang aku asyik menikmati pemandangan yang indah, mesti ada sahaja yang mencemburui. Kalau semasa di Austria masa yang mencemburui, kini perut pula yang merengek seakan bayi. Boleh jadi ini peringatan untuk aku supaya tidak leka. Misi diteruskan tanpa lengah, tandas aku perlukan dengan kadar yang segera. Pedal minyak aku tekan sekuatnya, mata meliar kalau-kalau ada kedai atau stesen minyak yang berdekatan. Mujur, satu rangkaian makanan segera muncul entah dari mana, Taco Bell, penyelamat aku ketika ini. Lega!

Antara hari-hari yang bersisa di Amerika. Kami mengambil kesempatan untuk melawat Universal Studio Hollywood yang tiket masuknya berharga 80 *dollar* (RM240). Untuk menjimatkan lagi kos, kentang goreng adalah menu untuk makan tengah hari di dalam taman tema Universal Studio Hollywood yang seluas aku anggarkan lebih 50 ekar. Aku pada mulanya fikir ini hanya taman tema biasa. Rupa-rupanya Universal Studio Hollywood ini tempat rakaman studio bagi pelbagai jenis

filem. Antaranya Fast and Furious, Jurassic Park dan Jaws.

Wooosshhh...

Artis Hollywood. Di manakah mereka? Aku memang dari kecil sudah menyemai impian untuk bertemu artis-artis Hollywood seperti Angelina Jolie, Brad Pitt dan Tony Stark. Jika di Malaysia aku sudah berjumpa dengan Fizo Omar yang salah sangka sebagai poyo secara *live* depan mata, kini aku ingin berjumpa artis Hollywood yang sering menggegarkan dunia dengan filem *blockbuster* hampir setiap tahun. Kami bertiga meletakkan kereta di Jalan Hollywood yang mempunyai ukiran lantai yang terturap nama mereka dalam ruangan bintang. Yang menariknya, peninju terkenal Muhammad Ali, bintang yang terisi namanya sahaja tidak diturap di atas lantai, sebaliknya bintang beliau disemadikan di sebuah dinding yang berdekatan. Pada kiraan aku, inilah kemungkinan kami yang agak besar untuk berjumpa artis ternama. Tempoh masa aku bersiar-siar di kawasan Hollywood ini, aku rasa gembira lain macam. Walaupun matahari agak terik dan suhu agak panas, perasaan gembira mengatasi segalanya.

Beratus-ratus nama artis berada di atas jalan sebagai tanda penghormatan bagi jasa mereka dalam bidang perfileman. Aku menunggu kemunculan Tony Stark dengan penuh tabah. Dengan harapan beliau akan terpacul di mana-mana. Kaki ini hampir mengalah, tetapi hati terus-terusan mendesak untuk terus bertabah. Akhirnya, pencarian aku terhenti di hadapan restoran McDonald. Dari jauh, satu kelibat merenung aku. Termangu, terkedu! Rupanya aku sahaja yang merenung manakala isi yang ditenung kosong. Itu cumalah kostum Ironman 3. Di sebalik kaca, jelas terpapar kemegahannya.

“Aku balik rumah aku kat Sheffield, aku akan buat satu *suit* Ironman ni,” kataku sambil senyum sendiri. Hilang sebentar kesiuman aku kali ini.

Tony Stark tidak hadir untuk mendampingi aku pada petang itu, namun kehadiran *suit* Ironman sudah cukup membuat aku terinspirasi untuk membina satu *suit* Ironman lengkap selepas aku habiskan misi menjelajah ini.

Azam seterusnya. Selepas selesai misi menjelajah Amerika, aku menumpukan segala tenaga fizikal membuat satu *suit* Ironman dari kepala sampai ke kaki. 1 bulan hidup aku dedikasikan di dalam makmal untuk mencipta *suit* ini dari aluminium kosong dan plastik kosong. Dari Arc Reactor sehinggalah setiap lampu berjaya dinyalakan dengan berjayanya. *Suit* Ironman Mark 3 berwarna merah kilat menjadi kebanggaan warga Melayu Sheffield kerana *suit* Ironman ini ialah *suit* yang paling cantik pada hari Halloween 2013 mengalahkan semua pakaian orang putih. Siapa kata Melayu tak hebat?

Sehari sebelum tarikh penerbangan kami, pemusafiran Bad juga berakhir di sini dan destinasi seterusnya bagi dia adalah tanah UK. Manakala aku dan Furkan meneruskan pengembaraan ke Rio Janeiro, Brazil. Namun harta sepencarian kami sarat memenuhi ruang bonet kereta, seperti khemah, beg tidur, alatan memasak dan pelbagai barang perkhemahan. Kalau ikutkan hati mahu sahaja aku mengangkut kesemua barang yang seberat 30kg ini, akan tetapi pilihan yang lebih bernas dan masuk akal adalah untuk mendermakan kesemua barang ini kepada organisasi amal yang boleh membantu insan yang lebih memerlukan. Barang ini akan menjadi satu beban yang besar kerana pihak penerbangan akan mengenakan caj yang mahal kepada

kami. Dengan berbekalkan konsep melancong ringan dan murah, aku, Furkan dan Bad memulakan proses mencari organisasi amal yang berdekatan.

“Haaa, aku dah jumpa. Ada satu yang paling dekat, 4km dari sini,” Bad terjumpa satu lokasi GPS.

“Jom. Lagi dekat lagi bagus,” aku bersetuju.

Suku jam kemudian kami tiba di hadapan pintu organisasi amal. Kami masih duduk di dalam kereta dan tidak berani untuk keluar atas sebab-sebab tertentu.

“Bad, kau bawa kitorang kat tempat mana ni *bhahiii?*”

“Ni la tempat yang GPS tunjuk tu. Ada *signboard* lagi tu ha.”

“Bapak la, tempat ni banyak gila orang hitam duduk tepi jalan. Semua muka macam samseng yang boleh rompak orang ni.”

“Abis tu kita nak buat macam mana ni? Kita ja yang Asia kat sini. Semua orang hitam.”

“Nak keluar ke tak ni?”

“Entah la *bro*. Aku rasa cuak.”

Kami secara tidak sengaja masuk ke kawasan orang hitam. Kebanyakan rumah mempunyai tingkap pecah. Grafiti boleh dilihat sepanjang jalan. Setiap laman rumah tidak dijaga dan dibiarkan begitu sahaja seolah-olah kebanyakan rumah ini rumah mafia. Orang hitam yang berada di kawasan

ini berpemakaian gelap dan menutup kepala mereka dengan bandana. Perasaan takut menyelubungi hati aku. Gaya berjalan mereka juga tidak kurang hebatnya seolah-olah mahu mencari gaduh. Kebanyakan mereka duduk melangut di tepi tangga rumah, menunggu kawan mereka, aku kira. Ada yang sedang hisap ganja dan ada yang sedang bermanja dengan teman wanitanya. Aku secara pasti dapat mengagak tempat ini merupakan tempat yang berpendapatan rendah dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Sedangkan orang berkulit putih pun sedikit dalam kawasan ini apatah lagi bangsa kulit kuning langsung sawo matang Asia seperti aku. Jika aku keluar kereta, habis aku dibuat lauk, dipukul secara ramai-ramai dan dituduh sebagai orang Cina yang ingin merampas harta mereka.

"This is way too dangerous bro," Furkan mencelah.

"Yeah man, I have a bad feeling about this," aku membalas dengan ringkas.

"How about this, we start our car slowly and lets get away from this area. We don't want to get into trouble," aku memberi cadangan yang ringkas.

Sewaktu kereta kami bergerak mahu keluar dari kawasan ini, dapat dirasakan banyak mata yang tajam memandang. Jelingan yang mampu membunuh. Aku menundukkan kepala dan mengecilkan badan, berharap supaya aku halimunan dari pandangan mereka. Kami berlalu dari situ perlahan-lahan.

Kemudian kami terjumpa satu masjid di tengah-tengah Los Angeles, jauh dari kawasan penempatan tadi. Kami meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan dan

aku keluar dari kereta, terus berjumpa dengan tok imam masjid. Dia berketurunan Pakistan, berkumis dan berjanggut lebat. Dia mengenakan jubah putih bersih.

“Assalamualaikum, how are you?” Aku memberi salam.

“Walaikumussalam brother, I’m good alhamdulillah, how about you?” Tok imam membalas.

“We have a lot of stuff to donate to the poor people, is it possible to leave all the stuff in this mosque?” Aku bertanya.

“Yeah. Masya-Allah brother. You are a kind Muslim. You can leave you stuff at the table and the poor people will take it from there. May Allah bless you brother,” pujinya melangit.

Kami mengambil semua barang dari dalam kereta dan meletakkannya di atas meja putih sebesar 3 meter panjang di luar masjid. Barang kami ibarat gunung di atas meja. Penuh sangat sehingga aku ingatkan esok lusa baru akan habis diambil orang lain. Katanya orang miskin akan datang pada waktu petang untuk mengambil barang yang mereka perlukan. Aku sungguh terharu melihat peranan masjid ini di Los Angeles. Masjid ini berperanan seperti masjid yang aku belajar dari buku teks agama ketika aku bersekolah menengah dahulu. Orang susah akan datang ke masjid ini untuk mencari tempat perlindungan dan mereka juga akan datang untuk mencari makanan mengisi perut mereka yang kosong. Benda yang aku paling suka dengan masjid ini ialah tandasnya dibuka secara awam kepada semua pengguna tidak kira Muslim atau bukan Muslim. Orang yang kurang bernasib baik akan datang ke masjid ini untuk membersihkan

diri mereka dan menyegarkan badan. Masya-Allah, inilah masjid yang betul-betul bagi aku sungguh dekat dengan masjid yang dibina oleh Nabi Muhammad satu ketika dahulu. Hampir menitis air mata aku apabila terkenang masjid ini. Sungguh terharu. Masjid ini aku memanggilnya dengan gelaran Masjid LA, ringkasan bagi Masjid Los Angeles. Kalau aku kaya pada masa depan, aku ingin membuat masjid yang tidak sejah Masjid Putrajaya tetapi mempunyai fasiliti yang lengkap untuk membantu semua orang. Bukan setakat boleh buat majlis tahlil, main bola sepak pun tidak mustahil.

Selepas kami meletakkan semua barang di atas meja di belakang masjid, aku masuk ke tandas untuk melepaskan hajat. Selesai hajat tercapai, aku keluar dari tandas, semua barang yang aku baru letak atas meja tadi sudah lesap. Syukur, hajat kedua kami selesai. Tak sangka ramai orang miskin di Los Angeles.

“Orang-orang yang menginfakkan hartanya pada waktu malam dan siang hari, secara sembunyi mahupun terang-terangan, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya.”

(al-Baqarah: 274)

Woosshhhh...

Sudah hampir 25 hari aku merantau di Amerika, sayu hati untuk pergi meninggalkannya. Negara ini banyak mengajar aku untuk membuat kebaikan kepada orang lain kerana Allah akan membantu kita jua di atas perbuatan baik. Sayu sehingga menjadikan perut aku lapar. Sudah muak aku makan Subway dan McDonald hampir setiap hari. Aku sudah trauma dengan burger ikan yang disaluti keju kuning yang dihidangkan bersama air Pepsi 1 liter dengan

kentang goreng. *Sandwich vegetarian* Subway yang dipenuhi dengan pelbagai jenis sayur juga aku tidak mampu telan. Aku memerlukan makanan yang sesuai dengan tekak aku. Sebagai orang berdarah Melayu sejati, lidah aku lagi sukakan nasi berbanding makanan lain.

Kami pusing selatan Los Angeles pada malam yang terakhir untuk mencari sesuap nasi yang halal. Berpuluh kilometer aku menahan lapar demi mencari restoran halal yang menyajikan makanan idaman. Terbayang makanan Malaysia yang sungguh lazat, lebih-lebih lagi dengan air tangan emak. Nasi lemak, asam pedas, nasi ayam dan tomyam. Aku sedar jarak aku dengan Malaysia ialah 20,000km jauhnya dan dipisahkan dengan 12 jam waktu perbezaan. Kembali ke realiti, otak masih ligat mencari papan tanda restoran yang bertulis HALAL di sepanjang jalan Los Angeles. Ada kalanya kami termasuk ke kawasan rumah orang kaya dan ada kalanya kami termasuk ke kawasan rumah orang hitam yang sangat bahaya. Inilah kehidupan merantau yang aku hendak lihat dari dulu lagi.

Pusing punya pusing, akhirnya aku terjumpa satu kedai Restoran Halal yang dimiliki orang Myanmar. Aku rasa aku orang yang paling bertuah hari itu. Panjang dipendekkan cerita, Restoran Halal ini mempunyai menu yang paling gempak sekali dalam dunia. Nasi goreng dan semua lauk-lauk Malaysia.

“Who is the Chef? How did he know how to cook Malaysian food?” Aku bertanya kepada juruwang.

“He is from Myanmar but he lived in Malaysia for a few years to study about Islam,” juruwang pantas memberi jawapan.

“Wow, can I order nasi goreng ayam please?” Malas aku hendak bertanya lagi sebab perut sudah berbunyi.

“Yes, have a seat first,”ucap juruwang.

Dalam masa 15 minit, makanan nasi goreng yang beraroma belacan campur dengan bau ayam goreng menggoda selera aku yang sudah tersedia rakus ini. Ketulan ayam goreng dipotong kecil serta asap yang merembes ke udara dari nasi menambahkan lagi keindahannya. Yang aku nampak kali ini adalah hidangan yang bakal singgah ke meja, dunia seakan berhenti berputar dan masa menjadi beku seketika. Ini rahmat dari Tuhan yang Maha Esa. Dengan ucapan Bismillah, suapan pertama dijamah. Alhamdulillah, rasanya setanding dengan aromanya yang menggoda. Seterusnya, cuma dentingan garpu dan sudu sahaja yang kedengaran sehingga santapan lenyap keseluruhannya.

“Puasnyaaaaaa,” aku bercakap seorang diri.

“Sedap sial,” Bad membalas ucapan aku.

Lima minit, tempoh masa yang kami perlukan untuk melicinkan pinggan. Malahan tulang ayam yang tidak bersalut isi lagi pun kami jilat. Ini memang sudah tahap mengambil berkat ke puncak maksima, pembaziran memang tidak mungkin mampir kepada kami bila makanan yang menjadi taruhan. Kerakusan nafsu makan kami diakhiri dengan sedutan terakhir air cincau yang diimport khas dari Malaysia. Tiba-tiba Chef Myanmar datang ke sebelah aku dan menyapa.

“Assalamualaikum, are you from Malaysia?” Chef bertanyakan soalan.

“Walaikumussalam, yes I’m from Malaysia. You make a really good nasi goreng.” Aku senyum lebar.

“Which part of Malaysia?” Dia sambung bertanya. Wah. Pandai betul orang Myanmar ini hendak berbual.

“I’m from outside Kuala Lumpur,” aku jawab dengan yakin sebab aku anggap dia tidak tahu.

“I lived in Malaysia before this for 5 years.”

“What? Where did you live in Malaysia?”

“I lived in Kelantan to learn about Islamic Studies in Pondok for 4 years. From there I learn a little bit of Bahasa Melayu. I also married with a Malay woman from Kelantan.” Dia memberitahu dengan semangat.

Di dalam hati aku, terkejut, tidak sangka perempuan Melayu tertarik dengan kekacakan orang Myanmar.

“What are you doing here in California?” Santai aku bertanya sambil senyum.

“I am the imam in the masjid in this part of Los Angeles,” jawapan dia seolah-olah memberi renjatan elektrik kepada sel otak aku.

Aku sumpah terkejut dan kagum dengan chef atau dipanggil dengan nama baru iaitu tok imam. Dia berhijrah beribu-ribu kilometer dari tanah asal, kahwin dengan orang negara lain lalu mencari rezeki yang halal di Amerika. Gayanya sungguh *sempoi* namun cahaya keimanannya dapat dirasai dengan caranya bercakap penuh dengan sopan santun dan

menghormati orang lain. Malam yang terakhir meninggalkan kesan kepada hidup aku. Aku sangat hormat kepada orang yang berhijrah ke negara lain untuk mengubah nasib hidup mereka.

Wooosshhhh...

Kapal terbang Amerika Airline membawa aku menuju ke negara seterusnya, Brazil. Negara yang terkenal dengan bola sepak.

“Untuk berjaya tiada lif, awak kena ambil tangga ke atas!”

- Hafiz Hotnett



Bandar ini orang kata bandar orang gay dan lesbian. San Francisco bandar yang menjadi tunjang utama elektronik di dunia.



Jambatan bersejarah yang dibina untuk menghubungkan bandar San Francisco. Orang kata ada banyak orang bunuh diri di jambatan ini kerana tertekan dengan kehidupan di Amerika.



Pemandangan yang lawa, perjalanan dari San Francisco ke Hollywood. Nasib baik hari masih muda. Jika tidak pasti aku akan memacakkan khemah sambil menikmati air teh buatan Cameron Highlands.



Baru aku tahu Hollywood ini merupakan kawasan perumahan. Disebabkan banyak artis tinggal di sini, tempat ini tiba-tiba jadi terkenal di seluruh dunia.



Muhammad Ali sahaja yang namanya terpasak di dinding, bukan di lantai seperti orang lain. Ini untuk menghormati nama Nabi Muhammad.



Artis Asia yang paling terkenal di Hollywood. Jackie Chan menjadi pujaan hatiku.

Universal Studio Hollywood bukan sahaja taman tema tetapi tempat lakonan sebenar filem berbajet besar. Kami sedang berimpian tinggi melakukan sesuatu dalam hidup.




Ini salah satu lokasi penggambaran di dalam set Universal Studios. Kapal terbang dirobek untuk dijadikan seperti baru terhempas untuk filem terbaru.



Baru hendak masuk ke dalam set penggambaran Hollywood dengan menaiki kereta api. 30 minit kami tunggu dalam barisan dan hampir putus asa.



Muka gergasi badut yang sangat jahat. Aku pasti budak kecil akan menangis melihat badut The Simpsons ini.



*"Hanya ada 2 pilihan setiap pagi untukmu. Kamu segera bangun untuk mewujudkan mimpimu atau tidur lagi untuk melupakan mimpimu."
-Shams Tech*

MAIN BOLA SEPAK RIO, BRAZIL

RIO, BRAZIL

Dari Amerika Selatan sehingga jajahan Amerika Latin, Brazil adalah negara terluas keseluruhannya dengan berbahasa pengantar adalah bahasa Portugis. Di timurnya bersempadan dengan Lautan Atlantik, maka Brazil dianugerahi dengan pesisiran pantai yang panjang. Manakala lubuk Sungai Amazonnya mengandungi belantara yang luas bagi mergastua, flora fauna dan segala macam hidupan liar yang menjadi kebanggaan dan pusaka bumi berharga bagi rakyatnya. Kesemua habitat yang mendiami rimba Amazon termaktub dalam naungan haiwan yang terpelihara. Namun, kehadiran aku ke Brazil bukan dijemput oleh keindahan alam semula jadi hutannya yang memukau, akan tetapi aku tersihir dengan ketaksuban penduduk Brazil dengan bola sepak.

Tujuh jam penerbangan sudah cukup untuk menjadikan punggung aku kematu akibat tempoh yang lama duduk yang tidak berganjak. Keluar sahaja dari lapangan terbang, kami lantas menaiki teksi. Destinasi seterusnya, Pantai Copacabana.

45 *brazillian dollar* bertukar tangan. Aku dan Furkan bersiap sedia untuk keluar dari perut kereta. Kukuak buka pintu kereta, pawana bayu pantai menyapa wajah dan segenap tubuh, bau masin yang ia bawa bersama seakan tidak basi untuk memukau deria bauku. Kilauan keemasan pasir yang menjamu mata, kubiarkan beg lekap di sisi. Kaki

yang tadinya kebas di dalam perut kapal terbang, kini terpasak gah di pesisir pantai. Mata aku pejam, supaya nikmat ini dapat aku rasai secara maksima.

Kelihatan sepanjang 4km Pantai Copacabana ini, ada sahaja anak-anak muda bermain bola sepak. Siang membawa ke malam, pagi bertukar petang. Tidak akan pernah lekang dari panorama ini. Kehandalan pemain-pemain mereka terbukti apabila segenap anak-anak muda sekecil dari umur 3 tahun, aku kira, sudah mula ditayang dan diasah. Senyum, aku hanya mampu tersenyum.

Akan tetapi, hari ini aku bercadang untuk berehat sahaja. Penerbangan yang memakan masa satu hari tambah transit dari Los Angeles ke Rio de Janeiro telah mengubah tahap tenaga aku bertukar hampir ke paras sifar. Kaki melangkah lesu mencari arah hostel yang kami tempah sebelum ke sini. Sambil melangkah, kepala ligat memikirkan masa depanku yang mungkin berbaki 50 tahun lagi. Entah mengapa tatkala aku berada di Brazil ini, tiba-tiba aku mula berfikir tentang masa depan secara serius.



Di suatu malam yang hening, aku mengenakan pakaian sukan yang palik segak sekali yang pernah aku miliki, berbekalkan sandal hitam sebagai sarung kaki yang boleh ketat di kaki. Ini bagi memudahkan pergerakan aku di tengah malam nanti. Destinasi yang ingin aku tuju berjarak sekitar 6km dari hotel yang aku diami. Dan dengan menggunakan bas adalah mustahil untuk aku sampai tujuan aku ini. Maka, solusinya, sebuah basikal 3 gear berwarna biru gelap kusewa. Impian aku kali ini tidaklah

sebesar mana, tapi bagi anak yang lahir pada zaman 90-an seperti diri ini, azam untuk bermain bola sepak dengan anak jati Brazil telah tersemat lama di dalam sanubari. Mungkin dengan kemahiran yang aku ada, tidak mencukupi. Tetapi keyakinan yang tinggi bekalan aku pada malam ini beserta pengalaman mewakili taman perumahan selama lima tahun, sudah cukup untuk menjadikan aku gagah melangkah.

Satu padang futsal di tepi pantai yang berdekatan dengan stesen keretapi, aku turun dari basikal sewaku. Dengan bangga dan tanpa banyak soal, basikal aku kunci di suatu tempat yang agak jauh dari padang futsal untuk mengelakkan sepakan padu bola yang mampu merosakkan basikal cabuk ini. Aku melangkah menghampiri padang futsal. Aku berfikir, mungkin ini perasaan pemain Brazil terkenal melangkah ke arena perlawanan. Aku tidak tergesa-gesa untuk masuk ke mana-mana kumpulan yang kekurangan pemain. Aku mengambil keputusan untuk memerhati gaya dan kemahiran mereka dengan bola. *Well, like people said. You need to know your enemy, keep your friend close but your enemy closer.* Bukan bermaksud musuh di sini, tetapi lebih kepada lawan. Di tepi gelanggang, lagak seperti jurulatih terkenal dengan lengan aku simpul di dada. Mata aku menganalisa setiap seorang daripada mereka di gelanggang futsal. Setiap detik yang berlalu, mata aku berlabuh menatap dan rahang aku sedikit demi sedikit terbuka menjauh dari soketnya. Terkejut, aku terpana. Kepantasan mereka mengawal bola, sungguh menakjubkan!

Diasak, bola berganti kaki yang entah ke berapa kali dan kepada entah siapa. Mata aku hanya mampu memandangi bola yang bergerak dengan lajunya. Mata semakin berpinar. Dan lamunan aku tersentak mendengar tengkingan pemain kepada pengadil. Fuh, kasar! Penuh emosi perlawanan bola

di Brazil ini, seemosi rakyat di India menyaksikan hero film melawan penjahat. Mereka bukan sahaja bergaduh dengan pengadil tetapi juga sesama mereka sendiri. Ini bukan bola sepak yang calang-calang, ini *hybrid* panggung wayang dan arena WWE. Pada waktu itu juga, impian yang lama aku pendam aku kekalkan di kuburnya. Tidak sanggup aku menjadi mangsa jaguhan Brazil ini. Maka aku pulang kembali ke hostel, menyedari kemahiran bola aku masih jauh kalau hendak dibandingkan dengan jaguhan jalanan Brazil ini.



Renangan aku di Pantai Copacabana sungguh luar biasa. Bertemankan ombak yang beralun setinggi 1 meter, kami berenang seiring. Adakala kami bertarung sehingga aku tidak mampu malawan arusnya, adakala aku berjaya menongkah arah. Lebih dari satu jam, aku mandi bersamanya sambil memikirkan masa hadapan.

Tubuh makin lesu, otot semakin menyerah, aku pulang ke daratan. Sebelum kembali ke hostel, aku singgah ke satu restoran Jepun untuk mengalas perut. Walaupun mereka tidak reti berbahasa Inggeris, tetapi badan sungguh tidak mampu untuk terus melangkah mencari restoran halal yang lainnya. Suasana restoran ini saling tak tumpah seperti kedai mamak, kotak televisyen diletakkan di penjuru kedai dan pelanggan yang ingin memesan makanan akan melaungkan nama menu sahaja. Sama seperti Malaysia, “Anei, roti canai telur satuuuu.” Cuma kali ini bahasa yang dilaungkan adalah bahasa Portugis.

Menu aku amati dengan teliti. Akan tetapi, tulisan yang tertera menambahkan lagi kesulitan pemahaman aku. Lantas aku memanggil pelayan Jepun yang berkulit putih

langsar, berketinggian 1.6 meter dan suara agak dalam yang bertugas sebagai tukang masak.

"I want to order vegetarian food," ucapku dalam bahasa Inggris yang mudah.

Wajahnya kelihatan bingung dan lidahnya terkedu.

"Zxckwwejklajrieojdfnakjdfiqwdnfn," dia membalas dengan dengan bahasa yang tidak aku fahami.

Bagaikan ayam dan itik, perbualan itu aku hentikan kerana enggan menambah pening kepala serta untuk menjimatkan tenaga yang berkurang akibat berenang tadi. Menu aku amati sekali lagi. Dengan hanya berpandukan gambar, aku mencari menu mee yang bercampur sayur dan makanan laut sahaja. Aku enggan untuk menempah menu ayam atau daging yang sumbernya entah dari mana-mana. Aku menelaah deretan menu yang agak panjang. Beberapa minit kemudian, aku menemui menu vegetarian yang terletak di bawah sekali lantas aku memesan menu yang entah apa-apa ini yang berharga 10 *brazillian dollar*. Tidak perlu menunggu lama, pesanan aku sampai dalam beberapa detik sahaja. Makanan aku seakan-akan mee goreng yang dipenuhi dengan sayur kobis dan sawi yang dihidang dalam pinggan yang agak besar. Dengan perut yang lapar dan badan yang mendesak untuk diisi tenaga, makanan di depan mata aku lahap dalam sekelip mata. Selesai melahap, aku pulang ke hostel dengan hati yang gembira.

Aku solat jamak Zuhur dan Asar lalu rebahkan badan di atas tilam empuk. Aku dibuai mimpi sampai tepat pukul 9 malam kerana aku terjaga apabila 3 orang perempuan masuk ke dalam bilik aku dengan riuh. Dalam bilik hostel aku

terdapat 6 katil yang berasingan, 3 daripadanya dihuni oleh perempuan yang berumur sekitar awal 20-an. Tidak pernah dalam hidup aku tidur dalam bilik yang ada perempuan. Rasa sungguh janggal. Namun apa boleh buat, ini bilik yang paling murah dan duit dalam bank tidak mengizinkan aku untuk mencari bilik yang lebih privasi. Aku bersyukur masih ada bumbung untuk berlindung. Sudah 2 malam aku berada di dalam bilik itu, namun jarang melihat mereka di dalam bilik. Mungkin mereka juga rasa janggal melihat lelaki Asia yang sungguh kacak seperti aku ini. Haha!

Aku bingkas bangkit dari katil menuju ke tandas yang berdekatan untuk mengambil wudhuk bagi solat Maghrib dan Isyak. Tandas berada di luar bilik sejauh 5 meter. Ketika aku mengambil wudhuk, aku rasa was-was untuk melakukan perintah Allah ini di hadapan mereka. Sejuk semacam tangan aku ketika itu. Berpuluh kali aku berfikir untuk solat ke tidak. Solat ke tidak. Solat ke tidak. Lalu aku putuskan untuk bersolat dengan muka yang selamba. Dan kebarangkalian jika mereka mencemuh, aku akan kekalkan wajah bersahaja aku walaupun di dalam hati hanya Tuhan yang tahu. Aku mencapai sehelai baju yang aku jadikan sebagai sejadah dan terus membentangkan ke arah kiblat berpandukan arah dari telefon pintar Furkan, lalu tanpa berlengah aku mengucap takbir dan mengangkat tangan. Tidak semena-mena, bilik sunyi, senyap dari sebarang bunyi. Dalam solat itu, aku dapat merasakan belakang aku hampir tembus kerana diperhatikan. Ini menambahkan lagi cuak yang sedia ada.

Di Brazil dan kebanyakan negara di selatan Amerika, agama Islam jarang didengari dan sangat sedikit bilangan penganutnya. Di kota metropolitan sebesar Sao Paulo, hanya terdapat satu sahaja masjid. Aku anggarkan di seluruh Brazil hanya ada 3 masjid. Mengikut orang tempatan, kebanyakan

masjid itu dibina lebih kurang 10 tahun lepas kerana kemasukan orang Pakistan. Gereja pula kelihatan sepanjang jalan di Brazil. Agama yang utama di Amerika Selatan ialah Kristian.

Mereka masih membisu. Tidak berkata apa-apa dan mereka perlahan-lahan berbisik antara satu sama lain. Aku solat dengan pantas dari kebiasaan, cukup sekadar melakukan benda yang wajib kerana aku kurang selesa diperhatikan.

“Assalamualaikumwarahmatullah,” aku toleh ke kiri dan kanan bagi melengkapkan perkara yang wajib terakhir.

Aku bangun seperti tiada apa-apa yang berlaku. Aku melipat baju dan meletakkannya semula ke dalam beg. Mata mereka masih memandang aku dengan sifat ingin tahu yang tinggi. Salah seorang daripada mereka yang berkulit sedikit cerah bersuara.

“What are you doing?” Si dia bertanyakan soalan.

“Oh. I’m praying to God,” aku membalas dengan ringkas.

“You are not Christian, what religion are you?” Dia masih bersemangat.

“Islam is my religion,” aku balas pendek.

“I have seen it in TV and Internet. So, this is Islam. What did you do just now?” Dia bertanya lagi.

“I pray 5 times a day to God, the direction is towards

the Meccah in Saudi Arabia.” Aku menceritakan panjang sedikit.

Mungkin disebabkan aku ini sangat peramah, beribu-ribu soalan diajukan kepada aku malam itu demi memuaskan nafsu ingin tahu mereka tentang agama aku. Peluang seorang Muslim di depan mata, mereka mengambil kesempatan untuk bertanya seberapa banyak soalan yang mungkin. Bagi aku ini juga boleh dikatakan dakwah. Sebelum ini aku takut-takut untuk solat di tempat awam kerana takut dilihat orang dan tentang persepsi mereka terhadap aku. Selepas peristiwa ini, aku sedar solat di tempat awam itu banyak kesan positifnya. Banyak orang di negara ini yang mencari kedamaian di dalam hidup mereka. Secara tidak langsung, ramai orang di negara Amerika Selatan kini boleh melihat Islam di hadapan mereka. Maksud aku, Islam yang sebenar. Bukan hanya belajar dari tipu daya dakyah dari media massa sahaja.

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.”

(Surah An-Nahl 125)

Sebelum aku melelapkan mata, mereka datang lagi sekali kepada aku untuk bertanya soalan yang terakhir. Jauh dari topik Malaysia dan agama Islam.

“Hey Sham, do you want to party (clubbing) with us tonight?” Dia bertanya kepada aku.

“Where?” Aku bertanya kembali.

"We try to find somewhere around here close to our hostel." Pendek balasnya.

"Eerrmm, I'm really sorry, I feel so sleepy." Aku memberi alasan pendek.

"Its okay, see you tomorrow," dia membalas.

Brazil mempunyai sebuah pulau yang bertaraf dunia, tetapi perjalanan untuk ke pulau tersebut memakan masa lima jam dengan menggunakan van sebagai pengangkutan utama. Dugaan yang paling mencabar adalah mengharungi jalan tar yang bersalut lopak air dan lubang yang boleh tahan dalam. Panoramanya tidak ubah seperti laluan untuk masuk ke Felda. Jalan tar yang mahal harga untuk diturap, akan tetapi indah khabar dari rupa. Lima jam perjalanan seakan dua kali ganda aku rasakan. Kepala aku terhuyung-hayang terhantuk cermin sisi van tatkala van cuba mengelak lubang. Pulau Ilha Grande, mempunyai keluasan mirip Pulau Redang, memiliki pemandangan yang tidak kurang hebatnya. Serba sedikit memberi aku pengalaman bagaimana kehidupan di pulau, juga kepada masyarakat Amerika Selatan. Kebanyakan pelancong yang berkunjung merupakan warganegara Argentina dan Chile.

"Our country doesn't have beautiful island. Our country is so boring," ucap seorang dari Argentina.

"My country has hundreds of beautiful island like this," aku memberitahu dia dengan nada mempromosikan negara. Tiga malam, tempoh keberadaan aku di situ. Pelbagai masyarakat dan budaya sempat aku kongsi dan alami sepanjang aku di sini. Germany, Austria, Amerika, Spain dan Portugal, adalah antara kenalan yang berjaya aku kutip

setakat aku di sini. Kesemua mereka, beria-ia mengajak aku untuk berkunjung ke negara mereka pula. Aku, seorang lelaki Asia yang kerdil. Aku tersenyum bahagia kerana minda rancak merencana pengembaraan yang seterusnya, mungkin bersama salah seorang daripada mereka. Seterusnya, cerita aku tidak berakhir di sini, masih banyak tempat yang belum aku terokai. Pengalaman yang luar biasa hanya akan diperolehi jika seseorang itu sanggup untuk keluar dari zon selesa, jauh dari katil yang empuk untuk menempuh mimpi yang nyata.



Berbasikal mengelilingi Rio de Janeiro dari pagi sampai ke petang. Pihak polis tidak sarankan kami ke kawasan perumahan *favela* kerana terlampau bahaya.



Ini merupakan tarikan utama di Brazil. Aku ingatkan masuk ke kawasan agama ini percuma tapi kena bayar 100 *Brazilian Real* (RM100).



Pemandangan kota Rio de Janeiro dari atas puncak bukit. 2014 menyaksikan berlangsungnya perlawanan akhir World Cup.



Aqueduct yang dibangun zaman dulu kala untuk membawa air dari bukit ke kawasan bandar. Lokasi aku sudah terlupa di bahagian mana di Brazil.



Mendaki bukit besar di Pulau Ilha Grande yang terletak 3 jam dari bandar Rio. Tumbuhan dan haiwan di pulau sama seperti hutan di khatulistiwa.



Pemandangan di luar hostel yang aku tinggal. Pada sebelah , malam beribu-ribu nyamuk masuk menyerang aku.